



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL PERDANA MENTERI: Pengangkaian Proklamasi-Proklamasi Darurat	(Halaman 22)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2011 Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011	(Halaman 31) (Halaman 73) (Halaman 79) (Halaman 82)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 41)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan I*
9. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. " Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. " Datuk Heng Seai Kie (Perak) - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tun Lee Cheam Choon (Melaka)
30. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. " Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. " Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. “ Dato' G. Palanivel - *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
50. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin – *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. ” Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. “ Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. “ Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. ” Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 20 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bila dan bagaimana perkhidmatan suntikan percuma imunisasi HPV untuk kaum wanita akan dilaksanakan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih saya ucapkan bagi pihak kementerian kepada Yang Berhormat kerana mengambil berat tentang isu kesihatan dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit barah serviks atau pangkal rahim adalah merupakan penyakit barah ketiga paling lazim yang dihadapi oleh wanita di Malaysia. Pemberian *vaccination* HPV difahamkan dapat mencegah sebanyak 70 peratus daripada kes kanser serviks *insya-Allah*. Prihatin kepada perkembangan ini, pihak kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan telah memulakan pemberian vaksin HPV kepada murid-murid tingkatan satu bermula pada tahun 2010 sebagai *primary target group*, terkini kerajaan memutuskan untuk melaksanakan satu lagi inisiatif proaktif demi kesihatan golongan wanita berikutan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu pembentangan Bajet 2012.

Dalam hal ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN telah diperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi melaksanakan program vaksinasi HPV ini untuk golongan wanita di seluruh negara sebagai dengan izin, *catch-up group* iaitu wanita yang belum menerima vaksin tetapi berpotensi untuk mendapatkan perlindungan yang optimum daripada program ini. Pemberian vaksin kepada seorang wanita akan dilakukan sebanyak tiga kali. Selepas suntikan pertama wanita terbabit perlu mendapatkan suntikan susulan selepas satu bulan dan kemudiannya selepas enam bulan. Langkah terbaru ini penting kerana pencegahan penyakit di peringkat usia muda merupakan salah satu elemen utama untuk kesejahteraan sesebuah keluarga dan sebagai langkah pencegahan dan intervensi awal.

Pelaksanaan program ini akan disasarkan kepada wanita dalam lingkungan umur 18 tahun, setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak seperti Kementerian Kesihatan, pakar perubatan dan juga NGO-NGO. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menganggarkan seramai 200,000 wanita berumur di dalam lingkungan 18 tahun akan menerima faedah daripada program pemvaksinan ini setiap tahun.

Memandangkan sebahagian besar daripada wanita berusia 18 tahun ini berada di pusat-pusat pengajian tinggi, kolej dan pusat latihan, pemberian vaksin ini akan dilakukan di lokasi anak-anak gadis ini berada dengan menggunakan klinik sedia ada dan program berbentuk *outreach*. Wanita berumur 18 tahun yang berada di dalam komuniti juga akan menerima vaksinasi melalui pendekatan tersebut.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan kesemua 56 buah klinik LPPKN, 35 Klinik Persekutuan Persatuan Kesihatan Reproduksi Malaysia, klinik di 20 buah institusi pengajian tinggi awam, Klinik Majlis Kanser Negara, Klinik Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia dan 81 klinik di semua Kem Latihan Khidmat Negara akan digunakan untuk melaksanakan program vaksinasi HPV ini. Klinik bergerak LPPKN dan rakan-rakan pelaksana yang lain juga akan turut menjadi *smart partner* untuk tujuan *outreach* kepada kumpulan sasar di bawah program Vaksinasi HPV ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

■1010

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah bagaimana pihak kementerian akan menggalakkan kaum wanita untuk mendapatkan kemudahan suntikan percuma imunisasi HPV ini, dan juga bolehkah kelonggaran diberikan kepada kaum wanita yang berumur 18 ke atas untuk mendapatkan suntikan percuma imunisasi HPV ini? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan program ini berjaya, pihak kementerian melalui LPPKN mesti ada *focus group*. Apabila perbincangan telah diadakan dengan pakar-pakar perubatan dan mereka yang terbabit, maka satu ketetapan dibuat bahawa fokus dan *target group* kita adalah di dalam lingkungan 18 tahun kerana mereka ini berada di dalam umur yang mungkin berbahaya. Itu fokus utama kementerian. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa wanita yang ada di luar daripada *focus group* itu tidak akan mendapat pembelaan. Mereka yang berada di dalam *high risk group* dengan izin, juga akan diberikan keutamaan untuk mendapat manfaat daripada program ini. Jadi walaupun tidak di dalam *focus group*, saya hendak memaklumkan bahawa dengan izin, *other women at risk* pun akan dibawa masuk di dalam program ini, *insya-Allah*.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, kerajaan melalui Bajet 2012 memperuntukkan RM50 juta untuk suntikan percuma imunisasi HPV. Daripada RM50 juta yang diperuntukkan, berapa juta akan digunakan untuk pengurusan skim ini dan berapa juta yang tinggal untuk imunisasi HPV? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memaklumkan bahawa di dalam kita membuat perancangan melalui LPPKN, satu *task force* telah pun diwujudkan di mana di dalam *task force* itu ia terdiri bukan hanya daripada pegawai-pegawai kementerian dan juga LPPKN, tetapi mereka yang mempunyai kepakaran. Daripada maklumat awal LPPKN yang dimaklumkan kepada kementerian – ini sebagai syor dahulu – ialah kita akan menentukan kos operasi itu tidak terlalu tinggi kerana yang mustahak adalah untuk perolehan vaksin itu kerana ia yang akan memberi kebaikan kepada wanita. Jadi kita akan dengan izin, *keep it to a minimum* dan dijangka mungkin lebih kurang RM5 juta untuk kos operasi kerana kita perlu ada *training* dan lain-lain untuk dengan izin, *care givers* yang akan membuat program-program *outreach* tetapi arahan yang saya sudah beri adalah untuk menentukan bahawa kos operasi itu kita mesti berada ditahap yang minimum sekali kerana kita hendak memanfaatkan seramai mungkin daripada wanita di dalam golongan sasar ini.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memanglah kesihatan wanita mesti diutamakan kerana kalau wanita tidak sihat, lelaki pun jadi tidak keruan. Pertanyaan tambahan saya ialah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, suntikan ini ada tiga kali. Sebulan untuk yang keduanya dan tiga bulan untuk yang ketiganya. Jadi pertanyaan saya, apakah kesan sekiranya orang yang menerima suntikan pertama tetapi tidak mendapat suntikan kedua ataupun tidak mendapat suntikan yang ketiga? Pertanyaan saya yang kedua ialah adakah vaksin HPV ini ada kesan sampingan terhadap wanita-wanita itu dan kesan sampingan itu adakah membahayakan mereka? Akhir sekali, adakah vaksin ini tidak mengandungi gelatin yang ditegah oleh agama Islam? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat itu memang amat menguja saya kerana macam ditanya sebagai seorang doktor ya.

Okey, yang pertama kita akan menentukan vaksin itu menepati segala kaedah-kaedah yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan, sebab itu Kementerian Kesihatan menjadi *smart partner* kita, itu yang pertama.

Kedua tentang kesan sampingan, tentang sama ada akan ada *effect* sampingan. Mengikut kajian yang dimaklumkan kepada kita, bahawa kesan sampingan itu tidaklah banyak dan apa jua yang dijalankan melalui Kementerian Kesihatan dan hospital-hospitalnya dalam programnya kalau penerima itu misal kata berada di dalam kumpulan *risk* itu, maka dia tidak boleh dimasukkan di dalam program ini, maka tindakan itu akan diambil. Jadi *insya-Allah*.

Soalan pertama tadi Yang Berhormat tanya – saya sudah jawab yang kedua, yang tadi yang pertama....

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, daripada apa yang dimaklumkan oleh pakar-pakar dan doktor-doktor, bahawa wajib seseorang wanita yang menjadi peserta dalam program ini mesti mendapatkan tiga suntikan ini. Saya difahamkan bahawa kalau dia hanya disuntik suntikan yang pertama tetapi yang keduanya dia tidak datang untuk suntikan seterusnya, ia tidak akan mujarab. Itu mengikut arahan daripada Kementerian Kesihatan. Oleh sebab itu Yang Berhormat, dalam program ini kita ada *registry* untuk peserta ini, dan menjadi tanggungjawab seperti mana yang berlaku untuk Kementerian Kesihatan. Dengan itu, LPPKN pun akan ada *registry* dan kita terpaksa mengadakan kempen dan untuk menentukan bahawa mereka yang menyertai program ini ada *follow-up*. Kalau tidak, memang saya difahamkan oleh pakar doktor bahawa tidak mujarab.

2. Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, apakah pendirian kementerian terhadap trend filem berunsurkan tahyul dan mistik yang kebelakangan ini menjadi agenda utama pengeluar filem tempatan dalam usaha meraih keuntungan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab pertanyaan ini sekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar bertarikh 21 Disember 2011, kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu berkenaan industri filem negara.

Kementerian melalui FINAS sentiasa memberikan pelbagai bentuk bantuan dan sokongan kepada penerbit filem tempatan bagi menghasilkan filem-filem yang berkualiti tanpa mengira tema, sama ada seram, romantik, komedi, fiksyen, aksi dan sebagainya. Pada masa ini, kebanyakan penerbit filem lebih cenderung untuk memilih tema yang digemari penonton. Kebanyakan penerbit filem juga telah mengadakan kajian cita rasa dan kehendak penonton terlebih dahulu sebelum menghasilkan sebuah filem. Hasilnya, tema filem seram ini mendapat sambutan penonton di pawagam. Menerusi rekod kutipan filem tempatan di bawah skim syarat wajib tayangan FINAS, memperlihatkan bahawa filem-filem seram telah mendapat kutipan yang tinggi. Contohnya seperti filem *Hantu Bonceng* yang mendapat kutipan RM8.5 juta, filem *Khurafat*, RM8.08 juta dan filem *Karak*, RM4.2 juta, yang telah ditayangkan di pawagam pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, secara keseluruhan, sebanyak 36 judul filem Malaysia yang telah ditayangkan di festival filem antarabangsa sepanjang tahun 2008 hingga 2010 iaitu 15 buah filem pada tahun 2008, sembilan buah filem pada tahun 2009 dan 12 buah filem pada tahun 2010.

Di antara filem yang telah merangkul anugerah di peringkat antarabangsa adalah seperti filem *Mualaf* arahan Allahyarham Yasmin Ahmad yang telah dinobatkan sebagai pengarah terbaik Festival Filem Asia Pasifik ke-54 di Taipei dan filem *Crayon* terbitan Zioss Film Sendirian Berhad yang berjaya ditayangkan menerusi slot tayangan perdana di Los Angeles, Amerika Syarikat bermula 4 hingga 11 November 2010, sekian.

■1020

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan kami dengan sangat baik dan menyeluruh. Soalan tambahan saya, saya hendak khususkan kepada penyiaran filem-filem, drama-drama, dokumentari, terbitan penerbit-penerbit tempatan yang disiarkan oleh RTM dan juga Media Prima khususnya. Soalannya, apakah kriteria yang diguna pakai untuk memilih filem-filem tersebut termasuk drama tempatan bila saya kata tempatan termasuklah yang dalam Bahasa Malaysia, bahasa Cina, dan Bahasa India. Sejauh mana peratusan jika dibandingkan dengan penyiaran filem-filem atau drama-drama daripada luar negara? Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2011 sebanyak 75 peratus rancangan tempatan akan disiarkan di saluran RTM dan 25 peratus masa siaran adalah untuk drama atau filem luar negara. Pada tahun 2012, kita akan kurangkan daripada 25 peratus kepada 20 peratus filem-filem luar negara dan dapatkan 80 peratus daripada tempatan. Perpecahan peratus masa siaran di RTM adalah 27 peratus Bahasa Melayu, 24 peratus slot untuk bahasa Cina, 80 peratus slot bahasa 'India' dan 27 peratus slot bahasa Inggeris. Sekian.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan bercadang untuk mempromosikan filem-filem pendek dalam menangani isu-isu sosial umpama gengsterisme di kalangan belia-belia kaum India dan juga dadah berbahaya daripada semua kaum? Filem-filem biasa pula yang banyak mempengaruhi belia-belia kita untuk mencuba amalan-amalan yang tidak sihat setelah menonton filem biasa ini. Pada masa yang sama juga, kehendak penonton itu adalah satu perkara atau pun salah satu faktor tetapi saya berpendapat bahawa kepentingan rakyat dan negara juga adalah mustahak. Terima kasih.

Datuk Maglin Dennis D'Cruz: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian akan mengambil cadangan Yang Berhormat, tentang dadah memang kita tayangkan di RTM untuk anak-anak muda kita sekarang dan juga tayangan-tayangan dokumentari pun kita ada daripada Filem Negara telah pun ditayangkan. Kita akan sentiasa menayangkan filem-filem begitu kepada rakyat-rakyat muda untuk menjalankan dan membuat benda-benda yang baik dan bukan macam gengsterisme atau lain-lain benda yang tidak betul atau tidak patut. Sekian.

3. Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah JAKIM sudah bersedia dari segi logistik dan infrastruktur bagi menjamin kelicinan pengeluaran sijil halal bermula 1 Januari 2012 dan bagaimana sistem dalaman JAKIM boleh diperkuatkan bagi mengelakkan sebarang salah laku oleh mereka yang dipertanggungjawabkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM sudah membuat segala keperluan dan persediaan rapi bagi menjamin kelicinan pengeluaran sijil halal Malaysia. Antara langkah yang telah diambil ialah menambahkan perjawatan di mana sebanyak 45 perjawatan secara kontrak telah diluluskan. Antaranya ialah Pegawai Hal Ehwal Islam seramai 15 orang, Pegawai Teknologi Makanan seramai 18 orang, Pegawai Teknologi Maklumat seramai seorang, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran seramai lima orang, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam seramai lima orang dan Penolong Akauntan seramai seorang.

Pertambahan perjawatan dalam skim kritikal ini menambahkan kepakaran JAKIM dalam analisa halal dan juga dalam pelbagai bidang seperti farmaseutikal, kosmetik dan juga daya teknologi. Pada masa yang sama, JAKIM mengadakan kursus dan bengkel semasa bagi memantapkan maklumat dan kemahiran para pegawainya seperti kursus GMP, HACCP, kursus GMP dan GMP *Auditor Skill*, Asas Auditor, kursus *Analysis Critical Control Point* dan kKursus *DNA in Forensic, Science and Sampling*.

Bagi meningkatkan kepakaran dan kecekapan dalam menjalankan tugas, JAKIM juga menjalankan kerjasama dengan agensi luar seperti Jabatan Veterinar Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Kawalan Kualiti Makanan dan bahagian Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan. Dari segi infrastruktur pula, JAKIM telah diluluskan sebanyak 80 komputer untuk menyokong dan melicinkan proses tersebut. Peralatan ini akan diedarkan kepada negeri-negeri bagi melaksanakan e-Halal. JAKIM juga akan mempunyai makmal Analisis Halal di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan yang dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2013.

Makmal ini akan dilengkapi dengan peralatan moden yang membolehkan JAKIM menganalisis sampel dengan lebih cekap dan tepat. Di samping itu, bagi mengelakkan sebarang salah laku semua pegawai dituntut untuk menjalani kursus berkaitan integriti dan akan dipantau secara dekat dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan, terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab tadi. Saya lihat dalam proses bagi mendapatkan sijil halal, ia boleh memakan masa antara mungkin sebulan atau ke dua bulan. Adakah proses ini sudah cukup mudah dan ringkas bagi sesuatu syarikat atau pengusaha untuk mendapatkan sijil halal?

Keduanya, adakah *Non-Conformity Report* (NCR) ataupun yang tidak mendapat sijil halal ini akan dikeluarkan ataupun dihebahkan bagi memudahkan masyarakat Islam terutamanya mengetahui sama ada sesuatu premis itu sama ada kilang, restoran itu telah disahkan sebagai menerima sijil halal nanti?

Ketiga, adakah gabungan antarabangsa terutamanya dalam segi teknologi makanan bagi dengan lain-lain badan-badan yang mengeluarkan sijil-sijil halal di peringkat global supaya ada satu *synergy* dalam kita mempercepatkan penyelidikan ke arah pengeluaran sijil halal, terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, berkaitan dengan masalah mendapatkan proses sijil halal, di mana proses memakan masa antara sebulan hingga dua bulan. Sebenarnya Yang Berhormat, proses ini hanya memakan masa sebulan atau 30 hari melalui e-Halal, tetapi dengan syarat pemohon telah mematuhi segala syarat yang telah diletakkan. Selalunya masalah yang timbul kepada kelewatan pemohon-pemohon ini mendapatkan sijil bukanlah daripada pihak JAKIM,

■1030

Ini kerana, sebelum daripada mereka boleh memohon sijil halal contohnya kalau seorang pengusaha makanan tambahan atau pun kita katakan macam makanan farmaseutikal atau pun jamu misalnya, dia hendak dapatkan sijil halal sepatutnya dia mesti berdaftar dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan dahulu tetapi dia tidak berbuat demikian. Dia langsung masuk untuk mendapatkan sijil halal daripada JAKIM. Jadi, JAKIM terpaksa menolak permohonan tersebut untuk permohonan ini mendapatkan daripada Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.

Sebelum dia hendak dapatkan atau pun dia berdaftar dengan Biro Pengawalan ini, dia mesti memastikan bahawa kilang dia ini mendapat lesen daripada PBT. Jadi, kadang-kadang masalah-masalah luaran ini menyebabkan pihak JAKIM terpaksa menolak permohonan pemohon ini dan meminta mereka menepati syarat-syarat ini terlebih dahulu sebelum daripada pihak JAKIM dapat meluluskan permohonan tersebut. Akan tetapi andai kata pemohon ini telah menepati syarat-syarat yang telah ditentukan, *insya-Allah* masa yang ditentukan oleh pihak JAKIM ini hanya 30 hari pemohon yang menepati semua syarat-syarat ditentukan akan mendapat sijil-sijil tersebut.

Keduanya berkenaan dengan NCR atau pun *Non Compliance Report* atau Laporan Ketidakakuran. Apa yang pihak JAKIM buat, Laporan Ketidakakuran ini ialah apabila kita pergi menyemak atau pun membuat *inspection* di premis tempat pemohon itu ingin mendapat sijil. Kita dapati ada beberapa perkara yang tidak memenuhi kepada syarat.

Laporan itu tidak dihebahkan untuk mengelakkan daripada syarikat kecil atau pun industri ini tidak dipandang sebagai satu syarikat yang halal. Akan tetapi apa yang kita buat, kita akan berbincang dengan syarikat ini. Kita akan memberi tempoh kepada mereka untuk memenuhi syarat. Kadang-kadang tidak memenuhi NCR ini disebabkan tidak pakai sarung tangan, tidak memakai apron atau pun kebersihan yang tidak sampai kepada tahap yang diperakui. Juga kalau kadang-kadang disebabkan oleh pekerja itu masih lagi belum mendapat sijil cucuk atau pengendali ini tidak dapat suntikan lagi, jadi perkara-perkara ini kita beri tempoh kepada pengendali ini untuk ambil tindakan mereka ini supaya dapat memenuhi syarat kita tadi.

Ketiganya berkenaan dengan gabungan antarabangsa secara teknologi atau pun untuk memulihkan satu sinergi supaya dipercepatkan. Sebenarnya Yang Berhormat kalau kita tengok daripada negara-negara lain, satu-satunya lah negara yang kita kata sijil halal ini dikawal selia oleh pihak kerajaan dan bukan NGO ini ialah negara Malaysia, diikuti oleh Brunei. Jadi, standard yang telah dibuat oleh JAKIM ini adalah satu standard yang diperakui secara antarabangsa. Sekali pun sesuatu produk itu mendapat satu sijil halal daripada negara luar, pihak JAKIM tetap akan membuat satu semakan kerana cara mereka memberi sijil halal itu kadang-kadang tidak menepati kepada standard kita yang memang telah diperakui secara antarabangsa.

Ada sesetengah kilang di luar negara kadang-kadang hanya menggunakan *line* sahaja. Maknanya ada satu *line* untuk halal, *line-line* yang lain tidak halal. Yang ini dikatakan sebagai halal tetapi tidak bagi negara Malaysia yang cukup kata orang *strict* dalam hal ini. Kalau bahan yang tidak halal disimpan di dalam peti sejuk yang sama pun kita akan menolak perakuan halal tersebut. Jadi, walaupun ada satu gabungan antarabangsa, kebanyakan daripada luar negara ini dibuat oleh NGO-NGO dan bukan dikawal selia oleh pihak kerajaan sendiri. Justeru, pihak JAKIM walaupun ada satu gabungan memperakui halal, kalau sekiranya hendak masuk ke dalam negara kita tetap akan membuat semakan juga ke atas kilang yang mendapat sijil halal daripada luar negara. Terima kasih.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah konsep sijil halal ini bukan hanya berdasarkan pada konsep ianya halal tetapi Konsep Halalan Toyyiban. Halal dan juga suci dari segi kaedah penyediaan. Persoalan saya ialah adakah pihak JAKIM bercadang untuk juga menyediakan makmal uji kaji yang bergerak bagi memastikan sebarang ujian secara *random, sampling* dapat dilaksanakan dengan segera. Adakah pihak JAKIM juga bercadang untuk memastikan kepatuhan yang berterusan oleh mereka yang telah diberikan akuan sijil halal ini sebelumnya. Ini kerana berlaku kes-kes di mana selepas mereka menerima sijil halal, mereka terus gagal mematuhi keperluan untuk sijil halal tersebut serta mereka juga tidak diberikan pemantauan yang berterusan seperti mana yang berlaku sebelum ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa apa yang kita laksanakan hari ini bukanlah setakat halal dari segi zat atau pun bahan semata-mata tetapi yang dimaksudkan dengan halal ini juga termasuklah *halalan toyyiban* yakni kebersihan. Jadi, sebab itulah Yang Berhormat kadang-kadang kita ada masalah dengan sedikit industri kecil ini. Kadang-kadang mereka ini mendapatkan bahan-bahan basah ini daripada pasar-pasar basah.

Katakan ayam daripada pasar-pasar basah yang pasar-pasar ini tidak mendapat sijil halal kecuali daripada *hypermarket* yang memang tertentu halalunya. Jadi, dalam masa yang sama bila kita pergi merujuk kepada mereka ini, mereka masih lagi sebahagian besarnya menganggap kami ini orang Islam, kami sembelih dengan betul.

Jadi, tidak kan perkara ini tidak dikira halal. Sedangkan kita mengambil kira juga kalau sekiranya disembelih tetapi dalam keadaan ruang terbuka di mana lalat boleh datang, kita nampak juga ada banyak burung terbang misalnya yang ada kemungkinan dicemari oleh najis dan sebagainya. Itu masih dianggap tidak mematuhi kepada syarat halal yang ditetapkan oleh pihak JAKIM. Jadi, di sini memanglah kita sebut bahawa ia berkonsepkan kepada Halalan Toyyiban.

Berkenaan dengan makmal uji kaji yang bergerak, buat masa sekarang ini Yang Berhormat semua ujian untuk tujuan pensijilan dan penguatkuasaan sijil hanya diperakui dan dilaksanakan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Walaupun macam saya sebut dalam jawapan awal tadi Yang Berhormat, kita akan mengadakan satu makmal daripada JAKIM sendiri di Bandar Enstek tetapi itu untuk tujuan pensijilan sahaja. Akan tetapi untuk tujuan penguatkuasaan dan sebagainya, kita terpaksa merujuk kepada satu sahaja iaitu Jabatan Kimia. Setakat ini tidak ada sebarang perancangan untuk mengadakan makmal secara bergerak.

Soalan kedua Yang Berhormat berkenaan dengan kepatuhan berterusan. Sebenarnya apabila sesuatu syarikat itu mendapat sijil halal Yang Berhormat, dia tidak halal sehingga selama-lamanya. Boleh jadi dia halal setahun, selepas itu dia tidak halal pula, dia haram. Jadi, sijil yang diberikan itu berkuat-kuasa pada tempoh yang tertentu sahaja dan perlu diperbaharui. Apabila diperbaharui sekali lagi pihak JAKIM akan membuat semakan. Dalam tempoh dia mendapat halal pun sekiranya kita mendapat aduan dan kita juga membuat kata orang semakan secara *random* dan sebagainya, kalau kita bertemu dengan perkara-perkara yang mencurigakan, kita akan menarik balik sijil halal tersebut. Terima kasih.

4. Tuan Khoo Soo Seang minta Menteri Pengangkutan menyatakan, laporan tentang rancangan untuk menambahkan kereta api KTM kerana setiap hari ramai orang melalui kesengsaraan apabila pergi dan balik dari kerja disebabkan masalah yang dihadapi oleh KTM. Adakah ujian kereta api baru itu telah berjalan dengan tanpa masalah dan bilakah kereta api ini akan dapat digunakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Thank you for the lines*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Bidang Utama Keberhasilan Negara atau pun NKRA, untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam darat, kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pembelian 38 set *train electric multiple unit* atau pun EMU.

Enam *coach* baru yang dikenali sebagai *Six Car Sets* atau pun SCS secara rundangan terus daripada *Zhuzhou Electric Locomotive Limited* bagi menambah baik perkhidmatan KTM komuter. Set pertama SCS telah tiba pada 22 September 2011. Manakala set kedua dan ketiga pula telah tiba pada 19 Oktober dan 17 November 2011. Keseluruhan 38 set dijangka akan diterima sepenuhnya pada Jun 2012. Pada masa ini ketiga-tiga set pertama *train* SCS sedang melalui proses pengujian dan pentauliahkan di *Central Workshop* KTM Batu Gajah yang akan mengambil masa selama tiga bulan kerana ianya perlu melalui prosedur yang ketat dan teliti dari segi teknikal dan keselamatan.

Set pertama SCS dijadualkan siap untuk ditauliahkan dan mula digunakan untuk perkhidmatan KTM Komuter pada Januari 2012. Dengan penggunaan 38 set SCS ini, perkhidmatan KTM Komuter akan dapat meningkatkan kekerapan operasi waktu puncak kepada 7.5 minit dan 15 minit di luar waktu puncak pada tahun 2012 berbanding sistem sekarang yang beroperasi dengan kekerapan masa selama 15 minit untuk waktu puncak dan 30 minit di luar waktu puncak. Di samping itu juga, perolehan set baru ini akan mendapat menambah kapasiti muatan penumpang set EMU sedia ada kepada dua kali ganda.

■1040

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah projek baru ini akan menambah bilangan penumpang kereta api dan juga kepuasan supaya projek-projek KTM tidak akan mengalami kerugian. Sekian, terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, 38 set yang baru ini apabila ia *in full operation*, dengan izin, pada penghujung tahun 2012 akan berada kapasitinya 42,484 penumpang iaitu kalau dibandingkan dengan yang ada sekarang ini 96,000 penumpang sahaja. Kapasiti ini merupakan dua kali ganda ataupun hampir tiga kali ganda lebih daripada yang sekarang dan kita harapkan kesesakan di Klang Valley ini akan diselesaikan dengan adanya *train* ini. Sekian.

5. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kementerian bercadang mentafsir semula sejarah seperti yang dicadangkan oleh ahli sejarah. Jika ya, sejauh manakah persiapannya dan jika tidak, berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila isu sejarah ini mula diperdebatkan oleh pelbagai pihak sama ada di pentas politik ataupun secara akademik, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebenarnya telah pun mengorak langkah lebih awal. Ini termasuklah menubuhkan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah pada 3 Mei 2010.

Jawatankuasa tersebut dipertanggungjawabkan untuk menilai semula kurikulum dan kandungan buku teks Sejarah yang digunakan sekarang serta mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian. Sebab itu Yang Berhormat, dialog peradaban ini tidak boleh diputuskan di atas pentas politik.

Sehingga kini, jawatankuasa berkenaan telah bermesyuarat sebanyak empat kali dan mengadakan lima kali perbincangan dengan pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat dan komen serta pandangan dari pelbagai kaum dan etnik di negara ini. Penubuhan awal jawatankuasa mendapati bahawa kurikulum yang sedia ada masih relevan tetapi ia perlu di perinci, diperluas dan disusun semula skopnya supaya lebih jelas dan mudah difahami oleh murid. Selain itu, kaedah dan teknik PMP perlu dipelbagaikan supaya menarik minat murid-murid untuk mempelajari, memahami dan menghayati mata pelajaran tersebut.

Namun demikian, sebelum sebarang tindakan susulan diambil kementerian, perkara-perkara ini perlu diteliti secara komprehensif supaya penambahbaikan yang bersesuaian boleh dilaksanakan. Jawatankuasa ini dijangka akan mengemukakan satu laporan lengkap kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran selewat-lewatnya pada bulan Mei 2012.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat sama ada sejarah perlu di tafsir semula. Ya, ia memang wajar dan perlu di tafsir tetapi bukan ditulis semula. Tafsir dan tulis semula tidak sama. Tulis semula sama seperti ibarat menulis semula sejarah Islam untuk mengaitkan Islam dengan *terrorism*. Ia bertujuan untuk memesongkan fakta. Tujuan mentafsir semula di bawah jawatankuasa ini ialah untuk menghalusi penghuraian dan pemurnian fakta dan bukan untuk memesongkan fakta. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bersetuju bahawa sejarah tidak boleh diubah atau ditulis semula dan sebab itulah soalan saya menanyakan mengenai dengan tafsiran. Seperti mana yang disebut oleh Profesor Emeritus Tan Sri Dato` Dr. Khoo Kay Kim bahawa sejarah yang lampau, pentafsirannya tertumpu kepada politik.

Pertanyaan tambahan saya dan juga harapan supaya pentafsiran semula ini lebih menyeluruh dengan tidak meninggalkan tokoh-tokoh sejarah tanah air tanpa mengambil kira latar belakang politik mereka. Seperti mana yang disebutkan oleh Profesor Dr. Khoo Kay Kim, makna rakyat tidak tahu siapakah yang menjadi pensyarah di Universiti Oxford, London yang tidak diketahui umum. Ini juga merupakan satu sejarah, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa apabila kita mentafsir semula sejarah, pertama sudah tentulah tafsiran itu ialah berasaskan kepada data-data yang empiris dan pengalaman-pengalaman baru ataupun fakta-fakta baru dan sudah tentulah dalam konteks negara ini.

Kita tidak boleh mengetepikan sumbangan-sumbangan daripada berbagai-bagai pihak, berbagai-bagai tokoh yang ada di negara kita. Itu saya rasa kita tidak ada sebarang konflik dan tidak perlu dipolemikkan.

Cuma barangkali dalam konteks masa kini, apabila kita mentafsir sejarah dan inilah yang diputuskan oleh jawatankuasa ini ialah untuk memastikan bahawa pentafsiran itu bertujuan untuk direalisasikan dengan keadaan semasa supaya ia lebih mudah difahami, lebih mudah dihayati terutama oleh generasi muda pada masa kini.

Cuma yang menjadi persoalan di sini sekarang ialah siapakah yang layak untuk mentafsir seperti siapakah yang layak untuk mentafsir dalam bidang agama, dalam mentafsir al-Quran, hadis dan sebagainya. Maka sudah tentulah mereka yang lebih layak, layak untuk mentafsir. Ia tidak boleh di tafsir sesuka hati terutama seperti kita mentafsir Mat Indera sebagai pejuang kebebasan. Oleh sebab itulah pada saya ini adalah amat penting. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat sejarah yang baru-baru ini ada sebuah buku *Historical Fact and Fiction* karya Profesor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib Al-Attas tentang kemasukan Islam di Nusantara di mana teori-teorinya banyak fakta-fakta yang terbaru yang telah diperbincangkan di sebuah universiti. Cuma saya hendak tanya bagi mereka yang mengkaji atau pengkaji-pengkaji ini, adakah kementerian memberi insentif atau menyediakan geran untuk para penyelidik supaya mereka dapat secara sungguh-sungguh menzahirkan fakta-fakta yang sebenarnya.

Kedua saya lihat banyak kandungan buku teks terdapat banyak kesilapan, kurang sesuai dan perlu disemak semula untuk mengelak pelajar keliru. Sebagai contoh ialah tentang Francis Light secara peribadi sudah menandatangani perjanjian Inggeris Kedah dengan Sultan Abdullah dan Sultan Abdullah membenarkan Francis Light menduduki Pulau Pinang, ini tidak benar. Sebenarnya Pulau Pinang ini hak Kedah. Sepatutnya kita beri balik kepada Kedah walaupun sehari. Jadi saya harap bagilah insentif yang terbaik kepada pengkaji-pengkaji sejarah. Kita merevolusikan semua pengkaji sejarah ini dengan merasakan mereka ini diperlukan dan kita beri tumpuan kerana sejarah tidak pernah membohongi manusia. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itu Yang Berhormat, apabila kita menubuhkan jawatankuasa ini, nama jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah sekolah.

■1050

Ini maksudnya kita melihat kedua-dua perkara. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu pun menjadi sebahagian daripada apa yang di bincang, dibahaskan dalam jawatankuasa ini sebenarnya. Jadi sebab itulah antara keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini, apabila kita membentuk semula kokurikulum ini untuk contohnya Tingkatan 5. Kita tidak lagi mengajarnya dalam pendekatan sekarang ini iaitu berasaskan tema tetapi kita mengikut kronologi sepertimana yang kita ajar di menengah rendah.

Maka Tingkatan 5 sekarang, antara syor yang dicadangkan oleh jawatankuasa ini ialah kita mengajarnya dalam pendekatan kronologi. Jadi sebab itulah kita juga memutuskan mulai tahun 2014, mata pelajaran Sejarah akan menjadi subjek tersendiri untuk sekolah rendah tahap dua. Tidak lagi mata pelajaran yang merentasi kokurikulum iaitu kita tumpang sana, sini di mata pelajaran Sivik dan sebagainya tetapi ia akan menjadi mata pelajaran tersendiri, tahap dua mulai tahun 2014. Pada tahun 2013 seperti yang diumumkan sebelum ini, Sejarah adalah mata pelajaran wajib lulus di peringkat SPM.

Mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang buku Syed Naquib Al-Attas, sebab itulah dalam buku tersebut sepertimana yang saya sebutkan tadi, ia menyebut tentang siapa yang layak mentafsir. Oleh sebab itulah dia kata mentafsir ini ataupun apa-apa juga perkara yang mahu dijadikan sebagai bahan sejarah, ia tidak boleh dibuat mengikut nafsu kita. Ini kita tidak boleh *apologetic* bahawa hanya hendak memuaskan nafsu pihak-pihak tertentu, maka kita masukkan semua. Sejarah, dia kata adalah sejarah maka sejarah itu adalah berasaskan kepada pengalaman manusia pada ketika itu yang menulisnya untuk dijadikan sebagai pengalaman untuk generasi akan datang.

Jadi sebab itu ia mesti berasaskan kepada data-data yang empiris, sebab itu kita tidak boleh maksudnya, semua hendak dimasukkan dalam buku sejarah. Saya tidak boleh memasukkan sejarah perjuangan ayah saya dalam buku sejarah walaupun saya tahu dia pun banyak sejarah perjuangannya, maksudnya begitu. Jadi sebab itu dalam perkara ini, yang ini yang saya amat tertarik dengan buku baru yang ditulis oleh Syed Naquib Al-Attas. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin menyatakan rasa terkilan, kedua ingin membuat rayuan. Saya terkilan kerana jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi, katanya ditubuhkan pada 3 Mei 2010 dan baru akan memberikan laporan pada bulan Mei 2012. Bermakna jawatankuasa ini memakan masa dua tahun untuk menyiapkan laporan mengenai satu perkara kecil sahaja. Kemudian, begitu juga umpamanya mata pelajaran Sejarah hanya akan diajar sebagai mata pelajaran tersendiri di sekolah rendah pada tahun 2014 dan tidak lagi menumpang dengan mata pelajaran lain. Itu yang menyebabkan saya merasa terkilan, seakan-akan perkara ini tidak diberi perhatian yang sewajarnya sedangkan kita menyedari bahawa pelajaran sejarah penting untuk pembinaan sebuah negara bangsa.

Kita beria-ia ingin mentransformasikan ekonomi, mentransformasikan kerajaan tetapi pendidikan dalam hal ini saya rasa tidak mendapat tempas daripada transformasi itu. Oleh sebab itu saya ingin merayu Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau sekiranya *dateline* dengan izin, Mei 2012 untuk jawatankuasa itu hendak memberikan laporan terakhirnya, dipercepatkan sedikit.

Kemudian begitu juga umpamanya, saya merayu sekali lagi supaya tarikh 2014 untuk menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran tersendiri dan tidak lagi menumpang dengan mata pelajaran lain itu dapat dipercepatkan. Saya rasa tidak jelas apa sebabnya ia memakan masa begitu banyak. Terima kasih. Semoga rayuan saya dipertimbangkan. *Assalamualaikum*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, untuk makluman, jawatankuasa ini melibatkan banyak tugas. Antara contohnya mereka juga terpaksa mengadakan lawatan-lawatan ke beberapa tempat. Saya pernah bertemu mereka ketika mereka membuat kajian di Sabah, jawatankuasa ini pergi ke Sabah begitu lama sebab antara yang kita hendak pastikan bahawa sejarah Sabah dan Sarawak dimasukkan juga di dalam penggubalan ini untuk memastikan bahawa kita melakukan sama rata dari segi penghayatan sejarah di negara kita ini.

Jadi oleh sebab itu, jawatankuasa ini, mereka terpaksa membuat kajian-kajian yang menyeluruh, membuka balik bahan-bahan, pergi ke *library*, mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak. Melakukan temu bual untuk memastikan bahawa apabila kita melakukan penambahbaikan, penambahan kokurikulum dan juga mentafsir ini, kita melakukan perkara yang tepat, yang saya sebut tadi sebagai pemurnian dan penghalusan kepada fakta itu sendiri. Jadi sebab itu, saya rasa kita tidak perlu terburu-buru sebenarnya dalam perkara ini.

Mengenai dengan 2014, walaupun KSSR kita mulakan pada tahun ini tetapi Yang Berhormat, ia juga melibatkan soal guru-guru, latihan guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Sejarah ini sebab ia menjadi mata pelajaran yang tersendiri, bukan lagi merentas kurikulum. Jadi, sebab itulah kita mahu memastikan kita mempunyai persiapan yang mencukupi baik dari segi buku teksnya, baik dari segi latihan-latihan guru dan juga jumlah guru yang mencukupi untuk mengajar mata pelajaran ini. Oleh sebab itulah kita mulakan pada tahun 2014. Terima kasih.

6. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, berapa peratuskah *domestic direct investment* (DDI) di negara ini berbanding dengan FDI.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2010 jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM47.2 bilion yang melibatkan 910 projek. Daripada jumlah tersebut, RM18.1 bilion iaitu 38.3 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM29.1 bilion atau 61.7 peratus adalah pelaburan asing atau FDI.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2011 pula, sejumlah 693 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM40.7 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM19.7 bilion atau 48.4 peratus merupakan pelaburan domestik manakala pelaburan asing berjumlah RM21 bilion bersamaan dengan 51.6 peratus. Lima sektor utama yang menyumbang kepada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan dari tahun 2010 hingga Oktober 2011 adalah:

- (i) kelengkapan pengangkutan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.6 bilion;
- (ii) produk petroleum termasuk petrol kimia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM6.3 bilion;
- (iii) produk logam asas – RM6.1 bilion;
- (iv) produk logam fabrikasi – RM3.4 bilion; dan
- (v) produk elektronik dan *electrical* – RM2.7 bilion.

Lima sektor utama yang menyumbang kepada jumlah pelaburan asing pula yang diluluskan dari tahun 2010 hingga Oktober 2011 adalah:

- (i) produk elektronik dan *electrical* – RM19.3 bilion;
- (ii) produk logam asas – RM6.1 bilion;
- (iii) kimia dan produk kimia – RM5.2 bilion;
- (iv) pengilangan makanan – RM3.4 bilion; dan
- (v) produk galian bukan logam – RM2.5 bilion.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan dengan baik. Cuma saya ingin bertanya lebih lanjut mengenai FDI iaitu adakah kerajaan akan menjadi lebih selektif dalam pemilihan pelaburan dari luar yang lebih *high-tech* untuk dibawa ke negara kita selaras dengan wawasan kerajaan membangunkan lebih ramai modal insan berkualiti di negara kita. Kedua, apakah langkah-langkah kerajaan dalam pengeluaran keluar ringgit Malaysia ke negara luar kesan daripada penggunaan pekerja-pekerja asing dalam negara kita. Terima kasih.

■1100

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama tadi, sejak kebelakangan ini kita telah memberi tumpuan kepada FDI yang bersifat teknologi tinggi yang berintensifkan modal, tidak lagi berintensifkan buruh. Di antara jenis sektor yang kita memberi tumpuan adalah contohnya *biotech*, *photonics*, perkhidmatan perubatan, aeroangkasa dan sebagainya.

Jadi, daripada situ kita lihat bahawa ini adalah FDI yang berbentuk teknologi tinggi dan kita rasakan dengan pelaburan seperti ini ia akan meningkatkan kemampuan negara untuk menguasai teknologi-teknologi tersebut. Dalam soal kesan keluaran ringgit kerana pekerja-pekerja asing yang berada di negara kita ini. Ini adalah satu kesan sampingan yang tidak dapat kita elakkan.

Ini kerana, walaupun kita memberi tumpuan kepada industri-industri yang tidak lagi berintensifkan buruh, masih ada lagi keperluan oleh syarikat-syarikat asing mahupun tempatan untuk memberi kerja kepada warga asing ataupun buruh asing ini dan sudah tentu mereka akan menghantar pulang pendapatan mereka ke negara masing-masing walaupun ada keluaran mata wang kita ke luar negara, pada waktu yang sama kita juga mendapat manfaat yang besar daripada pelaburan asing dan tempatan ini dalam pelbagai bentuk yang lain contohnya teknologi, cukai dan sebagainya.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membukakan soalan tambahan kepada soalan nombor enam. Soalan saya, bagi pelaburan langsung domestik, DDI ini, berapa peratuskah yang telah disumbangkan oleh GLC seperti Khazanah, Sime Darby dan Petronas berbanding dengan pelaburan daripada syarikat-syarikat swasta tempatan. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan sebentar tadi. Saya tidak mempunyai angka-angka terperinci mengenai peratusan pelaburan daripada GLC di dalam DDI. Daripada angka yang kita lihat sekarang ini, pelaburan DDI ini kebanyakannya adalah daripada syarikat-syarikat swasta tidak berkait dengan kerajaan. Contohnya antara yang terbesar sekali ialah satu pelaburan daripada syarikat, Leader Universal Aluminium Sarawak Sdn. Bhd. berjumlah RM2.5 bilion, di Sarawak dan syarikat tersebut sudah tentu bukannya sebuah syarikat berkait dengan kerajaan iaitu *non-GLC*. Daripada senarai yang saya ada di sini sekarang ini hanya satu iaitu berjumlah RM1.3 bilion oleh Petronas Gas Bhd. di Melaka untuk menjalankan aktiviti *regasification of liquified national gas* dengan izin.

Selain daripada itu, kita juga dimaklumkan mengenai salah satu pelaburan yang agak besar oleh pihak Petronas di Johor pun satu yang berjumlah agak besar juga. Selain itu, saya tidak lihat dalam senarai yang saya ada ini, syarikat-syarikat GLC yang membuat DDI di dalam negara kita ini.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi sumbangan terbesar daripada FDI ialah dalam bidang elektronik. Bila kita pergi ke Pulau Pinang sekarang ini, banyak kilang elektronik yang sudah tutup. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah perkembangan keadaan sekarang, adakah banyak modal yang telah keluar. Dahulu misalnya masalah modal *fly by night*, dengan izin, adakah ini masih berlaku. Kalau tidak berlaku, pemergian modal yang mengakibatkan kilang tutup itu, ke mana perginya. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Untuk menjawab soalan tersebut Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan di sini bahawa yang pertamanya, elektronik dan elektrik (E&E) ini adalah pelaburan yang besar bagi FDI. Bagi DDI pula ia pada *ranking* yang kelima.

Sebelum ini memang benar kita lihat dengan kerunduman ekonomi global, Malaysia antara negara yang menyaksikan pelaburan dalam sektor E&E ini keluar ke negara-negara lain seperti China, Vietnam dan sebagainya. Kita dapati bahawa pelaburan yang telah orang kata gulung tikar ataupun tutup kilang di sini merupakan kilang-kilang yang berintensifkan buruh yang melihat bahawa kos buruh dalam negara kita ini tidak lagi dapat bersaing dengan negara-negara lain seperti China, India, Vietnam dan Indonesia. Itu antara sebabnya syarikat-syarikat tersebut telah pindah ke negara-negara tersebut.

Pada waktu yang sama, syarikat-syarikat yang ingin melabur dalam sektor yang sama tetapi yang berteknologi tinggi yang lebih intensifkan kapital dan kemahiran, maka syarikat seperti ini yang datang ke Malaysia dan melabur dan itu antara sebabnya kita lihat peningkatan dari segi pelaburan FDI dan DDI dalam sektor E&E ini. Jadi, ini terbukti menunjukkan bahawa walaupun kita ada mengalami masalah kilang-kilang yang tutup, pada waktu yang sama kekosongan itu diisi oleh kilang-kilang baru yang terlibat dalam teknologi yang lebih tinggi.

Ingin saya nyatakan di sini juga dengan izin bahawa daripada Januari hingga Oktober tahun ini, kita dapati negeri yang paling banyak mendapat pelaburan adalah negeri Sarawak dengan RM7.3 bilion. Tahniah diucapkan kepada Sarawak.

Keduanya Selangor Darul Ehsan, yang ketiganya Johor Darul Takzim dan yang keempatnya baru Pulau Pinang, yang kelimanya Melaka. Jadi, itu ranking pertama hingga yang kelima bagi Januari hingga Oktober 2011. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk soalan nombor tujuh, Yang Berhormat Senator Baharudin bin Abu Bakar tidak hadir dalam Dewan ini ya, saya tidak nampak, untuk mengemukakan soalan. Harap perkara seumpama ini tidak berulang ya. Yang Berhormat seharusnya tahu apa tanggungjawab kita di dalam Dewan yang mulia ini. Ini juga mensia-siakan masa Yang Berhormat Menteri yang sudah sedia duduk awal pagi lagi dalam Dewan ini. Saya nampak dari tadi awal pagi ya. Mohon maaf Yang Berhormat Menteri. Kita teruskan ke soalan yang kelapan ya, Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman.

[Soalan No. 7 – Tuan Baharudin bin Abu Bakar tidak hadir]

8. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, apakah perancangan kementerian untuk mewujudkan lebih banyak lagi kolej-kolej komuniti di kawasan luar bandar khususnya di negeri Perak bagi menampung keperluan di dalam bidang teknikal dan sokongan yang semakin meningkat serta memperluaskan peluang pendidikan berterusan di kalangan warga kawasan luar bandar negeri ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah kolej komuniti adalah dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa serta berpandukan kepada kajian *neat analysis* dengan izin, di mana di antar faktor yang diambil kira adalah:

- (i) jumlah bilangan penduduk;
- (ii) jumlah bilangan pusat atau institusi latihan kemahiran awam yang terdapat di kawasan berkenaan;
- (iii) tahap kapasiti institusi-institusi berkenaan;
- (iv) pembangunan dan aktiviti industri setempat;
- (v) potensi bilangan pelajar yang akan memasuki kolej komuniti; dan
- (vi) mempunyai peruntukan.

Pada masa ini, telah terdapat 17 buah komuniti induk dan tiga buah kolej komuniti cawangan di negeri Perak iaitu:

- (i) Kolej Komuniti Teluk Intan;
- (ii) Kolej Komuniti Chenderoh;
- (iii) Kolej Komuniti Gerik;
- (iv) Kolej Komuniti Sungai Siput;
- (v) Kolej Komuniti Pasir Salak;
- (vi) Kolej Komuniti Batu Gajah;
- (vii) Kolej Komuniti Taiping;
- (viii) Kolej Komuniti cawangan Manjong;
- (ix) Kolej Komuniti cawangan Kuala Kangsar; dan
- (x) Kolej Komuniti cawangan Tapah.

Kolej komuniti sedia ada mampu menyediakan peluang untuk mendapatkan ilmu dan latihan kemahiran kepada lepasan sekolah menengah dan komuniti di negeri Perak. Sekian, terima kasih.

■1110

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada atau tidak perancangan untuk membanyakkan lagi kolej komuniti ini di dalam negara khususnya di negeri Perak? Sekian, terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan dalam Bajet 2012 yang diperuntukkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi banyak tertumpu untuk dibelanjakan bagi pembangunan modal insan. Tiada peruntukan telah diberikan untuk penubuhan kolej komuniti yang baru.

9. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) adakah Pelan Induk Saliran (*Drainage Masterplan*) telah pun disiapkan bagi kawasan yang sering kali dilanda banjir di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis; dan
- (b) status terkini cadangan projek penebatan banjir (*flood mitigation*) di Kangar dan Arau, Perlis.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Saliran (*Drainage Masterplan*) yang telah siap untuk negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis adalah seperti berikut:

- (i) bagi negeri Pulau Pinang, ia melibatkan enam pelan induk yang meliputi kawasan Tasek Gelugor, Seberang Perai, Bukit Mertajam, Jawi, Cyber City Georgetown dan daerah Barat Daya;
- (ii) bagi negeri Kedah, ia melibatkan 13 pelan induk yang meliputi kawasan Alor Setar, Sungai Muda, Bandar Kulim, Kuala Kedah, Sungai Petani, Sungai Keronco, pekan Pendang, Sungai Kedah, Sungai Anak Bukit, Kuala Nerang, Pokok Sena, Sungai Serdang, Sungai Bidung dan Sungai Gurun; dan
- (iii) bagi negeri Perlis, ia melibatkan satu pelan yang meliputi kawasan Kangar, Arau dan Padang Besar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan tiga projek tebatan banjir di negeri Perlis dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu:

- (i) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Arau. Skop kerja ialah pembinaan kolam takungan dan lencongan serta melebar dan mendalamkan Sungai Arau. Tender bagi pembinaan kolam takungan di kawasan Felda Chuping telah diiklankan pada 1 Disember 2011 dan ditutup pada 2 Januari 2012;
- (ii) menaikkan Empangan Timah Tasoh, Fasa 2. Tender untuk pakej pertama ialah menaik taraf alur limpah empangan telah diiklankan pada 15 Disember 2011; dan
- (iii) pembinaan lencongan banjir barat dan kerja-kerja berkaitan. Dalam proses ini, kerajaan adalah dalam proses melantik perunding untuk mereka bentuk lencongan dan struktur berkaitan. Perkhidmatan perunding dijangka akan bermula pada awal bulan Januari tahun hadapan, tahun 2012.

Sekian.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Banjir yang baru lepas yang melanda negeri Perlis khasnya adalah lebih pada kesalahan teknikal. Ini kerana pada masa itu, paras Empangan Timah Tasoh berada dalam 31.5 meter. Pada masa itu Tuan Yang di-Pertua, mereka telah melepaskan air enam pintu serentak dan air pasang menyebabkan pertembungan air pasang dengan air dari Empangan Timah Tasoh, Perlis ini tenggelam.

Soalan saya, adakah pihak kementerian mengadakan kursus *water management* untuk mereka yang terlibat agar kaedah pelepasan air dapat dilakukan dengan kaedah yang lebih sistematik? Itu pertama. Makna, hendak menambahkan ilmu kepada mereka yang terlibat kerana ilmu ini menjanakan pembangunan. Soalan yang kedua ialah, adakah pihak kementerian mempunyai satu *warning system* yakni memberikan amaran terlebih awal supaya rakyat dapat bersedia sebelum banjir itu datang dan kita *insya-Allah* dapat mengurangkan kemusnahan harta benda khasnya keselamatan nyawa.

Ketiga, cuma hendak mengucapkan tahniah sebab kerajaan peka memberikan tiga buah projek menaik taraf Empangan Timah Tasoh, Banjir Barat dan kolam takungan. Cuma, daripada segi kolam takungan, saya rasa tidak begitu besar. Jika ada masalah, saya harap pihak kementerian dapat berunding dengan kerajaan negeri untuk mendapatkan tambahan tanah bagi...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain untuk mengemukakan soalan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Soalan yang ketiga itu saya tidak berapa tangkap sebentar tadi. Saya cuba menjawab dua soalan terlebih dahulu. Pertama ialah berkaitan dengan sama ada jabatan atau kementerian ini mempunyai perancangan untuk mengadakan kursus kepada pekerja-pekerja supaya limpahan air itu dapat dijaga lebih sistematik lagi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita mempunyai kursus-kursus seperti ini. Kita bukan hanya statik membuat kerja yang rutin tetapi kita lihat keadaannya. Kalau ia memerlukan tindakan-tindakan yang lebih sistematik lagi, kita akan bertindak seperti itu.

Akan tetapi di dalam perkara ini, dalam perkara spesifik berkaitan dengan Empangan Timah Tasoh sebentar tadi, maka pada pertamanya, kita membina kolam itu untuk menampung banjir kurang lebih 30 – saya tidak berapa ingat berapakah jumlahnya itu. Kita tidak duga bahawa hujan yang berlaku sekarang ini begitu lebat sekali, begitu banyak sekali sehingga empangan itu tidak dapat menampung sehinggalah air itu melimpah daripada takungan tersebut. Walaupun demikian, masalah itu kita atasi seperti mana saya katakan sebentar tadi. Kementerian ini akan menjalankan kerja untuk memperbaiki takungan itu supaya dapat dibesarkan lagi untuk menampung air yang semakin lama semakin bertambah akibat daripada perubahan iklim ini.

Keduanya ialah berkaitan dengan amaran berkaitan dengan banjir. Ini kami sudah praktikkan sekian lama. Di seluruh negara, kita mempunyai sistem-sistem tertentu untuk memberi amaran kepada setiap penduduk-penduduk yang mungkin terlibat apabila banjir berlaku. Kita mempunyai siren yang mana di tempat-tempat strategik yang kita fikir akan terlibat apabila hujan lebat berlaku nanti. Bukan sahaja siren yang kita ada, tetapi kita juga ada pembaca, apabila hujan lebat itu, kita lihat setakat mana sudah air itu naik dan kita boleh memberikan amaran kepada penduduk-penduduk kampung.

■1120

Akan tetapi, kementerian juga ingin mendapatkan kerjasama daripada penduduk-penduduk kampung itu. Mereka hendaklah mengambil inisiatif sendiri untuk mengambil tindakan untuk berpindah daripada tempat itu apabila kita beritahu mereka bahawa banjir itu berlaku. Soalan ketiga sebentar tadi, saya mohon maaf oleh kerana saya tidak berapa jelas, jadi kalau Yang Berhormat ingin ulangi itu boleh saya jawab, tetapi kalau tidak pun setakat itu sahajalah.

10. Datuk Majid bin Mahap minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada Artikel 11, Perlembagaan Malaysia terpakai kepada semua rakyat di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan beragama kepada semua orang di Malaysia. Hak kebebasan beragama ialah salah satu kebebasan asasi yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan yang merupakan Undang-undang Utama Persekutuan, ataupun dengan izin, *Supreme Law of the Federation*. Kebebasan asasi merupakan hak yang telah termaktub dalam Perkara 5, hingga Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan. Contoh kebebasan asasi lain yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan adalah seperti kebebasan diri - Perkara 5; kesamarataan - Perkara 8; dan hak berkenaan dengan pendidikan - Perkara 12.

Penggunaan perkataan, "tiap-tiap orang tiada seorang pun dan tiap-tiap kumpulan agama", di dalam fasal (1), (2) dan (3) Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan jelas menunjukkan bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai hak kebebasan beragama yang dijamin di bawah Perkara 11 ini. Memandangkan Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan, maka semua peruntukan Perlembagaan Persekutuan termasuklah Perkara 1, mestilah dihormati dan dipatuhi oleh setiap rakyat negara ini.

Ini adalah selaras dengan prinsip Rukun Negara yang ketiga dan keempat, iaitu keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang kerana pemantauan prinsip tersebut, kita dapat tinggal di negara yang kita sayangi ini bersama-sama dalam keadaan aman, damai dan juga selamat. Sekian, terima kasih.

Datuk Majid bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah adakah Artikel 11 ini bercanggah dengan mana-mana undang-undang syariah di negara kita? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk atas soalan tambahan yang begitu lengkap dan juga cekap.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa di bawah Perkara 11(4) dan juga Perkara 11(5), kebebasan beragama bukanlah kebebasan mutlak. Mengikut Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti yang berikut, iaitu tiap-tiap orang berhak menganuti dan juga mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal (4) yang mengatakan tiada seseorang pun boleh dipaksa membayar apa-apa cukai yang hasilnya diperuntukkan kesemuanya atau sebagainya bagi maksud sesuatu agama selain agama sendiri.

Paling penting untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk ialah fasal (4) yang mengatakan di sini bahawa undang-undang negeri dan juga berkenaan dengan Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Undang-undang Persekutuan boleh mengawal ataupun menyekat perkembangan apa-apa doktrin ataupun kepatuhan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam. Jadi perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam ataupun prinsip moral.

Jadi sekiranya kita lihat daripada fasal (4) ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bahawa terkawalnya perkara perundangan yang dikatakan oleh Yang Berhormat dan di sini kita dapat lihat tidak ada konflik yang menjejaskan sesiapa sahaja yang dalam kepercayaan mereka, kerana ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada sesiapa yang boleh mempengaruhi orang-orang yang dalam syariah ini ataupun dalam peruntukan negeri dan juga perundangan Persekutuan. Jadi tidaklah ada konflik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator ini.

Kita juga dapat melihat bahawa kebebasan beragama di negara ini, mahkamah telah pun membuat banyak keputusan yang konsisten dengan kebebasan beragama di negara ini dan di mana telah pun mengatakan bahawa kebebasan beragama juga tidak boleh ditafsirkan dengan sebegitu luas.

Dan seperti kes-kes yang dikatakan dalam kes-kes Hajah Halimatu' Saadiah binti Haji Kamaruddin lawan *Public Service Commissions Malaysia* dalam tahun 1994, dan selain daripada itu dalam kes Kamariah binti Ali dan lain-lain lawan Kerajaan Negeri Kelantan Malaysia. Satu lagi pada tahun 2002, dalam *citations* 3, MLJ-657 di mana Mahkamah Rayuan juga bersetuju bahawa kebebasan beragama di negara ini tidak bersifat mutlak dan bagi penganut agama Islam, mereka tertakluk kepada hukum syarak dan juga undang-undang lain, undang-undang diri yang dikanun oleh badan perundangan sesuatu negeri.

Dalam keputusan dan juga pendekatan yang diambil oleh Mahkamah Rayuan kes Kamariah binti Ali di atas, telah pun dipersetujui oleh dan diikuti oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Lina Joy lawan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain pada tahun 2007. *Citation* 4, MLJ-585, jadi bagi maksud kebebasan beragama Yang Arif Tun Ahmad Fairus, Ketua Hakim Negara dalam penghakimannya telah memutuskan seperti yang berikut, iaitu Perkara 11(1), tidak wajar dihujahkan sebagai peruntukan yang memberi hak kebebasan yang tiada terbatasi. Kedua, hak untuk menganut dan juga mengamalkan sesuatu agama hendaklah selalunya tertakluk kepada prinsip-prinsip dan juga amalan-amalan yang ditentukan oleh agama itu. Sekian, terima kasih.

11. Puan Doris Sophia ak Brodi minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, di sebalik sokongan terhadap inisiatif kerajaan untuk membawa masuk 200,000 pelajar asing menuntut di negara ini yang khabarnya bakal membawa pulangan sekitar RM600 bilion menjelang 2020, apakah langkah-langkah Kementerian bagi membendung penyalahgunaan visa pelajar oleh Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang jelas lebih mementingkan keuntungan semata-mata hari ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa tindakan tegas termasuk tidak membenarkan pengambilan pelajar asing boleh diambil ke atas kolej swasta yang terbukti bersubahat membenarkan pelajar asing menduduki peperiksaan tanpa perlu menghadiri kelas. Kementerian Pengajian Tinggi melalui Mesyuarat Panel bagi menimbang permohonan pelajar antarabangsa yang ahli-ahlinya terdiri daripada wakil KPT, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen akan meneliti prestasi IPTS dalam pengurusan pelajar antarabangsa.

Bagi IPTS yang didapati gagal dalam menguruskan pelajar antarabangsa secara berkesan, syor penarikan balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa akan dikemukakan kepada KDN. Tahun 2010 mencatatkan sebanyak 24 buah IPTS telah ditarik balik kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa oleh KDN manakala pada tahun 2011 sebanyak enam buah IPTS telah diambil tindakan yang sama oleh KDN.

■1130

Pemantauan yang dilakukan dengan mengadakan operasi bersama dengan Jabatan Imigresen Malaysia terhadap IPTS yang mengambil pelajar antarabangsa. KPT juga telah mengenakan syarat tambahan ke atas pengambilan pelajar antarabangsa dari negara sub-Sahara dengan menguatkuasakan pemakaian *no objection certificate* (NOC) bermula pada 1 Januari 2011. Di samping itu usaha sama secara lebih bersepadu dengan pelbagai agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pelajaran Malaysia diadakan bagi membendung penyalahgunaan visa pelajar. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan sudah menjawab. Soalan tambahan nombor 11 Puan Doris Sophie ak Brodi.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan saya sebentar tadi. Saya cuma ingin bertanya sedikit lagi iaitu berkenaan dengan mekanisme.

Apakah mekanisme yang bakal diguna pakai oleh pihak kementerian bagi memastikan yang *foreign student*, dengan izin ataupun pelajar asing yang telah diberi visa pelajar oleh IPTS yang benar-benar serta yang betul-betul berstatus pelajar dan sekali gus dapat mampu menghabiskan pengajian mereka? Adakah mereka ini dapat menyumbangkan kepada ekonomi negara? Terima kasih.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang pengambilan pelajar antarabangsa merupakan satu cara untuk mengantarabangsakan suasana pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Ini selalu dipakai oleh universiti-universiti terkemuka di dunia ini. Jadi dari segi itu pihak Kementerian Pengajian Tinggi memang menggalakkan pelajar asing untuk datang ke Malaysia dan sekarang masalah ialah penyalahgunaan visa itu banyak berlaku dan kementerian memang mengambil tindakan yang tegas supaya isu-isu itu tidak berlarutan. Dari segi itu pelajar-pelajar kalau mereka tidak menghadiri kuliah kita akan memantau dan IPTS mesti melaporkan kepada kita. Kita hendak pelajar-pelajar yang betul-betul hendak belajar di Malaysia itu kita hanya mengalu-alukan pelajar seperti itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus soalan tambahan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit soalan Yang Berhormat Puan Doris tadi iaitu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa 24 IPTS telah dicabut hak untuk mengambil pelajar asing pada tahun lalu. Manakala pada tahun ini ada enam IPTS lagi. Saya hendak tahu ialah adakah IPTS yang 24 ini masih beroperasi lagi sekarang? Kalau ada sudahkah diteliti pelanggaran-pelanggaran peraturan yang lain yang mungkin dilakukan oleh sebahagian ataupun keseluruhan daripada 24 IPTS ini?

Saya rasa perkara ini penting untuk diberikan perhatian yang serius kerana kalau kita benar-benar ingin menjadikan negara ini negara yang *educational hub* antarabangsa maka taraf dan prestij IPTS kita mestilah dipertahankan. Soalan saya adalah daripada 24 IPTS ini adakah yang masih beroperasi lagi dan sudahkah diteliti keingkaran-keingkaran lain yang dilakukannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat KPT hanya menarik balik kebenaran supaya institusi-institusi ataupun kolej-kolej yang terlibat itu tidak membenarkan mereka mengambil pelajar asing lagi. Kementerian Pengajian Tinggi memang menyenaraikan IPTS yang telah dikenakan tindakan kompaun ataupun didakwa di mahkamah dalam *websitenya*. Malahan nama-nama IPTS ini pernah dikemukakan pada pihak media dan pengumuman kepada pihak media akan dilakukan dari masa ke semasa.

12. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pihak kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji kepada kakitangan kerajaan baru-baru ini. Akan tetapi pihak swasta masih belum dapat menentukan gaji minimum bagi pekerja swasta. Adakah ini akan menyebabkan kenaikan harga yang mendadak serta berlakunya inflasi.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua untuk melaksanakan gaji minima satu Akta Majlis Perundangan Gaji Negara telah digubal dan diwartakan pada 15 September 2011. Ahli-ahli majlis telah dilantik pada 28hb September yang lalu dengan fungsi untuk mengkaji dan menasihati kerajaan mengenai dengan gaji negara termasuk gaji minimum. Kajian ini sudah di peringkat penghujung, majlis akan mengemukakan syor kepada Menteri Sumber Manusia untuk dibawa ke Kabinet. Pengumuman akan dibuat oleh kerajaan bila masa yang terdekat ini.

Mengenai dengan soalan Yang Berhormat tentang inflasi, yang pastinya peningkatan gaji berikutan dengan pelaksanaan gaji minimum akan meningkatkan kuasa beli pengguna yang seterusnya meningkatkan permintaan dan pengeluaran. Jika berlaku inflasi ini adalah tindak balas biasa dalam mana-mana ekonomi dan perkara ini dijangka tidak akan berlarutan.

Bagi memastikan harga barangan tidak meningkat secara mendadak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Pengguna sebagai agensi pemantauan dan penguatkuasaan akan sentiasa bertindak bagi memastikan harga barang dan perkhidmatan berada di tahap yang munasabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan tambahan Yang Berhormat Lee.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam proses pelaksanaan gaji minimum adakah kerajaan menghadapi bantahan daripada majikan-majikan?

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pelaksanaan dan proses-proses yang telah dijalankan oleh kementerian ini mulai pada tahun 2010 sehingga tahun ini di mana kajian-kajian dibuat oleh Bank Dunia dan juga dibuat oleh jawatankuasa teknikal yang telah dilantik, ia sentiasa melibatkan semua pihak berkepentingan iaitu satu pendekatan *tripartisme* yang melibatkan tiga pihak kerajaan, majikan dan juga pekerja bahkan pada tahun ini setelah kita membuat pembentangan sebanyak tiga kali kepada pihak kerajaan termasuk wakil-wakil rakyat, Ahli-ahli Parlimen. Kita juga telah mengadakan satu hari untuk orang awam memberi pandangan dan saya percaya bahawa perkara ini setakat ini tidak ada sebarang bantahan kerana semua proses ini melibatkan semua pihak berkepentingan.

13. Dato' Zaitun binti Mat minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, jumlah kawasan hutan hujan tropika negara dan nyatakan langkah-langkah kementerian bagi memelihara dan melindungi kawasan hutan hujan tropika berkenaan khususnya bagi melindungi kawasan hutan hujan tropika berkenaan khususnya bagi melindungi ekosistem dan mengawal perubahan cuaca global.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Disember 2010, jumlah kawasan hutan hujan tropika negara adalah seluas 18.48 juta hektar iaitu masing-masing 5.85 juta hektar di Semenanjung Malaysia, 4.84 juta hektar di Sabah dan 8.23 juta hektar di Sarawak. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian saya bagi memelihara dan melindungi kawasan hutan hujan tropika, termasuklah:

Pertama, melaksanakan komitmen dan mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara di bawah liputan hutan dan pokok;

Kedua, melipatgandakan pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan ataupun dengan izin, *sustainable forest management* di dalam kawasan hutan simpan kekal;

■1140

Ketiga, melaksanakan pensijilan pengurusan hutan atau MCNI iaitu *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification* bagi memastikan negara memperoleh persijilan pengurusan hutan sepenuhnya dan menyokong perdagangan kayu yang telah disijil.

Keempat, memperkasakan lagi usaha-usaha pelaksanaan ketetapan perjanjian antarabangsa berkaitan isu perubahan iklim seperti *The United Nations Framework Convention on Climate Change, Conventional Biological Diversity, United Nations Forum and Forest* dan *Convention on International Trade in Endangered Species Wildlife Fauna and Flora*.

Kelima, melipatgandakan dan memperluaskan program dan aktiviti pembangunan dan pengurusan hutan seperti penanaman pokok, perladangan hutan, pemuliharaan hutan, program *awareness*, program kesedaran, rekreasi berasaskan perhutanan dan pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan seta penguatkuasaan hutan.

Keenam, menyediakan strategi pelaksanaan dan insentif mengenai pengurangan pelepasan gas Rumah Hijau daripada hutan dan kemerosotan hutan atau lebih dikenali sebagai *Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation* atau dengan ringkasnya REDD, *redd-plus*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian yakin langkah-langkah tersebut mampu menangani isu-isu seperti penyeliaan hutan atau *deforestation* dan degradasi hutan, *forest degradation*. Selain itu langkah-langkah ini juga dapat memastikan perkhidmatan hutan untuk alam sekitar seperti bekalan sumber air dan stok karbon adalah terjamin. Sekian.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada menteri yang menjawab. Cuma satu soalan sahaja yang saya hendak tanya di sini iaitu apakah langkah kerajaan bagi memaksimumkan penggunaan kayu balak yang ditebang serta menambah nilainya termasuk penggunaan teknologi baru. Sekian terima kasih.

Tan Sri Datuk Sri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, kita punya soalan sebentar tadi itu adalah berkaitan dengan langkah-langkah yang kita ambil untuk memelihara dan melindungi hutan-hutan hujan tropika. Ini ada berkaitan dengan menambah nilai sudah. Mungkin ini perlu dirujuk kepada kementerian berlainan. Terima kasih.

14. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kewangan menyatakan, Bank Negara didapati sering menukar peraturan seperti pengenalan sistem baru dan prosedur pembaharuan lesen melibatkan pengurup wang. Keadaan ini sedikit sebanyak telah membawa kesan kepada operasi pengurup wang di Malaysia. Mengapakah senario ini berlaku.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada penguatkuasaan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) 2011 pada 1 Disember 2011, semua pemegang *license* adalah dikehendaki untuk memohon *license* di bawah akta baru ini bagi meneruskan aktiviti perniagaan pengurupan wang atau pengiriman wang. Langkah kerajaan mengawal selia di bawah APPW 2011 bertujuan untuk memastikan perkembangan industri perniagaan perkhidmatan wang yang lebih moden dan tersusun serta untuk melindungi integriti industri daripada digunakan sebagai saluran untuk aktiviti-aktiviti haram.

Demi menyokong objektif-objektif tersebut proses penyeliaan pembaharuan *license* yang lebih menyeluruh diperkenalkan sebagai satu usaha untuk memastikan pemegang *license* terus beroperasi secara profesional dan berintegriti.

Penilaian tersebut turut mengambil kira hasil pemeriksaan ke atas pemegang *license* termasuk aspek tadbir urus mekanisme dalaman serta penyimpanan rekod mereka. Langkah-langkah ini bertujuan memastikan pengurusan perniagaan yang lebih berhemah dan untuk memupuk budaya pemantauan mantap yang merupakan faktor penting dalam melindungi integriti sistem kewangan. Sekian.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, memandangkan negara kita kini berada di landasan menuju negara maju dan berpendapatan tinggi. Apakah kerajaan sebelum menggubal sebarang peraturan atau dasar dalam isu peniaga pengurup wang sentiasa berkongsi pendapat serta berdialog dengan persatuan-persatuan pengurup wang dalam mendengar pendapat serta cadangan dari pihak yang terlibat dalam memastikan sebarang pindaan itu tidak dilihat berat sebelah atau demi kepentingan sesebuah pihak sahaja.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Memang apa yang dikatakan Yang Berhormat itu ada asas. Seperti yang kita sedia maklum apabila kita menggubal Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, memang kita hendak supaya aktiviti perniagaan pengurup wang, pengiriman wang dan juga perniagaan mata wang secara lebih telus. Dengan ini kita telah menggabungkan tiga akta yang sedia ada iaitu Akta Kawalan Penukaran Wang 1953 dan Akta Sistem Pembayaran 2003 dan juga perniagaan pengurup wang di kawal selia di bawah Akta Pengurupan Wang 1998.

Perniagaan mata wang dikawal selia di bawah Akta Kawalan Penukaran Wang 1953. Tujuan yang saya sudah katakan tadi adalah untuk perniagaan pengurup wang dan pengiriman wang yang bertujuan untuk memodenkan dan menaikkan taraf industri. Memang perbincangan memang selalu ada mana-mana yang tidak sesuai dalam akta yang baru ini persatuan yang berkenaan boleh bangkit kepada Kementerian Kewangan dan kita boleh buat perubahan yang sesuai untuk industri ini.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perniagaan pengurup wang di Malaysia ini nampaknya banyak dikuasai oleh suatu kaum. Jadi saya ingin tahu bilangan pemegang lesen pengurup wang dan pecahan mengikut suku kaum.

Kedua, apakah usaha-usaha Bank Negara bagi meningkatkan mutu *frontline service*, kaunter servis pengurup wang ini dibandingkan di negara-negara lain. Kita di Malaysia dia beroperasi dalam satu kotak yang kecil dengan tiga, empat orang dan ini kadang-kadang menyulitkan terletak di sudut-sudut yang tidak penting di dalam kompleks-kompleks perniagaan. Ketiga apakah kesannya *outflow, illicit outflow* yang digambarkan baru-baru ini yang melibatkan RM150 bilion. Adakah pihak segmen pengurup wang ini terlibat di dalam jumlah yang tinggi yang disebutkan itu. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Najeeb.

Untuk makluman Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu memang saya bersetuju. Buat masa ini kita ada sejumlah 804 syarikat perniagaan pengurup wang dan 39 syarikat perniagaan pengiriman wang. *Breakdown* kaum-kaum itu saya tidak ada angka pada masa ini.

■1150

Saya akan memberitahu Yang Berhormat. Soalan kedua Yang Berhormat mengenai mengapa kita hendak kumpulkan mereka dalam satu akta yang baru sebab kita hendak modenkan industri ini dan kita hendak mendapatkan lebih maklumat. Seperti Yang Berhormat kata, *Global Financial Integrity* baru-baru ini ada melaporkan bahawa RM150 bilion yang telah keluar dari negara kita. Memang angka itu susah untuk kita hendak cari satu jawapan yang tepat. Memang ini bukan cerita baru dan dari segi Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia, kita akan ambil tindakan yang sewajarnya supaya kita boleh dapat lebih maklumat dari *money changer* ini. Ini kerana yang dahulu kalau akta kita tidak ubah, Bank Negara Malaysia tidak boleh masuk untuk mendapatkan maklumat. Kita harap dengan akta yang baru ini kita dapat mengawal situasi yang berada di negara kita ini.

15. **Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan, nama-nama hospital selain Hospital Likas yang telah dibeli oleh kerajaan - lengkap dengan harga dan sebab-sebab mengapa hospital-hospital tersebut dibeli.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih yang berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Hospital Likas yang dibeli oleh kerajaan dalam tahun 2003, kerajaan juga telah membeli sebuah lagi hospital swasta iaitu *Sabah Medical Centre* (SMC) pada tahun 2009 untuk dijadikan hospital kerajaan dan dikenali sebagai Hospital Queen Elizabeth II dengan harga RM280 juta. Sebab utama yang menjadi asas pembelian hospital berkenaan adalah bagi memenuhi keperluan Kementerian Kesihatan untuk memindahkan pesakit dari blok menara di *Queen Elizabeth Hospital* yang berkapasiti 250 katil yang mengalami keretakan yang teruk dan mengancam keselamatan penggunanya. Pada masa ini blok menara tersebut telah dirobuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan membeli SMC dibuat kerana Kementerian Kesihatan Malaysia memerlukan kemudahan sedia ada dan berfungsi bagi perkhidmatan rawatan pesakit.

Pilihan untuk membina blok baru akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun sedangkan masalah kekurangan katil dan ruang rawatan lain yang dihadapi pada masa tersebut adalah amat meruncing. Oleh itu pembelian SMC merupakan satu-satunya pilihan untuk mendapatkan ruang kemudahan klinikal yang diperlukan di mana tiada bangunan atau hospital lain sedia ada di kawasan Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu faedah tambahan ataupun *value added* yang dapat diperoleh daripada pembelian ini adalah tersedianya kemudahan bagi menampung perkembangan perkhidmatan kepakaran *tertiary* yang menjadi pusat rujukan bagi penduduk Sabah. Perkembangan perkhidmatan di bidang kepakaran *tertiary* ini adalah perlu bagi mengimbangi ketidaksamaan, menjimatkan kos pengangkutan pesakit untuk rujukan ke Semenanjung serta faktor sosioekonomi penduduk yang rendah. Perkhidmatan kepakaran *tertiary* seperti *cardiology, cardiothoracic, radiotherapy* akan dapat dimulakan lebih awal kerana peralatan tersebut telah disediakan di SMC walaupun tidak meliputi keseluruhan keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebaik sahaja kerajaan membeli SMC, kerja-kerja naik taraf telah dilakukan dan telah siap sepenuhnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa tidak mengizinkan cukuplah setakat itu dapat kita selesaikan pertanyaan-pertanyaan lisan. Sekarang saya mempersilakan yang seterusnya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL PERDANA MENTERI

PENGUNGKAIAN PROKLAMASI-PROKLAMASI DARURAT

11.54 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dengan ini dicadangkan:

- (a) bahawa Dewan ini meluluskan ketetapan menurut Fasal (3) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan untuk membatalkan atau mengunghaikan Proklamasi Darurat seperti berikut;
 - (i) Proklamasi Darurat 1966 [*P.U.(A)339A/1966*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 14 September 1966 di Sarawak bertujuan untuk membolehkan kerajaan menyelesaikan pertikaian politik di Sarawak;
 - (ii) Proklamasi Darurat 1969 [*P.U.(A)145/1969*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 15 Mei 1969 berikutan dengan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969; dan
 - (iii) Proklamasi Darurat 1977 [*P.U.(A)358/1977*] iaitu Proklamasi Darurat yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 8 November 1977 di Kelantan bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian politik di negeri Kelantan;

- (b) bahawa Dewan ini mengambil maklum sebab Proklamasi Darurat yang tersebut itu dibatalkan atau pun diumumkan adalah kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam dalam Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Proklamasi Darurat yang tersebut itu terus berkuat kuasa tidak lagi wujud masa kini;
- (c) bahawa Dewan ini mengambil maklum kesan pembatalan ini menurut fasal (7), Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan ialah apa-apa ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa akan terhenti berkuat kuasa selepas habis tempoh enam bulan dari tarikh Proklamasi Darurat yang tersebut itu dibatalkan;
- (d) bahawa Dewan ini mengambil maklum langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk memastikan tidak timbul kesukaran atau apa-apa halangan kepada kerajaan untuk mengawal jenayah dan perkara-perkara yang boleh menyebabkan ancaman terhadap keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam termasuklah kegiatan keganasan apabila terhentinya kuat kuasa semua ordinan yang dibuat di bawah Proklamasi Darurat yang tersebut itu dan undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan semasa Proklamasi Darurat yang tersebut itu berkuat kuasa seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas;
- (e) bahawa Dewan ini mengambil maklum, dengan terbatalnya ataupun terungkainya Proklamasi Darurat yang tersebut itu kerajaan tidak lagi mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Seperti yang Dewan ini sedia maklum, fasal (5) Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen, walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara jika didapati oleh Parlimen bahawa undang-undang itu dikehendaki oleh sebab darurat itu kecuali undang-undang mengenai apa-apa perkara hukum Syarak atau adat Melayu atau mengenai apa-apa perkara undang-undang atau adat anak negeri di Negeri Sabah atau Sarawak seperti yang dinyatakan dalam fasal (6A); dan
- (f) bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa pembatalan ataupun pengungkai Proklamasi Darurat yang tersebut itu membuktikan bahawa kerajaan sentiasa bersedia untuk melakukan pembaharuan dalam undang-undang negara supaya ia selaras dengan kehendak semasa dan mengukuhkan lagi usaha kerajaan untuk memastikan negara ini sentiasa maju ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya langkah kerajaan bagi membatalkan atau mengunghaikan Proklamasi Darurat yang masih berkuat kuasa di seluruh negara dan dua Proklamasi Darurat khusus yang berkuat kuasa di negeri Sarawak juga di negeri Kelantan ini merupakan fasal kedua terhadap Program Transformasi Politik Malaysia yakni PTP yang telah diumumkan semasa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada malam Hari Malaysia tanggal 15 September lalu.

■1200

Fasa pertama telah dilaksanakan melalui pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933 serta pembebasan semua tahanan perintah kediaman terhad juga pembatalan waran-waran yang belum disampaikan. Berlangsung dengan itu, maka pada hari ini, pagi ini dan detik ini dalam kemuliaan Dewan yang merupakan cerminan kuasa rakyat serta tunjang asas kepada pelaksanaan sistem demokrasi berparlimen, kerajaan akan membentangkan pula Fasa Kedua PTP tersebut melalui pembatalan pengungkaian Proklamasi-proklamasi Darurat seperti yang telah dilafazkan... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, nyatanya pembatalan ataupun pengungkaian ini akan kekal mempersada prinsip kepentingan Perlembagaan seperti dinukilkan dalam fasal (1), Perkara 4. Pembatalan pengungkaian ini akan secara langsung turut menghapuskan kuasa luar biasa seperti mana terkandung dalam ordinan dan akta yang dibuat di bawah Perkara 150. Selaras itu, bagai siri pulang ke gagang, melalui pembatalan ini juga fungsi Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi negara dan institusi yang menjadi pemegang amanah rakyat terletak di tempat yang hak. Ini bererti semua ordinan yang telah digubal semasa darurat juga perlu digubal semula, akan dibuat melalui Parlimen. Justeru, kerajaan akan membentangkan rang undang-undang yang perlu pada bulan Mac 2012. Pembatalan ataupun pengungkaian ini juga akan mendengar semula falsafah Persekutuan dan meletakkan perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri di *track* yang lebih kukuh tanpa dibayangi fasal (4), Perkara 150.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Yang Berhormat, sebetulnya kerajaan mengambil keputusan untuk membatalkan ataupun merungkaikan Proklamasi-proklamasi Darurat ini berasaskan bahawa sebab-sebab yang membawa kepada pengisytiharan-pengisytiharan itu telah ditelan oleh waktu dan dilapukkan oleh masa yang beralih. Sememangnya lagi tindakan diambil Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah satu tindakan yang amat penting lagi monumental. Ini kerana, sekali pun kita pada kedudukan selaku kerajaan yang sedang berkuasa dengan secara sukarela mengembalikan kuasa luar biasa yang dimiliki dengan tiada apa-apa paksaan... [Tepuk]

Hendaklah barang diingat bahawa langkah ini adalah sama beraninya dengan tindakan bapa-bapa kita apabila mengisytiharkan darurat demi menyelamatkan demokrasi walau apa pun tohmah yang melanda ketika itu... [Tepuk] Hakikatnya, dalam susur galur sejarah dan juga tamadun manusia, ia adalah sesuatu yang amat jarang dilakukan. Tindakan ini diambil seraya kita yakin dengan kebijaksanaan rakyat Malaysia. Tindakan ini juga diambil kerana kita percaya dengan kematangan rakyat Malaysia. Semuanya tidak lain tidak bukan demi masa depan negara tercinta kerana kita dambakan Malaysia yang bukan sahaja berstatus maju sepenuhnya dari aspek ekonomi dengan warga berpendapatan tinggi akan tetapi sebuah negara dengan demokrasi yang matang, bugur dan bertanggungjawab.

Ringkasnya, sebuah demokrasi yang berfungsi di mana hak untuk berbeza pendapat dan juga berlainan pandangan sebagai satu rahmat bagi mencari jalan terbaik demi pertiwi dan kepentingan kebangsaan bukannya atas alasan hendak melabel atau menyisih mana-mana pihak. Pucuk pangkalnya, tawarikh membuktikan bahawa pendahulu Barisan Nasional yakni Parti Perikatan pada 31 Julai 1960 telah juga membatalkan atau merungkaikan darurat yang diisytiharkan dalam tahun 1948 bagi mengekang pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaya sesudah kemelut itu berjaya dibendung. Sehubungan itu juga kerajaan yakin bahawa undang-undang biasa kita juga boleh membendung ancaman baru seperti keganasan, unsur subversif, sabotaj, pengintipan dan jenayah terancang.

Tuan Yang di-Pertua, ujian sebenar bagi sebuah kerajaan adalah melakukan sesuatu apabila ia sedang berkuasa berbuat demikian. Lantas jika masih belum membentuk kerajaan, maka kita dapati pihak-pihak tertentu boleh sahaja secara semberono menjanjikan bulan, bintang mahupun cakerawala Bima Sakti walhal itu hanyalah sekadar omongan yang sewajarnya diragui. Barangkali juga mereka mengatakan cubalah dulu namun kerajaan yakin dan saya pasti bahawa rakyat Malaysia tidak akan sekali-kali tegar memperjudikan masa depan mereka secara melulu... [Tepuk]

Sebaliknya akan terus memberikan kepercayaan mereka kepada barisan kita yakni dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the tried and tested*.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sebutkan di sini bahawa proses islah dan pembaharuan kerajaan bagi mengimbangi keselamatan kebangsaan serta hak kebebasan individu tidak akan terhenti di sini sahaja.

Selanjutnya sebagai memeterai waad di antara kerajaan dan rakyat, maka akan dibentangkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 bagi menggantikan seksyen 27, Akta Polis 1967. Di bawah rang undang-undang baru, pihak polis yang selama ini sebagai penentu izin, kini akan berubah peranannya menjadi pengawal selia undang-undang dan juga pemudah cara dengan ruang lingkup kebertanggungjawaban yang lebih jelas. Serentak dengan itu, dinyatakan bahawa keperluan untuk lesen perhimpunan akan dihapuskan. Seperkara penting bahawa hukuman penjara di bawah undang-undang baru ini nanti akan ditiadakan berbeza dengan peruntukan hukuman penjara yang terkandung dalam seksyen 27, Akta Polis 1967. Hukuman yang bakal dikenakan hanyalah bersifat denda.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa betapa murni pun niat kerajaan, pihak pembangkang sudah mula memukul canang dan memburuk-burukkan akta baru yang ingin kita bentangkan ini. Kononnya ia mencekik hak kebebasan untuk berhimpun. Benarkah tuduhan ini? Jawapannya tidak benar sama sekali. Hakikatnya, salah satu prinsip asas di bawah undang-undang baru ini ialah pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menghalang sebarang perhimpunan yang dilakukan secara aman mengikut lunas peruntukan yang digariskan oleh undang-undang. Sekatan dan juga syarat itu pun bagi kawasan-kawasan yang tidak diwartakan sebagai kawasan perhimpunan.

Prinsip yang lain pula, jika pun sesuatu perhimpunan itu memerlukan pemberitahuan kepada pihak berkuasa seperti seksyen 9(1), rangka masa tertentu diberikan kepada pihak berkuasa untuk menjawab pemakluman tersebut seperti seksyen 14 dan jika respons tidak diberikan dalam masa yang ditetapkan, perhimpunan itu boleh diteruskan di bawah perlindungan undang-undang.

■1210

Terbukti sekadar saya menyatakan beberapa prinsip asas kepada undang-undang baru ini menunjukkan begitu meleset sekali dakwaan pihak pembangkang. Jelasnya undang-undang ini bersifat *revolutionary* dan lambakan berganda dari segi kebbaikannya berbanding undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting kerajaan komited terhadap perenggan (b), fasal (1), perenggan 10 yang menyatakan bahawa semua warganegara adalah berhak berhimpun secara aman dan dengan tanpa senjata. Namun demikian ia tetap tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seperti mana dinyatakan dalam perenggan (b), fasal (2) perkara yang sama. Menyatakan ke atas hak yang diberi oleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada bincang berkenaan yang Rang Undang-undang Perhimpunan Amankah yang ini? Sekarang ini kita kena luluskan perangkaan tadi dahulu.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu baru Rang Undang-undang Perhimpunan Aman. Adakah Yang Berhormat hendak sekaligus?

Datuk Liew Vui Keong: Memang di sekaligus dalam teks ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Datuk Liew Vui Keong: Namun demikian ia tetap tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seperti mana dinyatakan dalam perenggan (b), fasal (2), perkara yang sama. Menyatakan ke atas hak yang diberi perenggan (b), fasal (1) apa-apa sekatan yang didapati perlu atau mustahak demi kepentingan keselamatan persekutuan atau mana-mana sebahagian atau ketenteraman awam.

Di sudut ini begitu jelas adalah menjadi tanggungjawab Perlembagaan kerajaan untuk memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara terus terpelihara.

Kita mesti faham, dalam hal ini kita lihat bukan sahaja hak mereka yang mahu berhimpun tetapi juga pada masa yang sama hak mereka yang mahu kebebasan, ketenteraman dan juga ketenteraman untuk menjalani kehidupan mencari rezeki kekal terpelihara. Walau apapun termustahak untuk diperingkatkan kepada semua kerajaan tetap menolak dengan sekeras-kerasnya sebarang demonstrasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah pun diberikan teks ucapan yang merangkumi semua Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat tidak apa kalau sudah ada nanti saya akan buat secara yang sepatutnyalah. Sudah habis?

Datuk Liew Vui Keong: Belum, ada lagi sedikit saya kena baca juga kerana ini adalah dasar kerajaan mengenai isu-isu yang...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, habiskan dahulu.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Yang di-Pertua saya pohon. Saya rasa kena habiskan dahulu yang usul, jangan masuk.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Kalau sudah berhenti setakat itu sahajalah. Saya cuma hendak beritahu.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita kena luluskan yang perungkaian itu dahulu tadi, yang proklamasi mengikut Yang Berhormat baca pada awal tadi, "*Fasal (3) Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan Proklamasi Darurat yang berikut,*" baca sudah habis, bukan? Selepas itu kita kena bahas, diluluskan itu dahulu lepas itu baru pergi ke Rang Undang-undang Perhimpunan Aman.

Datuk Liew Vui Keong: Tidak. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, dalam usul ini, dalam teks ucapan...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi kalau teks ucapan itu kalau hendak sekaligus habiskan cepat.

Datuk Liew Vui Keong: Sekalikan. Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam helaan semangat yang sama, pencarian pengimbangan antara keselamatan kebangsaan dan juga kebebasan individu. Suka juga saya mengumumkan di sini bahawa kerajaan atas dasar prinsipnya akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes empat pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia yang didakwa terbabit dalam Kempen Pilihanraya Kecil Parlimen Hulu Selangor tempoh hari. Ini kerana keputusan mahkamah tersebut mempunyai implikasi terhadap prinsip undang-undang negara. Di atas segalanya kerajaan percaya kepada kematangan dan juga kebijaksanaan para mahasiswa.

Dengan itu, bagi menghormati hak perlembagaan mahasiswa dan mahasiswi negara yang rata-ratanya telah mencapai umur baligh, undang-undang atau *age of maturity*. Kerajaan akan meminda seksyen 15, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974 bagi membenarkan mereka menjadi ahli parti politik. Akan tetapi bertegas tidak akan sekali-kali membenarkan politik kepartian dibawa ke dalam kampus.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya semua prakasa islah dan juga pembaharuan yang sedang kita laksanakan hari ini adalah hasil tanggapan keprihatinan kerajaan Barisan Nasional terhadap aspirasi rakyat yang mendengar keluh kesah dan juga merasai denyut nadi mereka. Ia bukan sekadar retorik, pencacai mahupun dongengan saudagar mimpi yang terus-terusan memintal kepalsuan. Mengadun madu dan racun. Ia sesungguhnya hasil iltizam politik dan juga keberanian moral. Ceritera Malaysia adalah cerita kejayaan. Ia gabung jalin bumi yang subur, rakyat yang penuh harapan dan juga sebuah kerajaan bertanggungjawab.

Lakaran kanvas Malaysia yang menyaksikan transformasi dari sebuah negara pertanian berpendapatan rendah kepada sebuah negara berindustri moden, berpendapatan sederhana tinggi dalam waktu yang singkat.

Lakaran ini tidak ternoktah begitu juga. Ia terus diwarnakan dengan *blueprint* serta peta hala tuju yang jelas ke arah perancangan berikutnya iaitu taraf negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Hasil kejayaan yang dicapai dan kemajuan yang dinikmati selama ini maka taraf pendidikan dan juga taraf sosioekonomi rakyat terus meningkat, begitu juga akses kepada lebuhraya maklumat yang bertambah luas. Segala rentetan perubahan ini menutup tirai kepada era kerajaan yang mengetahui segala-galanya dan era kerajaan yang memiliki monopoli terhadap kebenaran. Hari ini kerajaan perlu bersaing dan memanfaatkan pasaran maklumat dan idea yang ada.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf, boleh saya mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ya silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya kalau salah minta maaflah tetapi saya dapat kesan Yang Berhormat Menteri mengemukakan dua usul dalam satu ucapan. Sedangkan usul yang belum kita bincangkan pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua ialah usul mengungkuai Proklamasi Darurat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum pindah kepada usul Rang Undang-undang Perhimpunan Aman. Jadi, adakah ini bermakna ucapan panjang dikemukakan untuk dua usul yang berbeza sama sekali. Bukan sama sekali yang berbeza sifat dan *substance* nya. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebabnya saya tanya pada awal tadi saya fikir begini Yang Berhormat. Kita ada dua aspek. Satu meluluskan yang fasal tadi Proklamasi Darurat, Yang Berhormat baca dari awal. Selepas di bahas dan diluluskan baru kita pergi kepada terus...

Datuk Liew Vui Keong: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Saya dimaklumkan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Atas penjelasan ini. Apa yang berlaku di sini adalah teks di mana kita memberi sedikit sejarah mengenai isu darurat yang telah pun...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Selepas itu kerajaan memberi hala tuju kerajaan dalam perkara ini selepas membatalkan akta ini *and then the subsequence* akta yang akan menjaga keselamatan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah bermakna selepas kita luluskan ini nanti Yang Berhormat akan baca sekali lagi berkenaan dengan...

Datuk Liew Vui Keong: Tidak itu akan baca mengenai Akta Perhimpunan Aman.

Tuan Yang di-Pertua: Baca sekali lagi?

Datuk Liew Vui Keong: Akan dikhaskan dan ditumpukan. Apa yang berlaku di sini hanya *generalize law* yang kerajaan akan ambil mengenai hak perhimpunan dan juga universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya fikir saya faham. Sekarang ini kita luluskan yang pertama dahulu lepas itu apabila sampai ke Perhimpunan Aman itu Yang Berhormat kena baca sekali lagi, okey?

Datuk Liew Vui Keong: Ya betul. Jadi setakat ini saya telah pun diarahkan untuk menghabiskan teks ucapan yang telah pun diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu Yang Berhormat panjangkah lagi?

Datuk Liew Vui Keong: Satu paragraph lagi..

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Silakan.

■1220

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan ini amat komited untuk melakukan apa yang betul dan benar betapa sukar sekalipun. Kita tidak diberi tanggungjawab dan amanah oleh rakyat untuk melakukan yang mudah. Kita tidak akan sekali-sekali lari atau tergelincir dari jalan islah dan juga pembaharuan berterusan. Walau apa pun cabaran yang melintang atau juga menerjah, kita akan terus istiqamah di jalan ini atas nama rakyat yang dihidmati dan atas nama Malaysia milik kita bersama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi untuk dirungkaikan proklamasi darurat sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ini yang awal tadi, kalau sekiranya tidak ada, kita luluskan proklamasi ini ialah undang-undang yang telah diluluskan ini hanya untuk dirungkaikan, maknanya diluluskan untuk dipinda dengan undang-undang yang baru. Ada Yang Berhormat? Saya harap tidak panjang-panjanglah sebab perkara ini perkara yang dah lepas, kita cuma hendak *look froward* supaya. Apa yang dirungkaikan oleh Yang Berhormat tadi ialah seluruhnya.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bercakap satu per 10 daripada ucapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat akan rangkumkan semua sekali, walhal mengikut peraturannya mesti ada dua aspek.

Dr. Syed Husin Ali: Sepatutnya begitu saya rasa.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, sekarang ini kita hendak luluskan hanya dari segi merungkaikan Proklamasi Darurat.

Dr. Syed Husin Ali: Ucapan saya tentang hal ini, pendek sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai Perhimpunan Awam itu, kemudian pula. Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Saya sebenarnya berdiri untuk menyokong penarikan ataupun pemansuhan tiga rang undang-undang ini. Sebenarnya kita mengambil masa yang lama untuk merungkaikannya iaitu antara 33 hingga 46 tahun, 46 tahun itu yang mula-mula sekali adalah di Sarawak. Kedua-dua kes di Sarawak itu adalah kes sebenarnya persaingan politik di antara dua parti dan di Kelantan umpamanya, tujuannya ialah untuk menjatuhkan Pas dan di Sarawak untuk menjatuhkan Kalong Ningkan serta pengikutnya waktu itu. Jadi itu adalah urusan politik yang sudah selesai waktu itu dan sepatutnya telah dirungkaikan tidak lama selepas peristiwa itu, tapi kita mengambil masa 33 hingga 46 tahun, itu yang pertama.

Keduanya ialah, kita dapati dalam dunia ini kita memegang rekod terbanyak sekali perisytiharan mengenai dengan darurat, lima kesemuanya. Saya akan sebut yang dua lagi tadi.

Kita dah batalkan dan mungkin yang tiga ini selain daripada yang lima, dua lagi belum batal, kita ada juga *Emergency Ordinance* (EO) dan juga ada ISA, jadi berlipat kali ganda beratnya undang-undang untuk menekan rakyat dan untuk membataskan demokrasi. Jadi saya harap perkara ini tidak berlaku dengan adanya pula nanti undang-undang baru yang kita akan bincang tentang Rang Undang-undang Perhimpunan Aman itu nanti.

Apa yang penting di sini ialah kita dapati bahawa saya katakan tadi lima undang-undang dan oleh kerana tiga sahaja yang telah dan akan dimansuhkan, sokongan saya yang katakan tadi adalah terbatas, terbatas kepada syarat yang mesti dua lagi tadi dibatalkan, dua lagi yang saya maksudkan adalah pertamanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa kerajaan dah mulakan, maknanya dia sedarlah itu, kita harap ini akan berlaku juga.

Dr. Syed Husin Ali: Saya ingin menegaskan, merekod di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Merekodkan sajalah? Boleh-boleh.

Dr. Syed Husin Ali: Pertama sekali ialah tentang undang-undang yang berkaitan dengan konfrontasi darurat yang diisytiharkan dengan konfrontasi. Undang-undang ini belum lagi dimansuhkan dan kita tidak tahu bila akan dimansuhkan. Saya harap akan dipercepatkan dan kalau misalnya terlambat sangat kita memansuhkan, seolah-olah kita macam ada keadaan perang...

Tuan Yang di-Pertua: Sangkaan itu tidak payah diterangkan.

Dr. Syed Husin Ali: Benda itu adalah hakikat sebenarnya. Adanya darurat bererti hubungan kita adalah hubungan perang, hubungan darurat. Kita dah selesai konfrontasi itu, secepat mungkin harus dibatalkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar dia habiskan dahulu.

Dr. Syed Husin Ali: Keduanya ialah disebutkan tadi tentang undang-undang darurat tahun 1948, saya tidak begitu ingat bila misalnya undang-undang 1948 ini telah dirungkaikan dan diluluskan dalam Parlimen ini. Setahu saya undang-undang itu masih ada, dan sudah lama daripada tahun 1948 undang-undang ini diperkenalkan oleh British dan memang sudah sampai masanya saya rasa kalau misal diadakan undang-undang yang lain dan ada nampaknya persetujuan untuk ada undang-undang lain, maka Undang-undang Darurat 1948 yang telah lama lapuk itu dan diperkenalkan oleh British, sepatutnya cepat-cepat kita mansuhkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ucapan merungkai darurat adalah polisi kerajaan yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat tempoh hari, yang mencerminkan polisi kerajaan termasuk AUKU dan sebagainya yang telah dibaca di Dewan Rakyat dan akan dibaca di Dewan Negara ini.

Bacaan kedua untuk Rang Undang-undang Perhimpunan Aman adalah berbeza dan kita akan bincangkan, bahaskan kemudian kelak, ini adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua. Okay, Yang Berhormat Dr. Syed Husin sudah habis, ada yang lain lagi? Saya harap secara ringkas, tidak perlu panjang-panjang sangat, silakan.

12.27 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan usul untuk merungkaikan proklamasi darurat. Saya mempunyai beberapa isu sahaja yang hendak disebutkan dan direkodkan dalam Parlimen ini. Pertamanya ialah bila proklamasi ini dibatalkan setelah 34 tahun khususnya untuk kes Kelantan, ketika proklamasi ini dibuat saya berusia lima tahun, jadi saya bersyukur kerana saya sempat melihat undang-undang ini dirungkaikan pada akhirnya kerana efek kepada rakyat, walaupun perkara ini dibuat atas masalah politik yang telah diselesaikan tidak lama kemudian, efeknya amat besar kepada rakyat khususnya dari segi trauma, psikologi dan juga dari segi ekonomi.

Jadi saya ingin menarik perhatian kerajaan terutama bilamana polisi kerajaan merungkai atau meletakkan satu proklamasi ini, apakah sebab-sebab yang telah kerajaan kesan sehingga sekarang setelah 34 tahun, hari ini membuat keputusan untuk merungkai yakni menarik balik perkara ini kerana mestilah ada sebab istimewa.

Kerana 34 tahun yang lepas kita nampak perkara ini begitu efektif. Akan tetapi sekarang ini tiba-tiba kita nampak terungkai. Apakah penyebab faktor indikasi yang menyebabkan kerajaan telah menganggap bahawa kita ini benar-benar aman dan tarik balik perkara ini, itu yang pertama.

Keduanya ialah dari segi efek, saya ingat dalam perbincangan untuk royalti kerajaan Kelantan baru-baru ini disebut antara perkara yang menyebabkan kerajaan Kelantan terhenti daripada hak untuk mendapatkan royalti adalah kerana negara kita masih lagi terikat dengan ordinan ataupun proklamasi darurat. Adakah dengan pengungkapan pada hari ini, ini akan membebaskan hak tersebut dan kerajaan Kelantan berhak kepada royalti yang telah pun diperjuangkan oleh rakyat Kelantan selama ini dan pada masa akan datang, apakah faktor-faktor yang akan memungkinkan kerajaan sekali lagi bertindak untuk membuat proklamasi darurat, pertimbangan-pertimbangan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan, kerana kita percaya dalam keadaan ini penglibatan politik ataupun pertikaian politik mungkin akan berlaku di beberapa negeri.

Jadi saya minta daripada pihak kerajaan walaupun dalam usul seperti ini untuk mempertimbangkan sehabis-habisnya kerana kita percaya kalau satu lagi proklamasi darurat dibuat, ianya mungkin memakan masa 30 hingga 40 tahun sebagaimana kes yang berlaku pada hari ini, ini kerana ia akan meninggalkan kesan kepada keseluruhan kehidupan rakyat daripada segi politik, sosial mahupun ekonomi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat menjawab.

12.29 tgh.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil peranan dalam perbincangan ini. Yang Berhormat Senator Dr Syed Husin Ali telah pun bertanya mengenai proklamasi darurat 1948 dengan soalan sama ada ia telah pun diungkai ataupun belum.

■1220

Untuk makluman Yang Berhormat, pengisytiharan 1948 telah pun dirungkaikan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 30 Julai 1960 melalui proklamasi yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui PU 185/1960. Jadi, soalan ataupun pertanyaan Yang Berhormat Senator itu saya harap telah pun dapat dijawab dengan jawapan ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Hussin Ali bertanya mengenai mengapakan Proklamasi Darurat 1964 tidak dirungkaikan? Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengisytiharan Darurat 1964 telah terbatal secara implikasi oleh pengisytiharan darurat pada tahun 1969 sebagaimana yang diputuskan dalam kes Teh Cheng Poh lawan pendakwa raya di mana Majlis Privy dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa Proklamasi Darurat tahun 1964 telah pun tidak bernyawa dan telah ditarik balik dengan cara implikasi oleh Proklamasi Darurat pada tahun 1969. *It is been taken back by implication*, dengan izin, ataupun *a spin force* Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat...

Dr. Syed Hussin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh buat sedikit pertanyaan tentang hal ini? Saya hendak tahu kalau *by* implikasi, *by implication* dibatalkan apa yang disebutkan tadi – saya tidak tahu kesnya, kes undang-undang yang dipertikaikan – tetapi mengapakah tidak *by implication* juga berlaku untuk Kelantan dan Sarawak dibatalkan lebih awal? Itu satu.

Keduanya mengenai dengan tahun 1948 disebutkan bahawa 13 Julai 1960 telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah hak baginda untuk melakukan. Akan tetapi biasanya ialah dengan nasihat daripada Perdana Menteri dan dengan kelulusan Parlimen sepatutnya. Jadi, saya hendak bertanya tadi, adakah kelulusan Parlimen untuk Darurat 1948 itu telah dirungkaikan? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Bagi maklumat mengenai kerungkaian pada 30 Julai 1960, buat setakat ini saya tidak ada maklumat tetapi saya telah pun dimaklumkan bahawa kerungkaian itu telah pun berlaku melalui proklamasi yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui PU 185/1960 dan dengan itu saya yakin bahawa perkara itu telah pun dibahaskan dan juga diluluskan oleh Dewan yang mulia pada setakat itu. Walau bagaimanapun, saya akan mendapatkan *the real fact* kepada Yang Berhormat Senator.

Mengenai perkara yang dibangkitkan sama ada *implication of law* oleh keputusan daripada Majlis Privy pada setakat itu sama ada ia terbatal, untuk makluman Yang Berhormat, isu yang dihadapkan ke Privy Council pada masa itu hanya menyentuh Proklamasi 1964 sahaja. Jadi, Proklamasi 1979 dan selepas kes Teh Cheng Poh itu tidak diikuti - *it is not part of the 1964 proclamation*.

Jadi, Proklamasi 1966 khusus hanya untuk Sarawak sahaja pada masa itu. *So, that is the distinction* Yang Berhormat Senator di mana *Privy Council* pada masa itu hanya menyentuh Proklamasi 1964 dan ia tidak menyentuh proklamasi yang disebutkan iaitu di Sarawak dan juga di Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz yang bertanya apakah sebab kerajaan ingin mengungkaikan Proklamasi Darurat tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Hajah, bahawa ini disebabkan kerana keadaan darurat yang mengancam keselamatan atau pun kehidupan ekonomi dan juga ketenteraman awam pada masa itu dan pada setakat ini ancaman tersebut tidak wujud lagi. Itulah sebabnya kerajaan ingin merungkaikan Proklamasi Darurat tersebut.

Mengenai isu royalti petroleum Kelantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga, isu royalti petroleum tidak timbul buat masa ini, *especially with regard to the question of proclamation*, dengan izin. *There are two separate issues here* Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dengan itu, itu sahaja yang saya sempat menjawab mengenai isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai usul ini. Jadi dengan itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara satu hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.37 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta yang berhubungan dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dan untuk memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat yang berhubungan dengan hak itu demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, hak untuk berhimpun melibatkan perhimpunan sesuatu bilangan orang yang disengajakan dan sementara di sesuatu tempat sama ada atau tidak perhimpunan itu diadakan di suatu tempat tertentu atau bergerak di Malaysia. Perkara 10(1)(b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua warga negara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun demikian, hak ini tertakluk kepada apa-apa sekatan melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen yang didapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau demi ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, undang-undang am yang mengawal selia hak untuk berhimpun ialah Akta Polis 1967, (Akta 344) khususnya seksyen 27. Seksyen 27, Akta Polis 1967 yang diambil daripada seksyen 39, Ordinan Polis 1952 memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berniat mengadakan atau mengumpulkan mana-mana perhimpunan atau perjumpaan atau membentuk suatu perarakan di mana-mana tempat awam hendaklah mendapatkan lesen daripada pihak polis. Sebelum mengeluarkan lesen di bawah seksyen 27 ini, pegawai yang menjaga daerah polis hendaklah berpuas hati bahawa perhimpunan, perjumpaan atau perarakan itu tidak mungkin akan memudaratkan kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau membangkitkan kekacauan keamanan.

■1240

Melalui seksyen ini juga pegawai yang menjaga daerah polis boleh membatalkan lesen itu atas apa-apa alasan yang membolehkan lesen itu tidak dikeluarkan. Seksyen 27 telah dipinda pada 1987 melalui Akta Polis (Pindaan 1987), Akta A685 dengan memasukkan mengenai tatacara dan perkara-perkara lain mengenai permohonan untuk mendapatkan lesen itu di bawah seksyen 27.

Selain itu Akta A685 turut mengandungi seksyen baru iaitu 27A, 27B dan juga 27C yang antara lain memperkatakan kuasa polis berhubung dengan perhimpunan khususnya kuasa berkaitan penguraian ataupun dispersal sesuatu perhimpunan. Semasa menyampaikan perutusan khas Hari Malaysia pada 15 September 2011 sempena Sambutan Hari Malaysia ke-48, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kajian komprehensif akan dilaksanakan oleh kerajaan dan menyentuh kerangka perundangan negara termasuklah mengkaji semula seksyen 27 Akta Polis 1967.

Ini dibuat dengan mengambil kira peruntukan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan perhimpunan dan menentang sekeras-kerasnya demonstrasi jalanan. Di samping itu, kebenaran berhimpun diberi selaras dengan kaedah-kaedah yang akan ditetapkan kelak di samping mengambil kira norma-norma di peringkat antarabangsa.

Susulan daripada keputusan kerajaan untuk mengkaji seksyen 27 Akta Polis 1967, suatu akta baru telah dicadangkan dan digubal bagi mengadakan peruntukan mengenai hak untuk berhimpun dan seterusnya memansuhkan seksyen 27 dan seksyen lain yang berhubung dengan perhimpunan, mesyuarat dan perarakan. Bagi maksud akta baru tersebut, Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ataupun dengan izin, *Peaceful Assembly Bill 2011* telah digubal.

Jabatan Peguam Negara telah mengkaji Perlembagaan Persekutuan, undang-undang tempatan lain yang berkaitan, garis panduan dan syor-syor yang berkaitan serta norma-norma dan amalan-amalan di peringkat antarabangsa berhubung dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Selain itu, undang-undang negara lain turut dirujuk sebagai contoh terutama:

- (i) *Peaceful Assembly Act 2002* daripada Queensland Australia;
- (ii) *Assembly Act 2009* daripada Finland;
- (iii) *Public Order Act 1986* daripada United Kingdom;
- (iv) *Assembly Act 2008* daripada Germany;
- (v) *Public Meeting Ordinance Chapter 68* daripada Malta;

- (vi) *the Law on Assembly* daripada Moldova;
- (vii) *the Public Assembly Act 1992* daripada *Republic of Serbia*;
- (viii) *the Public Assembly Pyrites and Protest Draft Bill* daripada *Northern Island*; dan
- (ix) *the First Amendment Right and Police Standard Act 2004* daripada *Districts of Columbia, United States*.

Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011 Tuan Yang di-Pertua mengawal selia perhimpunan yang diadakan di tempat awam sama ada perhimpunan itu diadakan di suatu tempat tertentu, statik ataupun perhimpunan itu bergerak ataupun *moving* dengan izin. Matlamat Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011 ialah untuk memastikan;

- (a) selagi wajar untuk berbuat demikian bahawa semua warga negara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata,
- (b) hak ini tertakluk kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam sesuatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan juga kebebasan orang lain.

Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011 digubal selaras dengan peruntukan perkara 10(1)(B) dan 2(B), Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Perkara 10(1)(B) dan 2(B) Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan secara jelas mengenai hak dan kebebasan orang lain dalam mengenakan sekatan terhadap perhimpunan.

Namun demikian demi keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam, hak orang lain harus diambil kira. Hak dan kebebasan orang lain termasuklah,

- (i) hak untuk menikmati secara aman harta bendanya;
- (ii) hak kepada kebebasan bergerak;
- (iii) hak untuk menikmati persekitaran semula jadi; dan
- (ix) hak untuk menjalankan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-undang Perhimpunan Awam 2011 ini terbahagi kepada enam bahagian iaitu:

- (i) Bahagian Pertama mengenai permulaan;
- (ii) Bahagian Kedua mengenai hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;
- (iii) Bahagian Ketiga mengenai tanggungjawab penganjur, peserta dan polis,
- (iv) Bahagian Keempat mengenai kehendak mengenai penganjuran perhimpunan;
- (v) Bahagian Kelima mengenai penguatkuasaan; dan
- (vi) Bahagian Keenam mengenai pelbagai.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas, permulaan tarikh kuat kuasa dan juga ketidakkapaian dan juga fasal ini menjelaskan bahawa rang undang-undang ini tidak terpakai kepada perhimpunan yang merupakan kempen pilihan raya yang tertakluk kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, Akta 5 dan perhimpunan yang merupakan mogok, sekat masuk ataupun piket yang tertakluk kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta 177 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959, Akta 262.

Fasal 2 mengandungi matlamat rang undang-undang ini iaitu membenarkan warganegara untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata selagi ia adalah wajar untuk berbuat demikian dan selaras dengan Perkara 10(2)(B), Perlembagaan Persekutuan. Penggunaan hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagian atau ketenteraman awam.

Fasal 3 mengandungi takrif ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang-undang. Di bawah fasal ini, perhimpunan ditakrifkan sebagai perhimpunan sebagai satu tempat awam sama ada perhimpunan itu bergerak atau tidak. Penganjur ditakrifkan sebagai seseorang yang bertanggungjawab bagi penganjuran atau pengendalian suatu perhimpunan dan orang yang mempunyai kepentingan. Ertinya seseorang yang tinggal bekerja atau menjalankan perniagaan atau memiliki aset harta kediaman atau komersial di sekitar atau di tempat perhimpunan itu dan kanak-kanak ditakrifkan sebagai orang yang berumur 15 tahun ke bawah.

Fasal 4 tidak membenarkan penganjuran dan juga penyertaan perhimpunan oleh bukan warganegara. Perhimpunan di tempat larangan dan dalam jarak 50 meter dari had tempat larangan itu dan apa-apa protes jalanan. Tempat larangan ditakrifkan dalam fasal 2 sebagai kawasan larangan dan tempat larangan yang diisytiharkan di bawah Akta Kawasan Larangan dan juga tempat Larangan 1959, Akta 298 dan mana-mana tempat-tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

■1250

Di samping itu, dalam hal sesuatu penganjuran perhimpunan, ia hanya terpakai bagi orang yang berumur 21 tahun ke atas dan bagi penyertaan di dalam sesuatu perhimpunan, ia tidak terpakai bagi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun kecuali jika perhimpunan itu adalah perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Tujuan fasal ini adalah untuk memastikan hak dan juga kebebasan orang lain tidak terjejas dengan perhimpunan yang diadakan dan anak-anak diberi perlindungan yang sewajarnya.

Fasal 5 memperuntukkan bahawa seseorang yang mempunyai kepentingan hendaklah mempunyai hak untuk dimaklumkan mengenai butir-butir perhimpunan bagi membolehkan untuk membangkitkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu.

Fasal 6 memperuntukkan tanggungjawab am penganjur untuk memastikan perhimpunan diadakan dengan mematuhi akta ini dan mana-mana undang-undang yang lain. Bagi maksud memenuhi tanggungjawab am ini, penganjur hendaklah antara lain:

- (i) memastikan bahawa penganjuran dan juga pengendalian perhimpunan tidak melanggar akta-akta ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (ii) memastikan dia atau mana-mana orang lain di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa penyertaan yang mempunyai kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau melakukan apa-apa perbuatan yang akan mengganggu ketenteraman orang awam ataupun dengan izin, *public tranquility*; dan
- (iii) memastikan dia atau mana-mana orang lain di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan bekerjasama dengan pihak berkuasa awam.

Fasal 7 memperuntukkan mengenai tanggungjawab peserta sesuatu perhimpunan untuk tidak menghalang mana-mana perhimpunan, tidak berkelakuan secara berbahaya terhadap mana-mana orang, tidak melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa yang mempunyai kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat atau bermusuhan di kalangan orang awam amnya atau melakukan apa-apa perbuatan yang akan mengganggu ketenteraman orang awam, tidak melakukan mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak menyebabkan kerosakan kepada harta benda. Peserta juga hendaklah mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh polis, penganjur atau mana-mana orang yang dilantik oleh penganjur untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur.

Fasal 8 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai polis boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur mengikut akta ini dan mana-mana undang-undang yang lain.

Fasal 9 mengehendaki penganjur dalam masa sepuluh hari sebelum tarikh perhimpunan memberitahu pegawai yang menjaga daerah polis di mana perhimpunan tersebut hendak diadakan. Namun demikian, kehendak untuk mengemukakan pemberitahuan ini tidak terpakai bagi suatu perhimpunan yang diadakan di suatu tempat perhimpunan yang ditetapkan dan mana-mana perhimpunan lain yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Antara perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga ialah perhimpunan keagamaan dan perarakan pengebumian. Seseorang yang tidak mengemukakan pemberitahuan mengenai perhimpunan melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM10,000.

Fasal 10 memperuntukkan mengenai kehendak tentang pemberitahuan bagi suatu perhimpunan termasuklah butir-butir yang perlu diberikan oleh penganjur berkenaan dengan perhimpunan yang dicadangkannya.

Fasal 11 mengehendaki penganjur suatu perhimpunan selain suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengebumian atau suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan memperoleh persetujuan penuhnya atau penghuni tempat perhimpunan untuk menggunakan tempat itu bagi maksud perhimpunan sedemikian.

Fasal 12 memperuntukkan tentang tanggungjawab pegawai yang menjaga daerah polis telah menerima pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan. Pegawai tersebut hendaklah dalam tempoh 24 jam memberitahu mana-mana orang yang mempunyai kepentingan mengenai butir-butir tentang perhimpunan yang akan diadakan. Seseorang yang mempunyai kepentingan itu boleh memaklumkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu berserta dengan sebabnya kepada pegawai yang menjaga daerah polis dalam masa 48 jam setelah dimaklumkan tentang perhimpunan yang akan diadakan. Pegawai yang menjaga daerah polis hendaklah mengambil kira kebimbangan atau bantahan yang diterima bagi maksud mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat bagi perhimpunan itu.

Fasal 13 membolehkan pegawai yang menjaga daerah polis mengadakan perjumpaan dengan penganjur bagi maksud menasihati penganjur jika hal keadaan mewajarkannya.

Fasal 14 mengehendaki pegawai yang menjaga daerah polis memberikan respons kepada penganjur mengenai perhimpunan itu dalam masa lima hari dari penerimaan pemberitahuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Agaknya fasal-fasal itu dirangkum, diringkaskan sekali sebagaimana yang termaktub dalam itu, tidak boleh Yang Berhormat?

Datuk Liew Vui Keong: Saya tidak boleh. Ada lebih kurang lima muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah, kalau hendak baca semua itu, panjang masa itu.

Datuk Liew Vui Keong: Jadi Fasal 14 menghendaki pegawai yang menjaga daerah polis memberikan respons kepada penganjur mengenai perhimpunan itu dalam masa lima hari dari penerimaan pemberitahuan. Pegawai yang menjaga daerah polis hendaklah dalam respons itu memaklumkan penganjur tentang apa-apa sekatan dan syarat yang boleh dikenakan jika ada.

Fasal 15 membolehkan pegawai yang menjaga daerah polis mengenakan apa-apa sekatan dan syarat ke atas suatu perhimpunan bagi maksud keselamatan atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana sekatan dan syarat yang dikenakan melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak lebih RM10,000.

Fasal 16 membenarkan penganjur yang terkilan dengan berkenaan sekatan dan syarat untuk merayu kepada menteri berkenaan dengan sekatan dan syarat itu.

Menteri hendaklah memberikan keputusan dalam tempoh 48 jam. Mana-mana penganjur yang tidak berpuas hati dengan keputusan Menteri, masih boleh memohon bagi semakan kehakiman di mahkamah.

Fasal 17 dan 18 memperuntukkan mengenai perhimpunan serentak dan perhimpunan balas serta tanggungjawab polis apabila menerima pemberitahuan mengenai perhimpunan serentak dan perhimpunan balas. Bagi perhimpunan serentak, jika pegawai yang menjaga daerah polis mendapati terdapat dua perhimpunan atau lebih yang hendak diadakan serentak, perhimpunan-perhimpunan itu masih boleh diadakan tetapi akan dikenakan sekatan dan syarat tertentu supaya perhimpunan-perhimpunan itu diadakan dengan teratur. Jika keadaan tidak membolehkan perhimpunan-perhimpunan itu diadakan serentak, keutamaan akan diberikan kepada perhimpunan yang penganjurnya menghantar pemberitahuan yang lebih awal. Jika masanya pemberitahuan diterima adalah sama, pegawai yang menjaga daerah polis itu akan membuat cabutan.

Perhimpunan bagi perhimpunan balas itu pula, jika perhimpunan balas itu akan menyebabkan pertelingkahan antara peserta-peserta perhimpunan, pegawai yang menjaga daerah polis akan memberikan alternatif untuk perhimpunan balas itu dianjurkan pada masa atau di tempat lain.

Fasal 19 memperuntukkan mengenai anggapan berkenaan dengan penganjur jika perhimpunan diadakan di tempat yang ditetapkan atau jika pemberitahuan itu adalah perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga atau jika perhimpunan itu suatu perhimpunan yang pemberitahuan dikehendaki diberikan tetapi tiada pemberitahuan telah diberikan atau jika pemberitahuan itu diberikan tetapi identiti penganjur yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu adalah palsu maka mana-mana orang yang memulakan mengetahui, menggalakkan, menaja, mengadakan atau mengawal selia perhimpunan itu atau menjemput atau merekrut peserta atau penceramah bagi perhimpunan itu hendaklah dianggap sebagai penganjur perhimpunan itu. Fasal itu dimasukkan bagi memastikan agar pihak yang bertanggungjawab terhadap sesuatu perhimpunan dikenal pasti sekiranya penganjur tidak dapat dikesan atau berlaku salah kenyataan mengenai butiran penganjur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa sudah tepat jam 1.00, kita tangguhkan persidangan kita sehingga 2.30 petang ini. Saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, sesiapa yang berminat hendak berucap dalam rang undang-undang ini, tolong kemukakan untuk menyenangkan saya membuat caturan masa. Saya persilakan Yang Berhormat siapa yang hendak berucap, saya dah terima tiga nama, untuk menyenangkan kita membuat suatu perkiraan masa. Sekian sahaja, kita tangguhkan sehingga 2.30 petang ini. Terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semual pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyambung.

2.31 ptg.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Fasal 20 memberi seseorang pegawai polis kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana penganjur atau peserta yang enggan atau tidak mematuhi mana-mana sekatan dan syarat yang telah dikenakan. Pegawai polis itu hendaklah sebelum menjalankan kuasa menangkap di bawah seksyen ini mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan secara sukarela oleh penganjur atau peserta. Kuasa menangkap tanpa waran diperuntukkan bagi memastikan polis menjalankan tugas untuk memastikan perhimpunan dijalankan secara aman dan teratur.

Fasal 21 Tuan Yang di-Pertua, memberi seseorang pegawai polis kuasa untuk mengeluarkan arahan untuk menyuraikan sesuatu perhimpunan dalam keadaan-keadaan tertentu termasuklah jika perhimpunan itu ialah suatu protes jalanan atau menjadi suatu protes jalanan. Pegawai polis itu pada menjalankan kuasa untuk menyuraikan perhimpunan itu boleh menggunakan segala kekerasan munasabah. Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan polis untuk bersurai melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi RM20,000.

Fasal 22 mengehendaki pegawai yang menjaga daerah polis untuk menyelenggarakan suatu daftar yang mengandungi rekod pemberitahuan mengenai perhimpunan yang diterima mengikut susunan kronologi.

Fasal 23 dan 24 masing-masing membenarkan seseorang pegawai polis membuat apa-apa bentuk rakaman perhimpunan itu dan memberikan wakil media yang mempunyai akses yang munasabah kepada tempat perhimpunan dan menggunakan apa-apa kelengkapan untuk membuat laporan tentang perhimpunan itu.

Fasal 25 memberi Menteri kuasa melalui pemberitahuan dalam warta. Warta menetapkan mana-mana tempat sebagai tempat perhimpunan yang ditetapkan. Fasal ini juga menjelaskan bahawa tanggungjawab penganjur dan peserta perhimpunan di bawah Fasal 6 dan 7 terpakai kepada penganjur dan peserta bagi perhimpunan yang diadakan di tempat yang ditetapkan.

Fasal 26 dan 27 masing-masing memberi kuasa kepada Menteri untuk meminda jadual dan membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan yang lebih baik diperuntukkan akta ini. Jadual Pertama mengandungi senarai tempat yang dilarang untuk berhimpun.

Jadual Kedua mengandungi senarai perhimpunan yang boleh disertai oleh kanak-kanak.

Jadual Ketiga mengandungi senarai perhimpunan yang tidak menghendaki pemberitahuan diberikan kepada pegawai yang menjaga daerah polis.

Jadual Keempat memperuntukkan borang pemberitahuan yang perlu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sesungguhnya penggubalan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 merupakan suatu langkah ke arah memperkukuhkan kedaulatan undang-undang dengan izin, *rule of law* dan memartabatkan kebebasan asasi dengan izin, *fundamental liberties* di Malaysia khususnya, hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Ia dilihat akan dapat membantu mencapai matlamat untuk pelaksanaan dan pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil di samping memelihara kebebasan asasi individu sebagaimana yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta yang berhubung dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata dan untuk memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau sesuai manfaat yang berhubung dengan hak itu demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain dan untuk memperuntukkan perkara-perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak ingatkan sekali lagi, saya minta kerjasama semua Ahli Yang Berhormat kemukakan senarai siapa-siapa yang hendak berucap dalam rang undang-undang ini. Sekarang kerana saya sudah terima nama, mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan selepas itu Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat dan seterusnya Yang Berhormat Dr. Syed Hussin Ali.

2.37 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Saya melihat Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini sebagai satu pendekatan kerajaan dalam menyediakan hak dan ruang untuk berhimpun dan selari dengan norma-norma antarabangsa ataupun kemajuan dalam hak asasi manusia yang turut di aspirasikan oleh rakyat Malaysia.

Saya berpandangan bahawa rang undang-undang ini bakal menggalakkan dan memudahkan kebebasan untuk mengadakan perhimpunan aman. Ini sekali gus menolak dakwaan pembangkang bahawa rang undang-undang ini lebih bersifat *dictatorship* dari Akta Polis 1997 dan Malaysia lebih teruk daripada Junta Burma dari segi penguatkuasaan undang-undang untuk rakyat berhimpun.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, izinkan saya menegaskan akta ini bertujuan baik dan terarah kepada konsep demokrasi kerana kebenaran mengadakan perhimpunan aman tidak dipraktikkan di negara lain. Ambil contoh jiran di selatan kita yang melarang sama sekali sebarang bentuk perhimpunan walaupun secara aman. Ingin saya tegaskan di sini, akta ini tidak bersifat *unconstitutional* seperti dakwaan pembangkang yang mengatakan ia bertentangan dengan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Dakwa pembangkang - meskipun Perkara 10 membenarkan sebarang akta digubal oleh Parlimen untuk mengehadakan pelaksanaan hak berhimpun, namun hak tersebut tidak boleh sama sekali sampai ke tahap menghapuskan sama sekali hak rakyat pada perhimpunan aman.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik kenyataan Dr. Tariq Muhammad Al-Suwaidan, ulama' dari Kuwait yang menegaskan Islam menggalakkan perhimpunan aman diadakan dengan beberapa tujuan baik dan tertib serta tidak mengganggu ketenteraman mana-mana pihak pun. Dr. Tariq menyatakan bahawa Islam sendiri ada mengadakan perhimpunan aman iaitu ketika pengisytiharan negara Islam oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang berhijrah ke Madinah. Orang ramai dikumpulkan ketika itu bagi menyambut kedatangan Nabi dan mereka bernazam. Bernazam ini, menyanyilah kalau istilah sekarang ini. Walau bagaimanapun, menurutnya terdapat juga hadis yang menyatakan bahawa rakyat perlu taat kepada pemimpin dan sekiranya pemimpin menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan adil dan baik, rakyat dilarang untuk mengadakan perhimpunan bagi menjatuhkan pihak kerajaan. Jelas di sini perhimpunan aman digalakkan dan jika negara dalam keadaan aman dan pemimpin kita adil, apa perlu diadakan perhimpunan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh beberapa isu pokok dan fasal yang terlibat dalam rang undang-undang ini. Pertama, notis awal untuk berhimpun. Saya menyokong 30 hari notis awal bagi membuat sebarang persediaan bagi kedua-dua belah pihak yakni penganjur dan pihak keselamatan sebagai langkah berjaga-jaga. Majoriti peniaga di bandar ialah peniaga kecil yang mengharap hasil jualan seharian untuk menampung keluarga.

Jika satu hari sudah terganggu, bayangkan kerugian yang terpaksa ditanggung jika kawasan itu mempunyai 100 orang peniaga kecil. Walau bagaimanapun, saya dapati ia tidak terpakai bagi golongan yang berada di kawasan yang ditetapkan oleh Menteri Dalam Negeri. Soalan saya, mohon penjelasan lanjut dalam isu ini.

Kedua, daripada segi pertumbuhan ekonomi. Negara kita sering kali menerima tohmahan yang kita tidak aman, pilih kasih serta tiadanya demokrasi untuk berhimpun dan menyuarakan pendapat di tempat awam. Saya yakin, dengan pengenalan rang undang-undang ini, pelabur asing akan membuka mata dan menjadikan Malaysia antara destinasi pilihan utama mereka di rantau Asia. Malaysia sudah lama menikmati kestabilan politik yang menjadi punca utama pelabur memilih Malaysia berbanding negara lain. Saya memetik kenyataan Timbalan Menteri MITI yang memberitahu bahawa beliau disoal oleh pelabur dari Jepun berkaitan perhimpunan BERSIH 2.0 beberapa bulan lepas akan tahap keselamatan dan keamanan Malaysia sebelum mereka membuat keputusan untuk melabur di sini. Jelas, walaupun jauh, walaupun Jepun jauh beribu batu, namun mereka mengikut rapat perkembangan di Malaysia.

Namun, apa yang menyedihkan saya, masih ada segolongan rakyat kita yang terus memburukkan Malaysia di mata antarabangsa. Golongan ini sanggup terbang jauh semata-mata untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin asing, sanggup berkempen memohon sokongan ahli Parlimen negara luar supaya menyokong mereka malah memanggil *press*, surat khabar, ya, media luar negara untuk menceritakan keburukan Malaysia sehingga ke tahap Malaysia sudah tidak aman lagi. Contoh, perhimpunan BERSIH 2.0 diberikan liputan luas oleh CNN dan BBC dan yang lucunya, hanya sebahagian peristiwa dirakam seolah-olah menunjukkan penunjuk perasaan dibelasah dan di sembur gas pemedih mata, dipukul dengan cota malah digambarkan juga kanak-kanak dan wanita turut dibelasah. Media ini akan mengulangi memaparkan paparan yang sama hampir setiap hari. Gambarannya seolah-olah berlaku di seluruh negara walhal kejadian itu hanya di hadapan KLCC dan sebahagian kecil di Jalan Ampang dan Jalan Pinang. Walhal perkara ini tidak berlaku, malah penganjur sengaja membawa wanita dan kanak-kanak sebagai *human shield*, dengan izin, dan menjadikan mereka sebagai mangsa barisan hadapan. Soalannya di sini, siapakah yang kejam?

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyeru supaya KDN dapat mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang berterusan memburukkan negara semasa di luar negara dan membuat fitnah. Saya mengambil contoh satu lagi di mana di Jakarta baru-baru ini pasukan bola sepak negara terpaksa melalui saat getir kerana terpaksa 'berperang' dalam perjalanan mereka ke stadium dan sepanjang berada di sana hanya kerana sentimen yang diwujudkan oleh golongan tertentu semasa berkunjung ke sana. Isunya, kononnya Malaysia menzalimi PATI (Pendatang Asing Tanpa Izin) dan pembantu rumah dari Indonesia sehingga mereka berdemonstrasi dan membaling najis serta objek ke pejabat kedutaan kita di Jakarta. Jangan sampai kita ke satu tahap seperti negara jiran di selatan yang pembangkang ditekan hebat dan tidak mampu bersuara langsung dan berpolitik di tempat umum.

Fasal-fasal dalam rang undang-undang ini – tempat larangan. Soalan saya, perlu diperbanyakkan lagi tempat larangan, bolehkah cuba *allocate* tempat khas dengan dimensi tertentu dan mudah diakses, ada *parking* kereta serta mempunyai kemudahan awam, perlu juga diletakkan mesin pengimbas mengesan senjata api dan senjata tajam. Bolehkah kawasan seperti kawasan perniagaan seperti di Jalan Tunku Abdul Rahman, Chow Kit, pusat beli-belah dimasukkan sebagai tempat larangan kerana banyak melibatkan peniaga kecil dan peniaga jalanan. Ini bagi menjaga kepentingan mereka. Cadangan saya juga, adakah tali *tape* rintangan polis perlu diletakkan di sekeliling tempat perhimpunan atau di luar pagar sempadan khas supaya tidak bercampur dengan masyarakat awam.

Seterusnya, mewujudkan kawasan khas untuk menaik taraf kawasan pidato khas menjadi tempat perhimpunan aman. Ia kalau di kampus Universiti Malaya, ia ada *speaker's corner*. Kalau di London, ia ada *high park* - tempat orang berpidato secara bebas. Barangan larangan – senjata api, senjata tajam serta seumpamanya seperti payung, pen, pisau lipat, penyembur mata *spray* perlulah diperiksa dengan teliti.

Pasukan RELA dan polis bantuan boleh digunakan sebagai pasukan pemantau. FRU, ini polis simpanan khas, juga perlulah diletakkan dengan kelengkapan gas pemedih mata untuk menjaga keselamatan sekeliling.

■1450

Fasal 3, tafsiran. Bagaimana pihak berkuasa menjamin hak dan kebebasan majoriti rakyat yang tidak mahu terlibat dalam perhimpunan aman ini, perlukah masa dihadkan? Tiada pembesar suara digunakan, poster, *pamphlet* serta *banner* dipantau saiz dan jumlah yang digantung, juga turut dipantau promosi di media massa, akhbar malah *pamphlet* yang diedarkan di tempat umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan kanak-kanak atau belia di bawah 18 tahun tidak perlulah dibenarkan sama sekali menyertai perhimpunan ini. Ini boleh mengganggu waktu persekolahan mereka serta tumpuan kepada pelajaran.

Fasal 4 - denda. Adakah terdapat perbezaan antara warganegara dan bukan negara dari segi denda? Jika tidak, mengapa? Saya berpandangan perbezaan perlu diwujudkan demi memberi amaran kepada warga asing supaya tidak sewenang-wenangnya memanipulasi kebebasan yang kita beri. Jumlah denda perlu dinaikkan ke tahap maksimum supaya penganjur mengambil serius jika berlaku apa-apa masalah.

Fasal 5 menyentuh hak orang yang mempunyai kepentingan perlu dimaklumkan contohnya peniaga di sekitar kawasan dan jika terdapat penempatan awam, maklum balas atau *feedback* mereka perlu diambil kira. Borang perlu di edar dan jika majoriti tidak bersetuju, kelulusan tidak harus diberikan. Malah *post-mortem* perlu dibuat selepas perhimpunan, dan jika ia didapati penganjur melanggar etika, kelulusan masa hadapan perlulah dibekukan.

Fasal 8 tentang kuasa polis. Saya berpandangan polis perlu diberi kuasa penuh memantau aktiviti perhimpunan ini. Bantuan RELA dan agensi penguat kuasa yang lain perlu dipertimbangkan jika perhimpunan itu berskala besar.

Fasal 12 menyentuh prosedur jika membantah perhimpunan ini. Ini yang perlu dikemukakan pada OCPD. Tugas OCPD mengambil kira bantahan ini sejauh mana keberkesananannya nanti.

Fasal 15 - denda jika tidak mematuhi apa-apa syarat ialah tidak melebihi RM10,000, perlukah ia dinaikkan jika berskala besar?

Fasal 18 - perhimpunan balas yang menyebabkan ketidaktenteraman semasa perhimpunan pertama dahulu perlu dipantau rapi dan jika perlu lesen tidak harus diluluskan.

Fasal 20 - kuasa menangkap tanpa waran perlu diperluaskan ke atas penganjur yang melanggar syarat-syarat sensitif seperti menipu rombongan dari pendalaman, kononnya melawat Kuala Lumpur tetapi berdemonstrasi seperti terjadi semasa BERSIH 1.0, 2007. Membawa kanak-kanak, OKU, wanita dan orang tua kerana penganjur seperti inilah yang *culprit*, dengan izin, dan memperdagangkan manusia wajar sekiranya dikenakan hukuman di bawah pemerdagangan manusia kerana memanipulasi hak asasi dan tenaga manusia kurang upaya.

Mengenai fasal 23 - kebenaran polis untuk membuat rakaman perhimpunan mohon penjelasan lanjut berikutan isu ini.

Fasal 27 - walaupun akta ini pada dasarnya amat baik dan menepati hasratnya, namun di bawah fasal 27 ini, saya menyeru kementerian dan agensi berkaitan dapat membuat beberapa penambahbaikan berdasarkan cadangan-cadangan Ahli-ahli Parlimen hari ini. Mungkin idea dan cadangan-cadangan yang membina boleh juga dipohon dari pihak-pihak seperti NGO-NGO, bekas penganjur perhimpunan haram dahulu, pemimpin pembangkang, golongan mahasiswa serta golongan-golongan lain yang difikirkan boleh menyumbang. Dengan ini, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat selepas itu Dr. Syed Husin Ali.

2.55 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan rang undang-undang ini yang membuktikan kesungguhan kerajaan untuk menegakkan demokrasi dan hak rakyat bagi mengadakan perhimpunan tetapi dalam masa yang sama memastikan keamanan, keselamatan dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh berhenti sekejap. Saya hendak ada satu Usul yang dibangkitkan. Dipersilakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

14.55 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 Disember 2011".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat sambung, Dato' Zaitun binti Mat.

2.57 ptg.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang sama memastikan keamanan, keselamatan, keharmonian rakyat dan pihak lainnya serta negara terpelihara dan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menyentuh Bahagian 2 berhubung dengan hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan khususnya seksyen 4, (1) yang memberi peruntukan untuk mengadakan dan menyertai perhimpunan secara aman tanpa senjata. Hak dan kebebasan ini adalah dalam konteks untuk menikmati secara aman harta bendanya, kebebasan bergerak, menikmati persekitaran dan menjalankan perniagaan. Saya memuji kerajaan kerana menghadkan kepada warganegara Malaysia serta melarang sekeras-kerasnya perhimpunan oleh bukan warganegara kerana kita khawatir ada di kalangan warganegara ini sebenarnya adalah pendatang tanpa izin iaitu PATI.

Dan mereka menjadi agen subversif yang bertujuan mengganggu dan mengancam keselamatan negara. Huru-hara di Libya baru-baru ini juga berpunca dari kumpulan pendatang termasuklah yang diupah untuk mengadakan tunjuk perasan dan menimbulkan huru-hara.

Umum sudah dimaklumkan beberapa tunjuk perasan anti-Malaysia yang diadakan di Indonesia sebenarnya didalangi oleh penunjuk-penunjuk perasaan yang diupah oleh golongan tertentu termasuk dari Malaysia sendiri.

Oleh itu, budaya tunjuk perasaan oleh warga asing ini perlu dibendung supaya tidak menjadi api dalam sekam yang akhirnya membahayakan rakyat dan negara ini. Seksyen 4(1) ini juga melarang protes jalanan yang telah kita kenal pasti menimbulkan kekacauan dan merugikan orang lain terutamanya golongan peniaga dan awam, pengguna jalan raya.

■1500

Bukan sahaja peniaga ini mengalami kerugian tetapi juga pengguna jalan raya terganggu untuk melaksanakan tugas harian. Kita sudah melihat beberapa siri protes jalanan yang banyak menimbulkan kekacauan serta melanggar hak asasi orang awam lain yang mempunyai kepentingan. Selain itu larangan kepada kanak-kanak untuk mengikuti perhimpunan ini adalah wajar kerana kanak-kanak ini tidak mempunyai kepentingan, tidak dapat mengawal keselamatan diri sendiri dan terdedah kepada berbagai bahaya. Saya berharap kerajaan akan memasukkan larangan ke atas wanita yang sedang mengandung. Bagi menjaga keselamatan ibu dan anak yang sedang dikandung.

Seterusnya saya ingin membangkitkan tentang larangan had umur yang ditetapkan oleh seksyen 4, subseksyen (1)(d) iaitu di bawah umur dua puluh satu tahun. Bagaimanapun saya ingin mencadangkan had umur yang ditetapkan ialah lebih 18 tahun kerana mengikut undang-undang, seseorang yang berumur 18 tahun ke atas boleh dipertanggungjawabkan dari segi undang-undang. Begitu juga saya ingin mencadangkan agar mereka yang bertaraf orang kurang upaya (OKU) dan warga emas dilarang bagi mengikuti perhimpunan ini sekiranya penyertaan mereka akan mendatangkan mudarat.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh Bahagian IV rang undang-undang ini berhubung dengan kehendak dalam menganjurkan perhimpunan khususnya seksyen 9 (1). Berhubung tempoh 30 hari yang ditetapkan untuk memaklumkan pegawai yang menjaga daerah polis oleh penganjur dipinda kepada sepuluh hari sahaja memandangkan ada kalanya perhimpunan perlu diadakan dengan segera kerana ada keperluan yang mendesak. Begitu juga dengan seksyen 12(1) berhubung dengan keperluan memaklumkan kepada orang yang berkepentingan dalam tempoh 48 jam, dipendekkan kepada 24 jam sahaja.

Saya ingin mencadangkan agar kerajaan turut mengkaji seksyen 12(2) berhubung dengan bantahan orang yang mempunyai kepentingan dipendekkan daripada lima hari kepada dua hari sahaja. Ini adalah kerana masa yang singkat diperlukan untuk mengemukakan bantahan secara berkesan.

Sehubungan dengan itu, saya berharap pegawai yang menjaga daerah polis supaya sentiasa mengambil kira bantahan dan kebimbangan awam serta bertindak seadil-adilnya demi kepentingan awam. Walaupun penganjur mempunyai hak dari segi mengadakan perhimpunan awam tetapi hak masyarakat setempat juga perlu dipelihara

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh Bahagian V berhubung dengan penguatkuasaan. Saya ingin menegaskan betapa pentingnya pegawai polis dibenarkan mengambil tindakan menangkap penganjur dan peserta tanpa waran sebagaimana peruntukan seksyen 20(1) bagi memastikan keamanan terjamin. Peruntukan ini wajar terutama bagi mengawal mereka yang tidak mematuhi arahan dan syarat-syarat serta sekatan perhimpunan termasuklah mereka yang mempunyai senjata dan merekrut kanak-kanak bagi tujuan perhimpunan ini. Saya percaya polis mempunyai kebijaksanaan untuk mempertimbangkan tindakan tertentu yang wajar diambil bagi memastikan keamanan dan keharmonian negara serta memastikan keselamatan negara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

3.04 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Seperti yang diberitahu tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri undang-undang ini adalah salah satu yang ditimbulkan sebagai pengganti undang-undang darurat yang telah dimansuhkan. Saya kira selepas ini mungkin ada undang-undang lain terutama sekali bila bersabit dengan umpamanya mengganti ISA dan sebagainya.

Saya ingin mengingatkan bahawa apabila terlalu banyak undang-undang yang menekan dan rakyat merasa tercekik kebebasannya maka ia boleh menimbulkan malapetaka yang tidak diingini. Kita sekarang sedang melihat apa yang berlaku di Timur Tengah. Walaupun ada pemerintahan yang cukup kuat, yang dikatakan tidak boleh dikalahkan tetapi lama-kelamaan oleh kerana kemarahan rakyat, kesedaran rakyat dan kebangkitan rakyat, mereka terpaksa berundur atau mereka akhirnya hapus dengan cara yang tidak diingini. Saya berdoa agar mudah-mudahan dalam negara ini akan berlaku keadaan di mana penekanan melalui undang-undang dan tindakan-tindakan fizikal semakin kuat kerana ini tidak akan memberikan masa depan yang baik kepada negara.

Saya menganggap bahawa undang-undang di hadapan kita sekarang ini adalah pertama sekali bertentangan dengan Perlembagaan terutama sekali Artikel 10(1)(b) yang menjamin kebebasan untuk berhimpun. Memang benar Tuan Yang di-Pertua bahawa orang menghujahkan bahawa artikel ini diatasi oleh keputusan dalam Parlimen yang membenarkan supaya perhimpunan diadakan hanya selepas mendapat kebenaran polis.

Ada undang-undang lain yang telah dibuat tetapi undang-undang ini seolah-olah telah mengatasi Perlembagaan Negara. Bagi saya, undang-undang negara, Perlembagaan terutama sekali ialah undang-undang tertinggi sekali di dalam negara dan seharusnya undang-undang yang lain tertakluk kepadanya. Kita lihat bahawa usaha amalan meminda Perlembagaan ini terlalu sering dilakukan kalau tidak salah saya sudah ada lebih 170 pindaan yang telah dilakukan ke atas Perlembagaan. Dengan demikian perlembagaan itu menjadi lemah, terlalu banyak pindaannya.

Jadi, undang-undang yang baru pula telah timbul dengan pindaan-pindaan tersebut dan pindaan misalnya untuk membenarkan perhimpunan polis mengambil tindakan terhadap perhimpunan melalui akta polis dan lain-lainnya. Saya anggap adalah suatu keadaan yang kurang menyenangkan sebab ia meletakkan undang-undang itu mengatasi Perlembagaan yang lebih tinggi. Keduanya dalam sejarah negara ini sendiri, dan tadi sudah disebutkan soal sejarah Islam, dibenarkan perhimpunan secara aman dan sebagainya. Dalam sejarah negara ini pernah berlaku, pernah diadakan perhimpunan-perhimpunan yang aman.

Pada zaman misalnya British sendiri waktu melawan *Malayan Union* kita dapati bahawa Dato' Onn sendiri mengadakan perhimpunan-perhimpunan dan perarakan-perarakan menentang British, menentang *Malayan Union*. Ada pemimpin yang mengatakan bahawa, "*Ini masa British, masa British tidak apa, kita boleh lawan tetapi sekarang ini kita sudah ada pemerintahan yang dipilih sendiri oleh rakyat.*" Saya mengatakan kalau dipilih sendiri oleh rakyat dan kerajaan itu kuat dan kalau menghormati suara rakyat, ia harus juga membenarkan perhimpunan-perhimpunan yang aman. Jadi, kalau misalnya kita tidak benarkan terus dan menyekatnya dengan terlalu ketat, kita ertinya tidak mencontohi sejarah yang baik, masa yang lalu.

Perkara yang ketiga ialah bukan itu sahaja kita dapati seluruh dunia menganggap bahawa peraturan-peraturan ini kurang demokratik. Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri umpamanya, ada wakil-wakilnya yang menyatakan bahawa beberapa aspek daripada undang-undang ini adalah sama sekali tidak selaras dengan amalan-amalan demokrasi yang fundamental.

■1510

Umpamanya tidak membenarkan orang yang 21 tahun menganjurkan ataupun terpaksa membuat atau meminta kebenaran begitu lama.

Dulu sebulan, sekarang sudah dipinda sepuluh hari pula. Semua ini adalah perkara-perkara yang dianggap adalah bertentangan dengan lunas-lunas demokrasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu bahawa undang-undang ini perlu oleh kerana misalannya selalu berlaku keganasan, selalu berlaku kekacauan yang menjejaskan perniagaan dan seumpamanya. Saya ingin memberitahu dan barangkali Yang Berhormat yang awal-awal tadi tidak mempunyai pengalaman dalam soal-soal demonstrasi.

Saya sudah banyak kali menyertai yang aman. Ada satu perkara yang nyata sering berlaku iaitu apabila para-para penunjuk perasaan itu dibiarkan berkumpul secara aman dengan tidak ada kacau daripada polis, segala-galanya berjalan dengan baik. Misalannya sekatan jalan yang dikatakan menimbulkan kesesakan dan kesusahan bagi rakyat ramai. Sekatan jalan itu bukannya disebabkan oleh para penunjuk perasaan itu. Sekatan-sekatan jalan yang begitu banyak adalah diakibatkan oleh sekatan yang dibuat oleh polis sendiri. Mereka itulah yang menimbulkan kekacauan sebenarnya. Bila misalnya berdemonstrasi, kita sudah aman misalnya, kita sudah duduk. Saya tahu masa perhimpunan di mana disuruh duduk secara aman, dan waktu itu pula mereka menembak gas ataupun *water cannon*, dengan izin. Tembakan gas ini pula bukan ke atas, tetapi ada kalanya secara langsung secara *direct* kepada orang-orang yang menunjuk perasaan.

Ada misalnya segolongan pemimpin di *Central Station*, mereka di terowong, dalam terowong itu bukan sahaja ditembak gas tapi ditembak kanister-kanister secara langsung kepada yang menunjuk perasaan sehingga seorang Wakil Rakyat luka dengan beberapa jahitan di kepalanya dan seorang *bodyguard* patah tulang rahangnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, kita nampak bahawa keganasan kadang-kadangnya bermula apabila polis melakukan keganasan itu. Kalau dibiarkan mereka berhimpun secara aman dan tidak secara dibom dengan air ataupun ditembak dengan gas, tidak akan berlaku keganasan tersebut. Ada kalanya pula bila orang sudah bersurai, waktu itulah polis mengejar dan menangkap mereka, dan ini menimbulkan keadaan yang tegang dan tidak aman. Jadi yang jelas sekali ialah bahawa kalau pada asasnya dibenarkan betul-betul secara aman dengan tanpa kekacauan daripada pihak polis, benda itu akan berlaku dengan aman.

Dikatakan pula misalnya ia boleh menjejaskan perniagaan. Saya tidak nafikan mungkin ada kedai yang terpaksa tutup dan sebagainya. Akan tetapi ada pula misalnya pihak-pihak yang berniaga yang beruntung besar, kedai-kedai makan dan sebagainya sampai tidak cukup makan dijual kerana ramai sangat hendak pergi kedai makan di situ. Ada kedai-kedai lain juga yang menjual barang-barang lain termasuk pakaian-pakaian yang laku. Jadi ada dua aspek daripadanya iaitu himpunan yang ramai itu boleh juga meningkatkan perniagaan mereka lebih daripada yang biasa. Kalau misalnya mereka meninggalkan kotoran dan sebagainya, kertas dan sampah dan sebagainya, kita dapati di kebanyakan tunjuk perasaan, selepas tunjuk perasaan itu misalnya selepas Bersih, mereka sendiri penunjuk perasaan itu pergi mengutip segala sampah sarap supaya tidak tinggalkan kotoran yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggapkan bahawa permit untuk sepuluh hari bagi mengadakan tunjuk perasaan itu adalah masih terlalu panjang walaupun ia telah dipendekkan daripada satu bulan, kerana ada kalanya - *exception* ini mesti dipertimbangkan.

Ada kalanya kita perlu misalnya mengadakan tunjuk perasaan yang segera. Katakanlah esok misalannya ada serangan ke atas negeri ini oleh badan-badan tertentu ataupun ada serangan ke atas Palestin dan orang UMNO hendak pergi berdemonstrasi, mungkin bila habis peristiwa itu barulah diberikan kebenaran tu berdemonstrasi. Ini menghilangkan *significant* atau erti penunjuk perasaan itu sendiri. Jadi oleh kerana itu, mungkin setengah-setengah negara ada yang dua hari, ada yang tiga hari notisnya dan ada kalanya tidak perlu notis. Ada kalanya mungkin dua, tiga hari tetapi tidak lah sampai sepuluh hari. Perkara ini dapat diatasi kalau misalnya kita mengambil kira apa yang telah dicadangkan oleh seorang bekas Timbalan Perdana Menteri iaitu Tun Musa Hitam yang mencadangkan supaya diadakan di suatu tempat yang tertentu. Tempat yang tertentu di mana orang boleh menunjuk perasaan dalam apa-apa isu sahaja di tempat itu. Mereka pergi secara aman, menunjuk perasaan dan kemudian pulang.

Jadi mereka menyatakan hasrat mereka, tidak terpendam, tidak macam api dalam sekam perasaan mereka. Perkara seperti ini harus dipertimbangkan supaya ada tempat yang khusus di mana orang boleh pergi.

Tuan Yang di-Pertua, ada disebut di sini bahawa dua jenis tunjuk perasaan. Satu jenis ialah tempat yang tertentu di mana diminta kebenaran dan kalau kebenaran dalam sepuluh hari diberi, baru boleh diadakan. Ada pula yang secara bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Dalam keadaan bergerak ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa ini adalah satu cara demonstrasi yang bukan tidak pernah dilakukan di tempat ini atau di tempat lain.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Misalannya, kita dapati di negara lain sama ada di Asia atau di Eropah, ada demonstrasi berjalan di tepi jalan. Demonstrasi itu berjalan dengan aman oleh kerana ia diiringi oleh pegawai-pegawai keselamatan. Mereka diiringi sepanjang jalan. Jadi kalau diiringi dan mereka berjalan separuh jalan tidak mengacau trafik, tidak menimbulkan kekacauan tapi ia dapat memenuhi hasrat orang untuk menunjuk perasaan, mengapakah kita tidak boleh kita adakan tunjuk perasaan jalanan seperti itu yang dilakukan dengan kerjasama pihak keselamatan? Kalau pihak keselamatan bekerjasama dan bukan menentang, menembak dan sebagainya dengan gas dan air, maka tidak akan berlaku segala yang tidak diinginkan. Hanya bila kita menekan...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit? Saya hendak tahulah dari segi statistiklah apa yang Yang Berhormat sebut tadi berlaku demonstrasi secara aman. Saya hendak tahu dari segi peratusannya, berapa peratuskah pernah dalam pengalaman, pembacaan, penglihatan, pengetahuan Yang Berhormat bahawa pernah berlaku demonstrasi aman seperti itu?

Umumnya demonstrasi biasanya membawa kepada keadaan yang porak-peranda dan huru-hara. Akan tetapi kalau adalah yang aman, apakah formulanya? Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, kadang-kadang keadaan yang tidak aman itu bermula daripada tindakan polis itu sendiri ya. Saya mengatakan, saya tidak ada statistik tetapi daripada semua demonstrasi yang saya ambil bahagian, yang besar dan yang kecil dan yang sederhana yang melibatkan peneroka bandar, yang melibatkan Bersih misalnya, semuanya bermula dengan aman. Semuanya bermula dengan aman. Akan tetapi akhirnya menjadi kacau oleh kerana ada tindakan-tindakan yang keras daripada pihak...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Menjadi kacau kerana ada orang yang secara dramatik menjatuhkan dirinya dengan – sengaja orang itu mendramatisasikan keadaan itu. Umpamanya berguling-guling di tengah jalan yang kononnya di pukul polis, kononnya di langgar kereta. Ini di antaranya punca-punca tidak aman. Jadi budaya berdemonstrasi secara aman seperti Yang Berhormat angan-angankan itu masih terlalu jauh daripada budaya kita.

Dr. Syed Husin Ali: Itu pendapat Yang Berhormatlah. Saya berpendapat lain ya. Jadi kebebasan untuk berpendapat itu, masing-masing. Cuma sekarang ini, saya menyatakan dari segi pengalaman saya, lebih banyak yang saya sertai adalah bermula dengan aman tetapi akhirnya jadi kacau oleh kerana adanya campur tangan atau ada keganasan yang dilakukan...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta izin? Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok apa yang berlaku di London misalannya, iaitu satu negara yang begitu bertamadun, apabila berlakunya kekacauan di London, di beberapa bandar raya di England, mula-mulanya memang aman, polis tidak mengganggu langsung sebab itulah maka harta benda dibakar bahkan seorang *Malaysian* juga terlibat, yang tidak berbuat apa-apa sehinggalah dia datang.

■1520

Maknanya di sini, walau pun dikatakan demonstrasi itu aman, kalau benda itu boleh berlaku di sebuah negara yang bertamadun, saya fikir lagilah pula di negara kita. Oleh sebab itulah kita kena membuat *prevent* perkara ini berlaku di dalam satu-satu demonstrasi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak menafikan ada sebilangan kecil dalam mana-mana demonstrasi yang kadang-kadang membuat kacau. Ada kala boleh dikawal dan ada kala tidak boleh dikawal. Itu satu situasi tetapi kebanyakannya adalah mahukan yang aman. Jadi oleh kerana kepentingan yang banyak, yang dirosakkan oleh yang kecil ini, mengapakah kita mengambil tindakan menekan yang ramai itu. Itu pertama.

Keduanya, kalau di England, di Perancis membakar kedai dan sebagainya, ini adalah tindakan-tindakan dari awalnya oleh golongan-golongan yang mahu bertindak keras untuk membantah perkara-perkara tertentu.

Oleh kerana ketidakpuasan yang tertentu yang bermula oleh soal-soal ekonomi atau soal-soal politik. Jadi saya katakan kalau kita terlalu menekan dari awal, akhir-akhirnya akan timbul lebih teruk keadaannya. Okeylah, kita mengatakan ini *preventive* untuk jangka panjang. Untuk jangka panjang kita semua akan mati. Disebutkan oleh seorang ahli ekonomi kalau kita jangka panjang mati ya, buat apa kita buat kerja, kan. Duduk sahajalah di rumah kerana akhirnya mati juga. Jadi begitu juga dengan keadaan ini. *Long term* kekacauan kita adakan *over board* dengan izin, undang-undang yang menekan tersebut.

Jadi saya mengatakan bahawa, caranya untuk memastikan keamanan itu ialah supaya pihak keselamatan tidak dilihat dan tidak melakukan kekerasan tetapi bekerjasama. Cara bekerjasamanya saya sebutkan tadi bahawa seperti yang dicadangkan oleh...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta maaf ya. *Argument* Yang Berhormat itu memang macam menarik kalau dilihat sepintas lalu tetapi kalau didalami lebih dalam, saya rasa ada banyak *flaws*nya. Seakan-akan Yang Berhormat mengatakan bahawa peraturan baru ini sengaja hendak menekan. Sedangkan pada pandangan saya ini adalah satu peraturan yang menampung naluri orang yang ingin berdemonstrasi dan sekali gus dapat juga menjaga keamanan. Ini berlaku keadaan menang-menang. Keadaan kalau boleh saya gunakan istilah *dynamic equilibrium*. Berlaku keadaan kedinamikan yang seimbang - di mana keamanan terjaga dan naluri orang hendak berdemonstrasi itu dipenuhi. Jadi dengan ikhlas sahajalah, apakah tidak Yang Berhormat rasa ini satu usaha yang ikhlas untuk memenuhi kedua-dua keperluan tadi, memenuhi naluri berdemonstrasi sekali gus menjaga keamanan. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ia tidak menjaga sama sekali naluri orang yang hendak berdemonstrasi. Peraturan ini adalah lebih teruk daripada peraturan-peraturan sebelumnya. Misalannya Akta Polis. Akta Polis tidak menyatakan bahawa tidak membenarkan orang berumur 21 tahun untuk berdemonstrasi. Akta Polis tidak mengenakan denda sampai RM20,000 untuk mereka yang membawa misalnya anak kecil dan sebagainya untuk berdemonstrasi. Kadang-kadang ada kalanya, saya rasa...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Dr. Syed Husin Ali: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Saya habiskan dahulu. Ada kalanya Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan misalnya rumah orang miskin dirobohkan dan dipaksa berpindah tanpa apa-apa bantuan. Di kala itu mereka berdemonstrasi, bukan sahaja bapa yang berdemonstrasi, bukan sahaja emak, ia melibatkan juga anak-anak sebab keadaan hidup anak-anak itu pun atau orang tua pun adalah terjejas oleh tindakan zalim tersebut. Oleh kerana itu dalam suasana ini tentulah tidak adil bagi kita mengatakan tidak boleh bawa anak dan ada kalanya mereka bawa anak dalam demonstrasi tersebut kerana tidak ada orang lain lagi yang hendak menjaga anak mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan ialah sekali lagi bahawa kalau kita misalnya mengadakan peraturan yang berlebihan sangat menekannya, berlebihan sangat zalimnya, kita mempertentangkan di antara rakyat dengan polis dengan pihak-pihak kerajaan serta tidak mencari kerjasama.

Saya katakan tadi umpamanya, polis mengiring orang-orang yang berdemonstrasi di jalanan. Ini berlaku, selalu berlaku dan ia berjalan dengan aman. Polis tidak mengacau di tempat-tempat yang khusus diadakan demonstrasi. Kalau semua ini dilakukan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa undang-undang seperti ini tidak diperlukan di negara ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin mengatakan undang-undang ini lebih teruk daripada undang-undang yang lalu. Bagaimana kalau kita kembalikan semula undang-undang yang lalu. Satu soalan yang hipotetikal sifatnyalah.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa itu tidak *reasonable*lah kerana...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tadi Yang Berhormat mengatakan undang-undang ini lebih teruk daripada yang lama...

Dr. Syed Husin Ali: Saya katakan tadi..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau ini lebih teruk dari yang lama baik kita ambil yang lama sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: Saya katakan undang-undang ini lebih teruk daripada Undang-undang Polis, daripada *Police Act*. Itu yang saya katakan tadi. *Police Act* lebih teruk dan dari awal lagi kita menentang *Police Act* itu, sebab *Police Act* itu juga mengadakan sekatan-sekatan yang tidak munasabah. Jadi itu sebab saya katakan, bukan ini sahaja yang kita tentang bahkan yang lama itu, sama juga dengan Undang-undang Darurat misalnya, sudah sepuluh tahun kita perjuangkan supaya dimansuhkan tetapi kita tidak mahu misalnya satu undang-undang yang lebih teruk. Mengapa tidak lebih awal lagi dimansuhkan Akta Darurat seperti yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman.

3.28 ptg.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk berbahas sedikit di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional Malaysia kerana begitu berani menggubal satu undang-undang yang mengurangkan kuasa, pada saya - itu pendapat saya. Ada yang mengatakan rang undang-undang ini bertambah teruk.

Pada pendapat saya, Akta Polis, seksyen 27 ini memberikan satu kuasa yang penuh, menolak atau menerima setiap permohonan untuk lesen bagi mengadakan perhimpunan. Kuasa penuh dan saya cuba *search* di dalam *website* ini. Saya mintalah...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Azian bin Osman: Saya mintalah pihak Urusetia Parlimen untuk menambahbaikan kita punya kemudahan *internet* ini. Saya cuba cari tetapi tidak dapat dapat Tuan Yang di-Pertua. *Slow* sangat. Seksyen 27 tadi. Dipanggil berucap, baru dapat. Jadi seksyen 27 pada pandangan saya jauh lebih ketat daripada rang undang-undang yang sedang kita perbahaskan. Ada juga yang di luar sana dan di dalam Dewan ini mengatakan bertentangan dengan Perlembagaan. Saya pun ada Perlembagaan saya, *alhamdulillah*. Saya bawa Perlembagaan pada hari ini.

■1530

Perkara 10 - *freedom of speech assembly an association* perlu dibaca dengan 1(b)b. *Parliament may by law imposed on the right conferred by paragraph (b) of clause (1), such restriction* dan tidak perlulah saya baca sampai habis Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang dibuat oleh kerajaan kita yang dibentangkan sekarang. Jadi saya kira bagaimana dikatakan bertentangan dengan Perlembagaan. Apakah Perlembagaan itu hanya dibaca sekerat macam mana ayat-ayat Al-Quran dibaca sekerat sahaja?... [Tepuk] Separuh dibaca, separuh tidak dibaca kepada rakyat. Baca sampai habis Perlembagaan ini. Saya tidak nampak. Ini pandangan saya.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak bagi.

Dato' Azian bin Osman: Saya belum beri lagi. Baru hendak mula. Adakah hanya sekerat sahaja dibaca, yang sebahagian lagi tidak dibaca. Jadi saya tidak nampaklah. Itu pendapat saya, pandangan saya. Undang-undang ini ia tafsiran. Kita menggubal undang-undang, tafsirannya dibantu oleh pihak-pihak kehakiman dan peguam-peguam untuk mentafsirkan undang-undang yang kita gubal. Jadi itu pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya lihat undang-undang ini, saya baca satu persatu, satu per satu, satu per satu, di manakah yang menyatakan rakyat terseksa dengan undang-undang ini? Rakyat manakah yang terseksa? Kita di dalam Dewan ini mewakili walaupun kita dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tetapi kita masih mewakili rakyat di bawah sana. Saya kira hanya segelintir rakyat sahaja yang menentang rang undang-undang ini. Segelintir sahaja rakyat yang berminat berdemonstrasi yang dipimpin oleh mereka-mereka yang tidak ikhlas. Akan tetapi di bawah sana, di luar sana saya rasa majoriti rakyat hendak hidup aman dalam negara ini. Jadi di sini pihak kerajaan mengimbangi di antara hak segelintir rakyat dengan majoriti rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, jika sayalah tidak perlu saya ada undang-undang ini. Kerana apakah demokrasi? Demokrasi majoriti di atas minoriti. Di dalam negara ini seolah-olah kita terlalu terdesak mendengar apa kehendak minoriti. Minoriti pula membawa seolah-olah mereka ini mewakili rakyat majoriti dalam negara ini. Rakyat tersepit, rakyat tercekik, rakyat mana yang tercekik kerana undang-undang ada dalam negara ini. Boleh dibandingkan kita dengan negara di Timur Tengah, jauh bezanya. Mengapa rakyat Timur Tengah bangun memberontak di Teheran? Di Dataran Tahrir, Kaherah, contohnya, adakah pemimpin kita dalam negara ini begitu zalim macam pemimpin negara di Timur Tengah?

Telah dibuktikan kemiskinan di negara kita turun begitu banyak sekali. Berapa ramai rakyat kita tidak makan macam di Mesir, macam di Libya dan negara lain? Jadi gambaran yang diberikan kepada rakyat negara ini dan negara luar seolah-olah kerajaan begitu zalim sekali. Ini tidak adil, tidak adil.

Saya ingin berdiri di sini menyatakan majoriti rakyat negara ini menyokong undang-undang ini kerana majoriti rakyat hendak hidup aman dan di sinilah timbulnya mengimbangi kehendak-kehendak rakyat yang ada. Timbul hak-hak di dalam undang-undang ini. Pertamanya, hak penganjur. Diberikan hak mereka, jika hendak bersuara ada hak mereka. Mengikut Perlembagaan kita, hak asasi mereka untuk menyuarakan tetapi diimbangi pula dengan hak rakyat yang perlu hidup aman. Hak mereka yang berkepentingan. Jadi saya rasa semua pihak perlu prihatin terhadap hak semua orang. Jangan hanya memikirkan hak segelintir mengatasi hak orang lain.

Jadi saya rasa undang-undang ini saya cuba cari di mana yang perlu saya hendak kritik. Tidak jumpa. Apa yang saya jumpa hanya adakah ini satu perkara yang kecil? Hanya RM10,000, maksimum RM20,000 saya perhati di dalam rang undang-undang ini, rang undang-undang ini hukumannya. Kepada pihak kerajaan, saya mintalah penjelasan mengapa begitu sedikit sangat jumlah dendanya kerana perkara ini besar jika merosakkan. Jika aman berlaku *alhamdulillah* tidak ada apa-apa perkara hendak dibawa, hendak diambil tindakan, hendak didenda dan sebagainya. Akan tetapi kalau huru-hara berlaku kerana dianjurkan perhimpunan peringkat awal dianggap aman menjadi tidak aman, apa jadi? Penganjurnya dikenakan maksimum jika tidak silap RM20,000. Sesetengah klausa mengatakan RM10,000. Hukuman terhadap peserta dan juga penganjur sama.

Sepatutnya penganjur lebih kerana mereka bapanya. Ini sama. Apa tujuannya? Jadi saya rasa undang-undang ini juga sama macam seksyen 27, Akta Polis tidak akan berkesan untuk kami rakyat yang ingin hidup aman di negara ini.

Peraturan longgar. Untuk mencetuskan huru-hara di Kuala Lumpur kemudian didenda RM20,000. Apa ada RM20,000? Dengan izin, *chicken feed* sahaja kepada sesetengah pemimpin. Jadi ini perlulah penjelasan daripada pihak kerajaan tentang denda ini.

Tuan Yang di-Pertua, polis dalam akta ini ada tanggungjawabnya. Ke mana-mana pergi kita dengar provokasi oleh polis. Jika pihak sana terlibat dalam perhimpunan, saya pun ada terlibat dalam perhimpunan aman. Kalau kita tidak ganggu polis dikata jangan mara, kita tidak mara. Mereka tidak sewenang-wenangnya pukul kita, tidak sewenang-wenangnya pancut air kepada kita. Akan tetapi kalau mereka sudah bubuh dawai kawad berduri pun kita rempuh, provokasi terhadap polis, ini satu gambaran. Ini pandangan saya dan pengamatan saya. Pihak polis juga ada hak mempertahankan diri mereka. Bukan sahaja hak mempertahankan negara tetapi diri mereka terutamanya. Jadi saya lihat sekarang di negara ini apabila polis disakiti, yang menyakiti dianggap hero. Rakyat disakiti, polis jadi orang jahat. Jadi apakah tujuan kita memperkotak-katikkan polis yang begitu banyak berjasa kepada kita dalam negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menyebut banyak *clause* tadi. Rakan sana sudah menyebut macam-macam perkara. Di sini saya lihat di dalam rang undang-undang ini polis lebih kepada fasilitator, lebih kepada pemudah cara kecuali jika berlaku perkara yang tidak diingini.

Tuan Yang di-Pertua, satu *clause* seksyen 20 ini saya tidak tahu macam mana pihak polis melaksana seksyen 27 pun sukar hendak dilaksanakan, seksyen 20 ini kuasa untuk menangkapnya - mengambil langkah perlu untuk memastikan pematuhan secara sukarela. Pematuhan secara sukarela oleh penganjur atau peserta. Saya tidak faham. Polis hendak menangkap mesti dipastikan pematuhan secara sukarela. Jadi kadangkala saya rasa ada juga perkara undang-undang kita ini yang menyusahkan pihak pelaksanaan.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini pada saya cukup cantik, cukup baik tetapi macam biasalah apa sahaja undang-undang yang kita ada dalam negara ini penguatkuasaannya lemah. Sebelum ini kita ada undang-undang mencegah perhimpunan haram ini tetapi kita lihat walaupun seksyen 27 itu wujud, banyak undang-undang lain wujud, akan tetapi sewenang-wenangnya pihak-pihak tidak bertanggungjawab terus mengadakan demonstrasi perhimpunan BERSIH itulah, inilah. Tidak dapat permit pun mereka buat. Akan tetapi kita lihat tidak ada apa-apa hukuman diambil. Bila kita bercakap kepada pihak tertentu, suruh kita buat laporan polis. Apakah soalan saya polis hanya bertindak di atas laporan? Jika perkara terjadi di hadapan mata mereka, masih menunggu laporan daripada pihak ketiga.

■1540

Jadi sudahlah undang-undang ini saya rasa rang undang-undang ini yang kita bahaskan begitu fleksibel daripada seksyen 27 jika penguatkuasaan kita tidak dipastikan berkesan, saya risau.

Rakyat yang hendak hidup aman di negara ini akan tergugat hak asasi mereka pula, hak asasi saya sebagai rakyat kerana perbuatan-perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir pemimpin, segelintir manusia yang suka kepada kekecohan, kekacauan melalui demonstrasi ini. Jadi saya minta pihak kerajaan tolonglah, rakyat di luar sana tertanya-tanya adakah negara ini ada undang-undang atau tidak? ISA hendak dimansuhkan, undang-undang banyak hendak dimansuhkan. Bila tidak di mansuh dikatakan lapuk, bila hendak di mansuh atau dipinda dikatakan banyak kali pindaan sehingga melemahkan satu undang-undang. Undang-undang adalah satu yang hidup mengikut kesesuaian zaman. Apa yang tidak boleh dipinda hanya Al-Quran. Undang-undang buatan manusia perlu ikut zaman.

Jadi saya bersetuju dengan pindaan ini, dengan beberapa perkara saya sentuh tadi terutamanya penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua. Banyak undang-undang kita yang tidak dikuatkuasakan seolah-olah kerajaan takut.

Sudah menghina raja, menghina negara, menghina perlembagaan, perkara baik hendak dipinda dalam perlembagaan dikatakan tidak mengikut perlembagaan. Akan tetapi ada bercakap di luar sana hendak pinda Perkara 153, Perlembagaan. Tidak konsisten. Perkara begini hendak dipinda tetapi tidak mengikut perlembagaan. Perkara 153 dicanangkan di bawah sana, di luar sana di dalam ceramah-ceramah untuk dipinda. Bukankah Perkara 153 itu satu perkara dalam perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua saya memohon sangatlah, kerajaan bertegaslah. Janganlah kami lulus undang-undang di sini, tiba di luar sana pesalah-pesalah laku melanggar undang-undang ini bebas begitu sahaja. Terutamanya pemimpin-pemimpin yang kononnya berjawatan tinggi di dalam negara ini. Mereka tidak diberi *privilege*. Mereka tidak sepatutnya berada di atas undang-undang kita. Ini apa takut? Minta saya penjelasan daripada kerajaan.

Sekian. Dengan hujah-hujah itu saya menyokong penuh undang-undang ini dengan syarat penguatkuasaannya selepas ini ambil tindakan terhadap mereka yang bersalah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang ini saya ingin ingatkan bahawa kita ada 28 rang undang-undang. Saya tidak menahan siapa hendak berucap tetapi kalau berucap itu biar – saya hendaklah bijak, positif dan boleh mendatangkan manfaat kepada rang undang-undang ini. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Saiful Izham bin Ramli. Kalau boleh berucap dengan bijak, baik dengan sopan santun ya. Terima kasih.

3.43 ptg.

Tuan Saizul Izham bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*.

Tuan Saizul Izham bin Ramli: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 atau singkatannya RUPA 2011, yang dibentangkan di Dewan Negara ini untuk tujuan kelulusan Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai premis awal saya ingin menyatakan bahawa secara dasarnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Azian tadi, bahawa untuk rang undang-undang ini diluluskan, ia harus mengambil kira dan menjaga kepentingan masyarakat terbanyak.

Oleh kerana itulah apabila kita mengambil kira dan menjaga masyarakat terbanyak undang-undang seperti ini, sepeenting ini dan yang begitu mendasar ini tidak perlu kita gesa-gesakan. Ia harus kita kembalikan semula kepada rakyat dalam pelbagai cara. Sama ada kita hendak kembali dalam bentuk memorandum, kembali untuk merujuk kepada badan-badan yang mampu untuk memberikan pandangan. Agar ia lebih komprehensif, lebih relevan dan lebih menjurus kepada keperluan semasa seperti SUHAKAM contohnya. Kita tidak minta ia dirujuk kepada badan-badan luar negara. Cukup kepada badan-badan perundangan dalam negara. Majlis Peguam contohnya yang sentiasa prihatin dengan pelbagai tuntutan keperluan semasa dengan mempertahankan hak asasi rakyat di bawah perlembagaan.

Saya tidak mahu memanjangkan perbahasan dan perdebatan kepada berkenaan Perkara 10(1)(B), Perlembagaan Persekutuan. Semua sudah tahu dan semua faham. Bagi saya Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini hanya satu pengembangan atau dengan izin, *elaboration* dari seksyen 27, Akta Polis. Jikalau dalam Akta Polis ia hanya merupakan dua seksyen iaitu seksyen 27, dan seksyen 27(A). Akan tetapi Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini menampilkan 27, seksyen baru yang lebih *detail*, lebih teliti tentang perkara-perkara yang melibatkan perhimpunan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa ketergesaan untuk meluluskan rang undang-undang ini jelas bertentangan dengan semangat dan roh yang pernah diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Tadi disebut tanggal 15 September 2011 sehari menjelang sambutan Hari Malaysia di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengungkapkan dan memperakui bahawa dengan izin, saya ingin mengulang kembali kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *“Bahkan saya sering mengutarakan bahawa era kerajaan mengetahui segala-galanya dan memiliki monopoli terhadap kebijaksanaan sudah melewati tempohnya. Kerajaan juga akan mengkaji semula seksyen 27 Akta Polis 1967 dengan mengambil kira peruntukan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan tentang kebebasan berhimpun dengan prinsip menentang sekeras-kerasnya demonstrasi jalanan. Namun kebenaran berhimpun diberi selaras dengan kaedah-kaedah yang ditetapkan kelak di samping mengambil kira norma-norma di peringkat antarabangsa.*

Yakinlah bahawa ia satu kekuatan bukan satu kelemahan untuk kita meletakkan kepercayaan kepada kebijaksanaan rakyat Malaysia...” Saya ulang, *“...kebijaksanaan rakyat Malaysia membuat pilihan dalam meletakkan hala tuju masa hadapan mereka sendiri.”*

Tuan Yang di-Pertua, majoriti kandungan rang undang-undang ini tidak konsisten dengan apa yang dirujuk sebagai norma antarabangsa. Ia tidak sama sekali mengikut dengan ketinggian perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan menghormati hak asasi manusia dan hak individu. Ia membawa kita jauh lebih ke belakang dalam kita mendepani tuntutan rakyat yang semakin terbuka dengan era maklumat yang semakin terbuka. Tidak selama-lamanya kita boleh membendung pemikiran rakyat dengan pelbagai undang-undang. Undang-undang benar, diwujudkan untuk mengawal selia masyarakat tetapi ia tidak seharusnya diguna pakai untuk membendung hak rakyat. Bagi menyuarakan perasaan mereka, bagi menyuarakan ketidakpuasan hati mereka, bagi menyuarakan perkara-perkara yang mereka rasakan menindas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini jangan kita samakan dengan negara-negara yang lain. Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh sedikit contoh sebuah negara yang mengamalkan diktator ketenteraan yang baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua rekod hak asasi kemanusiaan yang sangat teruk, diiktiraf seluruh dunia sangat teruk iaitu negara Myanmar. Hari ini dunia melihat walaupun ia diktator tetapi ianya seolah-olah jauh lebih progresif daripada negara Malaysia yang mengamalkan demokrasi berperlembagaan. Ia meluluskan satu rang undang-undang yang membenarkan protes jalanan dan perhimpunan aman dengan hanya memaklumkan kepada pihak berkuasa tempoh lima hari lebih awal berbanding dengan rang undang-undang ini yang pada awalnya mengenakan 30 hari tetapi sekarang ini mengenakan sepuluh hari untuk mendapatkan kebenaran polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang had umur seksyen 4, rang undang-undang ini. Menyentuh tentang had umur mereka yang menganjur atau menyertai perhimpunan awam iaitu 21 tahun.

■1550

Saya rasa majoriti Ahli Dewan yang mulia ini menyedari bahawa di bawah *Age of Maturity Act*, had umur yang membolehkan seseorang itu mempunyai *criminal liability* atau pertanggungjawaban *criminal* adalah 18. Sudahlah golongan antara 18 hingga 21 tahun ini dinafikan hak mereka untuk mengundi, hari ini dinafikan hak mereka juga untuk menyuarakan pandangan dan hasrat mereka yang lebih relevan dengan tuntutan semasa. Soal perhimpunan atau pergerakan ini rekod sejak 1998 menunjukkan tanpa provokasi, tanpa serangan yang membuta tuli tidak akan berlaku sebarang kekacauan. Sejarah mahkamah, fakta mahkamah menunjukkan bahawa sehingga hari ini tidak ada mereka yang didakwa di bawah seksyen 27(5), Akta Polis 1967 didapati bersalah.

Ini kerana mahkamah mendapati tindakan provokasi yang dilakukan oleh anggota keselamatan, anggota polis yang mula menimbulkan kekacauan dan huru-hara. Ini fakta mahkamah bukan fakta yang saya reka cipta kerana itu Tuan Yang di-Pertua kita tidak perlu tergesa-gesa dalam meluluskan satu rang undang-undang sepenting ini. Apa salahnya kita kembali kepada rakyat atau sekurang-kurangnya kita kembali kepada badan-badan berwajib negara ini, badan-badan yang diiktiraf menjaga hak asasi manusia.

Saya katakan tadi SUHAKAM, Majlis Peguam kedua-dua badan ini ditubuhkan di Dewan yang mulia ini, rujuk kembali kepada mereka, dapatkan pandangan mereka, turun ke bawah, dapatkan pandangan masyarakat. Tidak salah dan tidak jatuh martabat kerajaan untuk kembali kepada rakyat mendapatkan pandangan rakyat, tidak jatuh martabat kerajaan untuk menghormati pandangan rakyat yang majoritinya cintakan keamanan dan kedamaian.

Tuan Yang di-Pertua saya tidak berhasrat untuk mengungkap rentetan sejarah yang menunjukkan bahawa negara ini mula bergerak ke arah kemerdekaan melalui perhimpunan aman yang dilakukan oleh bapa-bapa kita yang terdahulu. Jelas menunjukkan kepentingan perhimpunan ini kepada rakyat dan kepada pemerintah, untuk rakyat ia penting bagi menyuarakan hasrat dan rasa mereka yang tidak puas hati di atas apa yang mereka tafsirkan sebagai penindasan atau kezaliman sama ada ia benar atau tidak, itu terpulung kepada mereka. Kepada pemerintah, ini bagi memastikan wujudnya perhimpunan aman seperti ini agar mereka insaf dan sedar bahawa amanah dan pertanggungjawaban menjaga hak rakyat itu penting bagi memastikan mereka tidak tersasar daripada landasan sebenar memerintah negara ini dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit kuasa polis. Kuasa polis yang cukup banyak di bawah Akta Polis hari ini ditambahkan semula, ditambah lagi. Saya tidak mempersoalkan tentang polis, saya juga anak polis, saya juga cucu polis bahkan kalau saya hendak bercerita, saya punya keluarga ramai yang mati ketika zaman darurat. Akan tetapi apa yang saya hendak katakan di sini, persoalan kuasa polis harus ada perimbangannya, harus ada ruang untuk rakyatnya memohon berhimpun ini, merujuk. Tidak menjadi kuasa mutlak terhadap sebarang kelulusan kerana itu saya katakan akta polis yang keterlaluan tanpa pemantauan dan kawalan oleh badan-badan yang lebih besar daripada polis ini seperti Dewan yang mulia ini akan menyebabkan rasa ketidakpuasan hati rakyat. Saya tidak katakan kerajaan negara ini zalim, saya tidak katakan kerajaan negara ini menindas tetapi dahulu di Mesir, dahulu di Tunisia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta semua ya, cuba pendekkan Yang Berhormat sebab...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya akan pendekkan Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri ruang tetapi jangan terlalu panjang.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ya, dahulu di Mesir dan Tunisia, di depan media rakyat dilihat aman apabila berlaku pilihan raya keputusan pilihan raya hampir tidak munasabah 95 peratus dapat dekat Hosni Mubarak. Akan tetapi apabila rakyat bangkit, mula-mula dengan cara aman sehingga mereka ditembak oleh pihak berkuasa, mereka bangkit dengan lebih keras dan lebih ganas kerana itulah kita tidak mahu perkara yang serupa melanda negara ini. Kita mahu negara ini berlangsung dengan suasana aman, damai dan kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar Dewan yang mulia ini menggunakan kesempatan ini melontar ke tepi prinsip kepartian. Meletakkan prinsip mengedepankan hak rakyat itu jatuh lebih penting daripada prinsip kepartian itu sendiri kerana penting untuk rang undang-undang seperti ini, sedasar ini kita teliti semula, kita tolak semula kepada rakyat, tidak ada salahnya, tidak jatuh maruah, tidak jatuh martabat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, kita juga memohon agar kerajaan pada hari ini menggunakan kesempatan yang ada meneliti semula pandangan rakyat. Jangan kita biarkan media menguasai pemikiran rakyat, kita mahu pandangan rakyat sampai terus kepada kerajaan. Kita yakin mungkin benar majoriti rakyat sayangkan kerajaan pada hari ini kerana itu kalau kerajaan mahukan rakyat lebih menyayangi negara ini, mereka juga harus tunjukkan langkah mulia mendekati rakyat dan menyayangi rakyat dengan memulangkan rang undang-undang ini kepada rakyat.

Sekali lagi saya mohon Tuan Yang di-Pertua, agar kerajaan menarik semula Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini dan sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada tiga badan utama.

Pertama, kita tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen atau *Parliamentary Select Committee* dengan izin, SUHAKAM dan Majlis Peguam Negara untuk membolehkan ia dibuat pengubahsuaian yang lebih relevan seiring dengan kehendak dunia pada hari ini. Seiring dengan tuntutan masyarakat Malaysia pada hari ini, yang memberikan jaminan asas kepada hak asasi rakyat dimasukkan semula kebebasan untuk berhimpun tanpa mereka melihat rang undang-undang ini sebagai satu lagi instrumen zalim kerajaan untuk menindas mereka, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

3.57 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara sahaja yang hendak dibangkitkan. Saya memang menyokong untuk rang undang-undang ini diluluskan hari ini, tidak ada masa lagi untuk kita hendak bincang panjang lebar kerana benda ini benda yang baik dan benda yang baik ini kita kena buat cepat.

Kita tidak payah retorik, kerja retorik ini bukan kerja kita, kalau kita lihat Lord Denning ada mengatakan dengan izin, "*If the national security is at stake, the ground rules must change, forget about the human rights - the Geneva Convention.*"... [Tepuk] Kita kena jelas dengan perkara ini, tidak perlu sembang panjang-panjanglah. Kesian, kita hendak memperbodohkan rakyat buat apa? Kita pun pemimpin, esok kita akan ditanya oleh Allah SWT, kita orang Islam.... [Membaca sepotong ayat al-Quran]

Saya hendak cakap ini, saya fikir dua tiga dahulu, boleh tidak hendak jawab ini dalam kubur, boleh atau tidak? Kalau tidak boleh saya tidak cakap, saya akan beritahu, saya datang ke sini kerana saya memikirkan setiap apa yang saya sebut, saya fikir boleh tidak jawab, kalau tidak boleh saya tidak cakap. Saya tidak akan jual diri saya, moral saya, akhlak saya dan keperibadian kita untuk sesuatu yang bukan-bukan, ini bukan kerja orang Islam ini *qafirun*, itu satu. Saya ambil contoh BERSIH... nanti kita tunggu Timbalan Yang di-Pertua masuk dahulu, saya cakap...

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu dalam tangan saya ini harganya RM10.00 sahaja, bukan mahal, Perlembagaan Persekutuan... [Merujuk buku *Perlembagaan Malaysia*] Murah, mudah dan di kedai-kedai buku ada.

■1600

Inilah benda yang kecil ini, benda yang murah ini menjadi undang-undang tertinggi dalam negara. Dalam Perkara 41, Perlembagaan ini disebut dengan jelas, Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi, mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatas setakat yang bercanggahan itu. Kerajaan tahu. Inilah Kerajaan Barisan Nasional, dia faham ayat ini. Dia tidak akan buat satu undang-undang yang bercanggah sebab ia terbatal - *unconstitutional*, dengan izin.

Semua bincang Perkara 10 – 10-10-10! Cina kata apa..., siapa Cina?... [Ketawa] Perkara 10 ini adalah perkara yang paling-paling istimewa dalam Perlembagaan. Cuma, saya minta kerajaan kena terangkan daripada sekolah rendah, sekolah menengah sampai universiti makna Perkara 10, boleh selesai masalah. Kita hanya diberitahu bebas untuk bercakap, berhimpun, menubuhkan persatuan. Itu sahaja yang kita dok cerita, lain-lain apa pun tidak diberitahu kepada kita. Jadi kita jadi dungu, tidak faham dan akhirnya kita berlaga. Sebelah sini berlaga dengan sebelah sini.

Jadi, mudah sahaja. Dia bagi tiga perkara bebas, semua orang faham, tetapi ada dia punya syarat-syarat semua. Kahwin pun ada syarat, semua ada syarat. Kalau tidak ada syarat, kita boleh naik motor tanpa ada lesen, kita kata bebas. Bebas apa? Bodoh! Orang itu bodoh.

Mesti ada lesen. Lesen pula kena hidup. Serupa macam Perkara 10, dalam kebebasan kita bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan, pertama, kita kena ingat keselamatan Persekutuan kita ini, *security of the country* dengan izin, simpan dalam kepala kita.

Kedua, kita hendak bersahabat dengan negeri-negeri. Negeri yang bukan Barisan Nasional ini, kita hendak bersahabat. Dahulu tidak apa, semua Barisan Nasional, sekarang bukan, tapi hendak bersahabat. Ini disebut dalam Perlembagaan. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa – jadi kita bagi apa sahaja, geran kepala, geran jalan, geran kemiskinan semua kita bagi. Bermakna kerajaan ini bertanggungjawab. Kerajaan ini tidak pernah kecoh. Kalau tidak, dia tidak akan beri geran itu.

Ketiga, menjaga ketenteraman awam. Keempat, keistimewaan Parlimen. Ada juga yang datang ke sini buat *birthday party*, siapa dia? Ini hendak *provoke* bagi orang marah. Ada tapi saya tidak mahu sebut parti mana, tapi dah buat dah. Kemudian, menghina mahkamah, tidak boleh. Memfitnah antara satu sama lain tidak boleh, berdosa. Satu pertiga orang munafik kalau kita fitnah. Perbuatan mengapi-api dikatakan satu kesalahan dan akhlak. Tidak boleh api-api, tidak boleh kita berlaga antara satu sama lain. Kita kena *stick* - bersih, cekap, amanah, perubahan sikap, jaga semua dalam keadaan yang aman damai.

Akhir sekali, saya hendak katakan mengenai BERSIH. BERSIH ini sebenarnya bermula di Perlis. Satu biji bas pergi ke Perlis, semua orang-orang bukan Islam, mereka ini masuk dalam masjid. Saya ingat sebab kita di Malaysia ini ada undang-undang, mereka masuk dalam masjid, bagi *leaflet* kepada semua – hari itu hari Jumaat, sebulan sebelum BERSIH di Kuala Lumpur. Bermakna, perancangan telah dibuat awal-awal lagi. Menimbulkan kemarahan orang-orang Islam. Akan tetapi kita orang Perlis tidak sanggup hendak buat huru-hara, jadi kita biarkan sahaja. Saya ada gambar bukti saya nak bagi kepada semua kawan-kawan saya semua termasuklah Dr. Jeya itu Yang Berhormat, duduk dalam gambar itu, ambil di Arau.

Jadi bermakna, perancangan sudah dibuat. Kalau hendak buat aman macam ketua whip pihak sahabat saya di sebelah sana yang hujung sekali, saya orang yang pertama yang akan menyokong Bersih. Akan tetapi mana ada dalam dunia ini berarak tanpa perancangan? Tidak ada. Ini bohong, sebab BERSIH saya hendak beritahu, semua ketua-ketua dia duduk di hotel lima bintang, pengikut dia semua duduk di jalan-jalan sahaja. Ini apa cerita, apa cerita? Kemudian dari Perak, dapat seorang RM200, *student-student* dapat RM200, sebotol air dan garam. Untuk apa Tuan Yang di-Pertua? Bila polis tembak sahaja, masukkan garam dalam botol, *shake* dia, jirus ke badan, tidak ada gatal-gatal, hilang habis. Nampak tidak? Biasa kena dah... [Ketawa] Jadi sahabat saya, sabar. Kita lulus hak ini dahulu. Sekian, terima kasih. Saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat berucap dengan penuh perasaan, tidak perasan terkeluar daripada kawasan meja dia... [Ketawa] Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

4.06 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan satu petikan kata-kata daripada Ketua Pergerakan Hak-hak Sivil Amerika Syarikat iaitu Martin Luther King Jr. yang mengatakan bahawa, "*The ultimate measure of a man is not where he stands in moments of comfort and convenience, but where he stands at times of challenge and controversy.*" Oleh itu, rakan-rakan saya di pihak yang lain, ingatlah, dengan menyekat, mengawal dan menakutkan, masyarakat tidak boleh bersaing dengan kuasa-kuasa besar dengan pasaran mereka.

Kita perlu satu bentuk penyampaian untuk menjadikan Malaysia masyarakat berpendapatan tinggi. Kita perlu menjadi masyarakat yang lebih berterus-terang, *outspoken* dan terbuka. Dalam beberapa protes sebelum ini, adakah terdapat kerosakan harta benda? Rakyat Malaysia adalah rakyat yang aman, jadi mengapa kita memerlukan undang-undang seperti ini yang menanamkan rasa takut terhadap polis dan pihak berkuasa? Tolonglah tolak undang-undang ini.

SUHAKAM juga telah menyuarakan bahawa kerajaan mesti menghentikan penggubalan Rang undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini. SUHAKAM menegaskan bahawa pindaan beberapa peruntukan yang rang undang-undang ini hendaklah dibuat bagi memastikan hak rakyat untuk menyuarakan kehendak mereka melalui perhimpunan aman awam adalah dilindungi dan disampaikan dengan cara yang benar-benar mencerminkan inti pati hak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang baru Myanmar tidak membenarkan perhimpunan aman di empat kawasan sahaja iaitu bangunan kerajaan, sekolah, hospital dan kedutaan. Ini berbeza dengan rang undang-undang yang dicadangkan di negara kita ini, tidak membenarkan protes berhampiran empangan takungan air, kawasan tadahan air, loji rawatan, stesen minyak, hospital, balai polis, lapangan terbang, stesen kereta api, terminal pengangkutan awam, pelabuhan, terusan, dermaga, jeti, jambatan dan marina, tempat-tempat ibadah, tadika, sekolah dan akhir sekali di jalan raya. Begitu ketat undang-undang yang dicadangkan.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang saya suka berikan kepada pihak polis ialah apa yang sepatutnya dilakukan oleh pihak polis adalah untuk melihat sama ada perhimpunan atau pun perarakan adalah aman dan tujuan untuk berkumpul atau berarak. Jika pihak polis mendapati perhimpunan atau perarakan yang akan diadakan itu adalah secara aman, pihak polis seharusnya memberikan masa yang bersesuaian kepada pengatur perhimpunan tersebut untuk tamatkan perarakan dan turut menyediakan iringan pihak polis atau mereka juga boleh berarak dengan perarakan yang lain atau turut hadir dalam perhimpunan perarakan tersebut.

Ini bagi memantau perhimpunan perarakan tersebut bagi tujuan mengelakkan insiden yang tidak diingini dan untuk mengawal lalu lintas. Apabila masa perarakan tamat atau perarakan telah sampai ke destinasi mereka, mereka sepatutnya bersurai. Sekiranya mereka gagal buatlah seperti apa yang dijanjikan, barulah pihak polis mengambil tindakan. Hal ini boleh dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak iaitu pihak polis dan juga pihak pengatur perhimpunan. Kaedah ini turut menjamin masa, kos, dan sumber pihak polis seperti penggunaan penuh FRU, meriam air dan gas pemedih mata. Pendekatan seperti ini memberikan situasi yang menguntungkan kepada kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, ia harus ditegaskan bahawa pengharaman perarakan umum atau *public demonstration* merupakan penghinaan terhadap hak perlembagaan rakyat yang berkumpul dan berarak secara aman tanpa senjata. Sudah tiba masanya untuk perubahan sikap dari pihak kerajaan. Dalam demonstrasi seperti apa yang kami miliki, keperluan bagi masyarakat untuk memiliki ruangan politik untuk membincangkan dan mengambil bahagian dalam wacana isu-isu politik yang mempengaruhi kehidupan mereka sebagai warga Malaysia tidak boleh diremehkan. Maka, saya menyeru supaya undang-undang baru ini iaitu *Peaceful Assembly Act* ini perlu disesuaikan untuk mengiktiraf hal ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Perdana Menteri untuk tarik balik rang undang-undang ini kerana ia tidak memberi apa-apa manfaat kepada masyarakat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

4.12 ptg

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan serangkap pantun...

*Orang Barat datang berdagang,
Menjala sepat, keli dan tongkol,
Betapa berat mata memandang,
Beratlah lagi bahu memikul.*

Rakan-rakan di hujung sana menyebut tentang betapa tidak adilnya peraturan ini. Seakan-akan kalau mereka yang melakukan segala-galanya akan berlaku secara adil. Itulah memperlihatkan betapa mudahnya untuk bercakap tetapi kita tidak tahu lagi sejauh mana keupayaan mereka untuk memikul beban yang pada pandangan matanya itu berat.

Saya menyokong dan mengalu-alukan rang undang-undang ini. Saya melihat rang undang-undang ini adalah satu pengisian demokrasi mengikut kondisi dan situasi setempat.

Tidak ada orang yang berfikir waras yang menolak demokrasi walaupun Wilson Churhill kira-kira 100 tahun yang lalu mengatakan, dengan izin, "*Democracy is the worse form of government but unfortunately no any other system as seen better.*" Demokrasi adalah satu sistem yang paling buruk tetapi tidak ada sistem lain yang lebih baik. Artinya, kita ingin mengamalkan demokrasi tetapi kita tahu bahawa demokrasi dalam keadaan yang mutlak mustahil dapat dilaksanakan. Oleh kerana itu demokrasi hanya akan dapat kita amalkan mengikut keadaan dan masa setempat atau mengikut ruang dan waktu setempat. Jadi saya melihat rang undang-undang ini adalah satu usaha untuk mengamalkan demokrasi, memberi pengisian terhadap semangat demokrasi itu dengan mengambil kira situasi setempat. Apakah yang dimaksudkan dengan situasi setempat itu?

Situasi setempat itu ialah kita mahu supaya keinginan orang yang kemaruk untuk berdemonstrasi itu terpenuhi. Akan tetapi pada masa yang sama keamanan majoriti juga harus dihormati. Oleh kerana itu saya mengatakan inilah satu proses pendemokrasian dan penghargaan hak asasi manusia dan sekali gus adalah juga menjamin keamanan. Itu yang saya panggil sebagai keadaan kedinamisan yang seimbang, *a dynamic equilibrium*. Pepatah Melayu Tuan Yang di-Pertua mengatakan, "berpetaruh dipemalangi, berkiriman dituruti". Artinya ini apa? Dalam falsafah kebudayaan orang Melayu diingatkan supaya sesuatu yang kita lakukan itu mestilah ada tali pengikatnya. Kita tidak boleh bebas sebeb-bebasnya.

Orang Melayu juga mengatakan, "hidup dikandung adat, mati dikandung tanah". Peraturan-peraturan yang dihuraikan dalam undang-undang ini atau dalam akta ini adalah merupakan adat yang wajib, yang wajar diikuti supaya keadaan tetap aman. Orang Melayu juga mengatakan bertanggung naik, berjinjang turun. Semuanya ini melihat kepada peraturan.

Oleh kerana itu apa yang dilakukan ini Tuan Yang di-Pertua ialah mengangkut peraturan. Saya lihat ini adalah satu peraturan yang kalau boleh saya gunakan bahasa Inggeris dengan izin, yang bertujuan *regulating the irregular behavior of certain groups* atau satu langkah mengatur perangai orang yang kurang teratur, sesetengah kumpulan yang sukar diatur. Itulah tujuan undang-undang ini. Sekali lagi, satu langkah untuk mengatur perangai orang yang kurang teratur dari sesetengah kumpulan yang sukar diatur.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat boleh beri contoh?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa kalau hendak beri contoh Tuan Yang di-Pertua artinya bagaimana BERSIH dahulu. BERSIH adalah satu contoh yang pada pandangan saya, pada persepsi saya adalah sekumpulan orang-orang yang sukar diatur dan kata orang ingin beraja di mata, bersultan di hati. Kenapa saya katakan begitu? Mula-mula kononnya hendak menyuarakan hasrat dan keinginan. Menyuarakan keinginan atau dalam jargon sains politik dikatakan *articulated interest*, mengartikulasikan kepentingan...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: [Bangun]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, nanti sekejap, sekejap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pembangkang termasukkah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan termasuk lagi, yang menjadi tulang belakang dia. Jadi, yang saya pelik bercakap mengenai peraturan-peraturan, keinginan-keinginan menyuarakan hasrat *articulation* yang sebegini yang saya sebutkan tadi. Mula-mula BERSIH hendak diadakan, kemudian berlaku berbagai-bagai perundingan. Akhirnya sekumpulan kecil, tokoh-tokoh yang memimpin BERSIH itu diberi kesempatan menemui pemimpin tertinggi dan menyerahkan memorandum. Bukankah itu merupakan satu bentuk pernyataan hasrat dan keinginan kepada peringkat yang terlalu tinggi. Kalau itu telah dapat dilakukan apakah gunanya lagi mengacau jalan raya, menjadikan keadaan menjadi huru-hara.

Jadi, itu yang saya katakan inilah kumpulan yang kurang teratur, yang sukar untuk diatur. Oleh kerana itu saya melihat undang-undang ini adalah undang-undang yang seimbang, sekali lagi memenuhi naluri golongan yang kemaruk berdemonstrasi tetapi sekali gus undang-undang ini menjaga kepentingan majoriti yang cinta damai dan keamanan.

■1620

Itulah semangat dan falsafah daripada undang-undang dan peraturan ini yang harus kita fahami. Tadi saya telah mendengar rakan-rakan di hujung sana dan juga Dewan Rakyat. Saya sempat hadir dalam Dewan Rakyat dahulu sewaktu *bill* ini dibentangkan. Apa yang saya dapat perkara-perkara yang berulang-ulang ditimbulkan ialah soal pendek masa dan panjang masa untuk minta izin kemudian, had umur anak-anak, kemudian yang tadi juga Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan menyebut larangan berdemonstrasi di tempat-tempat tertentu. Saya kira ini adalah larangan yang paling wajar untuk supaya jangan kita berdemonstrasi di tempat-tempat yang strategik yang akan mengakibatkan keadaan lalu lintas dan keadaan yang akan merosakkan ketenteraman sosial, di empangan air, di sekolah.

Kalau itu pun dibantah, itu yang saya katakan ini adalah keinginan orang yang kemaruk berdemonstrasi dan sukar diatur. Jadi ertinya seakan-akan dia mahu supaya di mana kami teringin hendak berdemonstrasi, jangan dihalang. Itulah hakikatnya. Itu pun dijadikan isu. Jadi perkara ini saya rasa tidak wajar sama sekali. Ada beberapa perkara lain lagi.

Okey, tadi diambil juga contoh yang saya pun sedih apabila rakan-rakan di sana mengambil teladan daripada Myanmar, mengambil teladan kepada Mesir, apa ini? Itu negara yang hendak diteladani, itu negara yang hendak dicontohi? Contohilah negara-negara yang benar-benar telah dapat memberi keamanan dan ketenteraman kepada rakyat. Berapa lamanya rakyat Mesir tertindas, berapa lamanya rakyat Myanmar tertindas. Itu yang dijadikan contoh. Jadi apabila rakan-rakan di sana mengambil contoh daripada negara-negara ini, saya keliru apa yang mereka hendak sebenarnya.

Selain daripada itu disebut juga tentang kononnya Majlis Peguam menyokong pandangan mereka, kononnya SUHAKAM menyokong pandangan mereka tetapi kita tahu apa yang berada di sebalik keinginan Majlis Peguam dan SUHAKAM ini. Mereka mahu supaya berlaku keadaan yang tidak stabil supaya kerajaan yang memerintah sekarang kalah.

Jadi keinginan yang negatif ini yang menyebabkan kita merasa sedih. Sekali lagi yang menyebabkan kita agak rusing undang-undang yang memang diadakan untuk mewujudkan peraturan yang baik ini dibantah dengan seakan-akan ini akan membunuh semua orang, seakan-akan ini akan memporak-perandakan semua orang. Jadi inilah perkara-perkara yang saya rasa menyebabkan kita sugul dan sedih Tuan Yang di-Pertua kerana itu saya rasa janganlah kita dengar sangat pandangan rakan-rakan yang di sebelah sana itu.

Sebaliknya sekali lagi saya ingin mengatakan bahawa saya menyokong penuh rang undang-undang ini dan ini adalah satu lagi seperti saya ulang satu undang-undang yang seimbang, yang memenuhi keinginan orang, memenuhi naluri orang-orang yang ingin berdemonstrasi tetapi sekali gus juga menjaga keamanan orang-orang yang cintakan damai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sepenuh hati menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

4.25 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Sebagaimana rakan-rakan saya yang lain yang telah membahaskan dengan panjang lebar berhubung dengan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, negara manakah yang telah dijadikan satu *sample* untuk kita menggubal dasar ataupun undang-undang seperti ini.

Tadi banyak disebut rakan-rakan kita daripada sama ada daripada Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional memberikan contoh-contoh daripada negara-negara. Saya hendak tanya berdasarkan kepada undang-undang yang telah kita bentangkan hari ini, negara manakah yang telah dijadikan *sample* kerana kita lihat dari sudut keadaan sekarang apa yang kita bawa kepada Parlimen pada hari ini merupakan perkara yang agak *contradict* dengan apa yang berlaku di seluruh dunia.

Pertama bilamana kita membenarkan rakyat kita belajar, kita didik mereka dan apabila belajar, mereka berhak untuk menyatakan isi hati mereka ataupun bantahan ataupun sokongan terhadap mana-mana isu. Jadi dalam konteks apabila kita membuat satu undang-undang yang lebih menyempitkan ruang lingkup mereka dan kuasa mereka untuk berhimpun dan menyatakan pandangan, ini mungkin akan menyekat kita melihat bagaimana pandangan rakyat sebenar terhadap apa-apa isu yang kita kemukakan.

Sebelum ini kita lihat kalau sebelum 2008, sepanjang berada di Parlimen, apa pun rang undang-undang yang telah kita luluskan atau yang telah kita gubal tidak pernah kita mendengar respons daripada rakyat tetapi selepas 2008, kita lihat beberapa rang undang-undang telah pun ditarik balik ataupun dikaji semula akibat daripada rakyat dengan sendirinya membuat satu protes menunjukkan cara mereka suka atau tidak suka kepada undang-undang kerana bagi kita mungkin yang berada dalam Parlimen ini sebagai Ahli Dewan Negara, perkara yang kita timbulkan tidak memberikan apa-apa *effect* kepada kita tetapi ada di sana golongan yang mungkin akan terkena ataupun berkepentingan dalam isu ini.

Jadi dalam konteks ini saya hendak tanya kepada pihak kerajaan bilamana kita pinda Akta Polis dan kita ganti dengan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman ini, bagaimanakah kita dapat menjamin bahawa ledakan keinginan rakyat untuk menyatakan bantahan ataupun protes kepada mana-mana isu ini dapat kita salurkan dengan cara yang benar-benar baik. Ini kerana kita lihat apabila disebut dengan secara spesifik dari segi undang-undang ini yang hendak berhimpun, tempat yang hendak berhimpun itu ada jadual pertama, jadual ketiga yang saya rasa cukup memberikan kita seolah-olah hanya tempat tertentu misalnya hanya di stadium sahaja kita dibenarkan untuk berhimpun kerana banyak tempat lain tidak diberikan.

Kita lihat juga apabila disebut berhimpun di sini tidak dinyatakan berapakah jumlah mereka itu dikatakan berhimpun dan kalau mereka ini berhimpun, berapakah orang yang akan dikira sebagai memprotes. Katakanlah kalau kita lihat di sini dikatakan kalau ada yang memprotes, kalau ada pihak orang ramai dalam masa lima hari selepas terima pemberitahuan perhimpunan itu memberitahu kepada pihak polis bahawa mereka membantah, tidak dinyatakan berapakah jumlah orang. Dengan sendirinya ini mungkin akibat daripada dua orang yang tidak setuju sedangkan ada isu yang melibatkan atau membabitkan 300 orang, kita terpaksa mempertimbangkan yang dua orang.

Jadi dalam konteks ini majoriti itu sepatutnya diberi perhatian, bukan semua yang protes itu perlu diambil perhatian dan bukan semua majoriti berkumpul itu ada niat yang buruk.

So dalam konteks ini, banyak perkara yang kita ingat berlaku dalam negara dan dalam konteks ini saya ingat tadi dengan mudahnya pihak sebelah Barisan Nasional mengatakan bahawa di sini adalah pihak pembangkang. Jangan lupa, di negeri kami Barisan Nasional adalah pembangkang. Jadi banyak kali juga perhimpunan-perhimpunan yang telah dibuat di hadapan SUK, berhampiran dengan masjid, berhampiran tempat-tempat awam yang apabila diminta bersurai, mereka tidak bersurai pun. Jadi dalam konteks ini negara kita bukan hanya satu parti, negara kita ada dua parti yang sekarang ini memerintah. Jadi di sana ada pembangkang dan di sana ada kerajaan. Jadi dalam konteks ini, apabila kita hendak luluskan undang-undang, pertimbangan harus diberikan dengan pertimbangan yang sewajarnya.

Jadi saya hendak tahu juga apakah justifikasi apabila kita meletakkan jadual pertama, kedua dan ketiga ini kerana untuk melibatkan jadual kedua perhimpunan yang disertai oleh kanak-kanak disebutkan hanya di empat tempat iaitu keagamaan, pengebumian, adat dan perhimpunan yang diluluskan oleh Menteri. Jadi dalam konteks ini, perhimpunan yang melibatkan kanak-kanak ini kadang-kadang banyak juga, melibatkan pendidikan. Jadi macam mana perkara ini sebab kalau sekarang ini terlalu spesifik disebut dalam Jadual Ketiga - majlis perkahwinan. Majlis perkahwinan itu adakah meliputi majlis pertunangan, majlis merisik. Jadi perkara ini perlu banyak lagi perincian kerana kita telah spesifikkan, terlalu mengkhususkan apa yang boleh dan apa yang tidak boleh.

Sepatutnya apabila disebut perhimpunan aman, apa sahaja kondisi-kondisi ataupun *indicator* yang boleh menjurus kepada perkara-perkara rusuhan, barulah perkara itu dicegah oleh pihak polis tetapi tidak masuk dalam semua aktiviti rakyat kerana kita percaya bahawa aktiviti rakyat ini banyak. Jadi kalau kita telah spesifikkan seperti ini, ia nampak macam sangat mengongkong rakyat, itu pertama.

■1630

Kedua, berkaitan dengan, ia ada disebut perhimpunan sebegini. Kita lihat banyak perhimpunan-perhimpunan akan dihalang, akan dilarang bila melibatkan perhimpunan mungkin ada isu melibatkan rakyat dan kerajaan. Akan tetapi bila perhimpunan membabitkan acara-acara maksiat, acara-acara hiburan, lebih daripada 100,000 pun kita tidak tahu ada permit atau tidak ada permit kerana yang kita lihat, yang kita tahu, mereka kata mereka dah minta. Jadi dalam konteks ini tidak pernah timbul isu, sedangkan bantahan untuk acara-acara seperti ini banyak juga dikemukakan. Bila kita membawa masuk artis-artis luar yang membawa budaya-budaya kuning ke dalam negara, bantahan dibuat tetapi kenapa bantahan yang diberikan oleh pihak yang berkepentingan ini tidak diberikan satu justifikasi dan diberikan justifikasi kepada pihak yang menganjur dan yang hendak buat program ini. Sedangkan dalam konteks, apa impaknya kepada masyarakat?

Jadi perkara seperti ini, saya hendak tanya dari segi hiburan macam mana? Adakah perkara hiburan ini juga termasuk dalam di bawah perhimpunan aman kerana kita lihat perhimpunan ini bukan sahaja terhad kepada politik, ia melibatkan sosial dan ekonomi. Mungkin bagi kita gaji RM800 bukan perkara yang besar sebab kita tidak pernah gaji RM800 tetapi bagi orang yang gajinya RM500, naik kepada RM800, ini perkara besar. Jadi mereka hendak suarakan protes, jadi bila mereka hendak protes, mereka hendak beritahu dan protes ini sebagaimana sebenarnya saya berkenan bila sebut tidak boleh bawa senjata, ini baguslah. Memang kita pun tidak mahu protes bersenjata. Akan tetapi kalau mereka hendak menyatakan dengan mulut, hujah, lawan hujah... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Dalam Quran dah sebut, "*Kalau kamu hendak berbahas, kamu bawa hujah, kalau kamu orang yang benar, hujah lawan hujah.*" Bukan hujah lawan dengan gas pemedih mata atau hujah lawan kayu atau hujah lawan pistol.

Dalam konteks ini, bila kita mengajar rakyat ada perdebatan, di sana ada pembangkang, di sana pencadang. Sepatutnya bila kita berhujah, benarkan mereka berhujah tetapi sebagai pihak yang menjaga keselamatan awam, saya mengharapkan sangat bahawa pihak polis akan bertindak sebagai *mediator*, ...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh bagi laluan?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya minta tidak. Bertindak sebagai wasit yang akan benar-benar menjalankan tugas-tugas keselamatan. Saya masih ingat ketika saya kecil, kalau polis datang dengan motor kita semua hormat. Di kampung kita panggil 'datuk' pada polis, kenapa? Ini kerana kita respek, bila polis datang *insya-Allah* kedua-dua akan dijaga, bukan sebelah pihak. Akan tetapi dalam konteks hari ini, bila saya membesar sebagai seorang manusia di Malaysia pada hari ini, kita lihat untuk kita hendak buat perkara baik pun banyak sangat atur caranya. Dalam konteks ini, disebut bahawa bila hendak buat perkara ini, kena beritahu dalam masa 30 hari. Saya hendak tanya pada pihak kerajaan, apakah justifikasi 30 hari ini diletakkan? Ini tahap paling minimum atau paling maksimum? Oleh kerana apa, kerana kalau untuk perhimpunan yang besar, 30 hari ini tidak padan dan beliau ada sebut bahawa mereka ada lima, enam hari untuk pihak polis teliti balik, dalam masa 12 hari nyatakan keputusan.

Ertinya pihak penganjur hanya tinggal 18 hari untuk buat persediaan sama ada jadi atau tidak jadi. Jadi kenapakah saya hendak tanya di sini, justifikasi kepada perkara 30 hari itu disebut kerana kita kena ingat kita kena bersedia untuk arus gelombang politik baru. Kita mungkin berhadapan tujuh negeri Pakatan Rakyat, tujuh negeri Barisan Nasional. Jadi dalam konteks ini, bagaimana kita hendak menjadi sebuah kerajaan yang stabil kalau kita tidak melihat atau memberikan kuasa yang seimbang kepada pihak yang menjadi pengamal atau pengawal keselamatan ini untuk menjamin keselamatan kedua-dua belah pihak.

Seterusnya mengenai dengan pelajar. Disebut bahawa yang hendak terlibat dalam perhimpunan ini, mereka mesti berusia 21 tahun ke atas. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, bila kita sebut tentang pendidikan. Pendidikan adalah teori campur praktikal. Jikalau kita tidak pernah mengajar pelajar kita bagaimana cara untuk meluahkan perasaan dengan cara yang benar, ini akan menyebabkan mereka tidak tahu. Bila sampai umur 21 tahun, macam mana hendak buat. Oleh sebab kita lihat hari ini kita mengajar anak-anak kita menggunakan segala-galanya menggunakan plastik. Anak-anak kecil kita ajar menggunakan plastik, anak-anak kecil kita ajar jangan turun ke tanah tanpa pakai selipar.

Sedangkan kalau kita lihat di barat hari ini, mereka balik kepada zaman dahulu, mereka boleh berlari tanpa kasut dan mereka sekarang diajar turun ke taman-taman menggunakan tangan dan menyentuh tanah supaya mereka faham apakah secara praktikalnya dunia yang bakal mereka hadapi. Jadi dalam konteks ini, saya bukanlah hendak mengatakan saya menggalakkan pelajar sepuluh tahun buat demo tetapi dalam konteks ini harus diberi ruang, diberi cara bagaimana mereka hendak keluarkan pendapat. Mungkin kerajaan kata hendak buat Parlimen belia, sampai hari ini belum buat lagi. Sekarang ini kalau belia ada tempatnya, kanak-kanak yang kita panggil di bawah 15 tahun ini, mereka juga harus diberikan ruang. Saya hendak tanya pada pihak kerajaan, bagaimanakah ruang ini diberikan kepada mereka supaya kita tidak menyekat pemikiran-pemikiran seperti ini sebagaimana saya telah hujahkan sebelum ini bahawa di negeri, sekarang di UAE, mereka telah mengeluarkan *engineer-engineer* yang berusia 15 tahun. Jadi kita 15 tahun ini, kita tutup semua, jangan fikir politik. Orang 21 tahun terus boleh mengundi.

Ini perkara yang tidak munasabah. Jadi harus diberi juga ruang, diberi juga peluang dan diberi juga cara bagaimana mereka ini boleh mengeluarkan pendapat mereka. Sekarang ini saya hendak tanya juga kepada pihak kerajaan kerana berdasarkan kepada kes-kes melibatkan Bersih, melibatkan kes-kes PPSMI, melibatkan kes bantahan kepada isteri-isteri suami yang ditahan ISA. Kita lihat ada kes-kes yang dilaporkan bahawa mereka tidak sama sekali berhimpun tetapi apabila ada perhimpunan, orang yang berdekatan diasak oleh sesetengah orang, tiba-tiba mereka sampai ke sana lalu mereka dituduh terlibat dalam perhimpunan. Jadi dalam konteks ini, bagaimana beban pembuktian ini dapat kita jadikan satu justifikasi yang betul sebab kita kena ingat, bila kita luluskan rang undang-undang sebegini pada hari ini, implikasinya cukup banyak.

Sebagai contoh tadi disebut bahawa masjid, tempat ibadat tidak boleh dibuat sebagai tempat perhimpunan, tempat larangan tetapi akhir-akhir ini kita lihat cabaran banyak berlaku membabitkan isu-isu keagamaan.

Isu-isu keagamaan ini kadang-kadang isu-isu yang cukup sensitif. Apabila cukup sensitif, bagaimana kerajaan menangani masalah ini. Kita lihat kalau berlaku, takkanlah kita hendak tunggu lepas 30 hari baru kita boleh protes. Apabila orang hina Hudud, orang hina solat, orang hina zakat, kita kena tunggu 30 hari, minta dulu dengan polis, sabar dulu. Jikalau hendak berhimpun, tidak boleh berhimpun di masjid, kena cari jauh dari masjid, masuk dalam sawah kerana kita hendak menjaga ini adalah rang undang-undang yang ditetapkan oleh perhimpunan aman.

Jadi ini satu perkara yang saya rasa tidak munasabah. Kita perlu ada sensitiviti tetapi saya mahu kalau perhimpunan seperti ini ada, ia dikawal oleh pihak polis. Ini bagus, dikawal oleh pihak polis kerana mereka bertugas untuk jaga keselamatan. Akan tetapi berilah ruang yang munasabah kerana banyak isu yang berlaku, banyak rang undang-undang yang tiba-tiba dinaikkan yang perlu kepada suara rakyat.

Kadang-kadang diluluskan dalam masa dua minggu, jadi ini perlu kepada tindakan segera. Jadi perkara-perkara seperti ini saya pohon 30 hari ini bukanlah waktu muktamad dan kalau seboleh-bolehnya undang-undang ini patut ditangguhkan terlebih dahulu supaya kita melihat dulu seperti dari negara-negara lain kerana kita tidak mahu kita dianggap terkebelakang dari segi menghujahkan atau memotivasikan sebagaimana cara rakyat untuk menyatakan pandangan mereka kerana biasanya orang yang bijak ini, mereka akan protes dan mereka akan berikan kritikan yang lebih baik.

Kemudian berkaitan dengan seksyen 4(1) dan (2). Apabila sebut tentang protes jalanan. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah takrifan penuh kepada protes jalanan. Bagaimanakah bentuk persetujuan ini akan didefinisikan. Adakah dengan lima orang berhimpun, dalam konteks ini disebut dengan sengaja tetapi bagaimana kita hendak membuktikan kesengajaan itu? Adakah kesengajaan itu kena ada satu surat ataupun bila mereka berhimpun, mereka buat di jalan menyatakan bantahan, tiba-tiba ambil manila kad dan menyatakan bantahan, mereka akan ditangkap kerana dianggap sengaja. Bagaimana dalam konteks ini disebut perkataan merekrut kanak-kanak. Beliau ada disebut merekrut kanak-kanak ini, saya ingat macam keadaan tentera.

Adakah apabila seorang ibu yang hendak protes tentang harga barang naik, melibatkan susu anaknya sendiri yang terpaksa mendukung anak, ibu ini dianggap merekrut anaknya yang terlibat dalam perhimpunan aman. Adakah kita hendak menyatakan bahawa mana-mana ibu, mana-mana bapa, mana-mana ibu bapa ataupun penjaga yang ada anak di bawah mereka, mereka harus tinggalkan di satu tempat semata-mata hendak mengatakan protes. Dalam konteks ini, banyak isu bukan hanya melibatkan orang tua. Perkara ini saya nampak tidak praktikal kecuali ada melibatkan senjata. Dalam konteks ini, kita tidak mahu senjata, kita menolak perkara-perkara yang melibatkan permusuhan, kebencian, itu kita tidak mahu.

Kemudian, dari segi kawalan trafik di bawah seksyen 913 menyebut bahawa sekiranya ada perhimpunan melibatkan pengebumian ataupun perarakan, perhimpunan keagamaan, pihak yang memerlukan boleh meminta bantuan untuk menyelenggarakan kawalan trafik atau orang ramai meminta bantuan sedemikian. Saya hendak tanya hari ini, berapa banyakkah setakat ini yang pihak polis dah terima permohonan dan telah pun layan permohonan-permohonan untuk kawalan trafik melibatkan perarakan pengebumian ataupun perhimpunan keagamaan yang telah dibuat sehingga perkara ini perlu dimasukkan sebab saya tahu banyak tugas polis.

Jadi kalau semua perkara seperti ini pun hendak dimasukkan perarakan, pengebumian, kalau mati, satu Parlimen, kadang-kadang sepuluh orang sehari mati, macam mana, bagaimana pertimbangan hendak dibuat report polis. Saya rasa perkara ini tidak dinyatakan begini pun tidak apa.

Polis boleh mengawal tetapi untuk kes-kes yang melibatkan kematian pemimpin negara, itu mungkin boleh tetapi tidak untuk perkara-perkara yang bila disebut begini, perarakan, pengebumian, semua orang boleh minta dan polis kena *entertain*.

■1640

So, dalam konteks ini, bagaimana pihak polis sebagai pegawai yang menjaga daerah hendak *entertain* semua perkara sebegini, tidak perlu saya rasa perkara ini dimasukkan dalam akta kita pada hari ini. Berkaitan dengan bagaimana cara – hari ini saya hendak tanya juga, bila disebut di bawah seksyen 23, polis boleh merakam apa-apa bentuk rakaman tentang perhimpunan. Dalam konteks perhimpunan BERSIH 2.0, rakaman oleh *Al-Jazeera*, lain bentuknya, rakaman oleh rakyat, lain bentuknya. Rakaman yang dikemukakan oleh pihak polis, lain bentuknya. So, dalam konteks ini, apa maksud polis boleh merakam dalam apa-apa bentuk. Adakah ini bermaksud polis boleh sunting, polis boleh edit atau apa yang dimaksudkan dengan begini? Sebab saya rasa patutnya terus *refer* kepada pembuktian di bawah *Evidence Act*. Kenapa tiba-tiba maksudkan begini. Apa, apakah rasionalnya atau justifikasinya kita maksudkan perkara begini sebab kita tidak mahu tiba-tiba tiga, empat, lima, enam rakaman yang berbeza di tempat yang sama.

Jadi, sepatutnya perkara ini perlu baik, kalau kita sudah ada akta induk berkaitan dengan *Evidence Act*, *refer* pada *Evidence Act*. Tidak perlu kita cerakinkan ia dalam bentuk begini. Kadang-kadang ia lebih menyebabkan kita pening. Bila juga disebut tentang aduan ataupun tindakan sekiranya pihak yang berkepentingan itu mengadu. Apakah yang akan menjadi satu justifikasi bagi pihak polis untuk menolak atau terima sebab kita lihat hari ini aduan itu macam-macam. Kalau di pihak yang negeri diperintah oleh Pakatan Rakyat, aduannya lain, kepentingannya lain. Pihak yang diperintah oleh Barisan Nasional aduannya lain.

Jadi, dalam konteks ini justifikasinya bagaimana. Adakah semua perkara ini perlu kita bawa dan kenapakah dalam akta ini dengan jelasnya dalam rang undang-undang ini, dengan jelas menyebut tidak mahu langsung protes jalanan sedangkan hari ini kita lihat banyak perkara-perkara lain sebagai contohnya yang melibatkan berbasikal. Kita boleh buat melalui jalan raya, tidak ada masalah pun. Jadi, kita melihat kalau ada kawalan pihak polis, kalau melibatkan jalan pun, kalau jalan itu boleh dilalui, kalau perkara itu melibatkan ada kepentingan rakyat, selagi tidak menimbulkan sebarang perkara yang menyebabkan rusuhan atau melibatkan senjata, saya minta pihak kerajaan pertimbangkan.

Seboleh-bolehnya kita tangguhkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman pada hari ini kerana kita hendak beri ruang kepada rakyat untuk menyatakan protes. Ini kerana hari ini protes rakyat ini kita bukan hanya boleh lihat dengan mereka nyatakan dengan mulut, mereka nyatakan dengan badan tetapi kita boleh lihat melalui saluran-saluran *website* dan *internet*. Kita lihat banyak bantahan-bantahan ini telah dibuat. Jadi, kalau bantahan itu kita buat, mereka tidak ada tindakan.

Bagaimana lagi cara mereka hendak nyatakan perkara ini sebab saya rasa sekarang ini mungkin pihak Barisan Nasional tidak nampak perkara ini. Banyak yang kita alami di negeri Kelantan, bila disebut sekarang ini kita sudah ada rakan daripada Pakatan Rakyat, ada Barisan Nasional.

Kami di Kelantan yang pada pagi tadi baru sahaja dirungkaikan daripada Proklamasi Darurat. Di Kelantan 50 tahun merdeka, kami tidak ada lebu raya. Di Kelantan 50 tahun merdeka, kami tidak ada lapangan terbang antarabangsa. Di Kelantan 50 tahun merdeka, kami tidak ada pelabuhan. Di Kelantan 50 tahun merdeka, kami tidak ada IPTA yang siap. Sedangkan pernah rakyat Kelantan memberikan 22 kerusi kepada Barisan Nasional untuk bantu rakyat Kelantan. Jadi, dalam konteks ini, bagaimana cara untuk mereka meluahkan cita rasa mereka, hasrat mereka. Adakah mereka ini didera kerana mereka menyatakan hasrat mereka? So, dalam konteks ini, saya minta sebelum kita luluskan rang undang-undang sebab sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, dia hendak jawab dengan Allah SWT, saya pun hendak jawab dengan Allah SWT. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

4.43 ptg.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini sebagai jalan penyelesaian tohmahan dan tuduhan sesetengah golongan bahawa kerajaan tidak membenarkan sebarang perhimpunan diadakan dan amalan demokrasi telah terhakis di negara kita.

Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan amalan demokrasi berperlembagaan sejak mencapai kemerdekaan tahun 1957 lagi telah menyaksikan pelbagai perhimpunan diadakan malah ada yang diadakan di kawasan terbuka dan tumpuan awam selain tidak memiliki permit ataupun lesen. Namun, pihak PDRM dan pihak berkuasa yang lain tidak pernah bertindak ganas dan sentiasa bertindak mengikut lunas-lunas undang-undang yang termaktub dalam Perlembagaan kita, mengenainya.

Dengan wujudnya rang undang-undang ini, saya berharap ia dapat diterima baik semua pihak lapisan masyarakat dan sebagai permit perhimpunan selepas ini perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Sekali gus ini bagi menangkis tohmahan sesetengah pihak bahawa akta ini bersifat mencegah atau melarang sama sekali sebarang perhimpunan di negara ini.

Ingin saya katakan dan tegaskan di sini, akta ini tidak pernah berniat menghapuskan sama sekali bentuk perhimpunan malah kebenaran bakal diberikan jika penganjur menepati syarat dan panduan perhimpunan.

Saya ingin memberi dua perhimpunan yang tidak sah dan perhimpunan aman. Tidak sah ini, boleh kata haramlah. Perkataan haram kasar sangat, kita guna perhimpunan yang tidak sah. Saya ambil dua contoh. Pertama, kita lihat perhimpunan BERSIH 2007 dan BERSIH 2011 yang baru-baru ini dijalankan memperdayakan orang awam. Sudah tentu pihak berkuasa terpaksa mengambil tindakan kerana keadaan di luar kawalan. Apabila gas pemedih mata disemburkan kerana enggan bersurai, PDRM pula dituduh kejam. Kedua, lihat pula perhimpunan membantah gejala murtad yang diadakan di Stadium Shah Alam secara tertutup, secara berhemah malah ada ahli majlis berkuasa Kerajaan Negeri Selangor sendiri turut serta memberi ucapan, semuanya berjalan lancar dan aman. Tidak berlaku apa-apa kejadian yang tidak diingini.

Memetik laporan akhbar baru-baru ini, bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir turut menyokong rang undang-undang ini untuk turut kejayaan mengawal perhimpunan sebenarnya dan tidak menjadi kejadian yang tidak diingini. Contohnya perhimpunan di jalan raya dan tempat awam bakal menjejaskan ekonomi setempat ataupun mengganggu perniagaan di samping isu sosial seperti kesesakan lalu lintas, jalan raya dan sebagainya. Beliau berpandangan ia tidak lagi relevan sekiranya berlaku apa-apa yang tidak diingini.

Izinkan saya menyentuh beberapa definisi fasal yang termaktub di dalam rang undang-undang ini. Soalnya definisi aman itu sendiri, apa maksud aman bagi kementerian? *Level of volume*, tanpa *speaker haler* suara tidak boleh didengar dalam jarak tertentu. Kedua, definisi had umur penganjur dan had umur peserta 21 tahun dan 16 tahun terlalu muda dan mentah untuk turut melibatkan diri dalam perhimpunan seperti ini. Saya khuatir mahasiswa bakal terlibat walaupun ada Akta AUKU yang menyekat mereka nampaknya hanya bertentangan dengan Akta AUKU.

Bagi pihak penganjur, perlu di *submit* gambar atau MyKad sekiranya berlaku sesuatu, mudah dicari dan mudah mendapat maklumat. Temu duga juga perlu dilakukan oleh PDRM ke atas penganjur. Soalan-soalan yang khusus perlu disoal seperti jumlah peserta, motif, masa yang diperlukan. Ketegasan pihak berkuasa meluluskan perhimpunan ini di masa – hanya tujuan tertentu sahaja dibenarkan bukannya tujuan remeh dan menjurus ke atas provokasi kerajaan dan ketenteraman awam. Contohnya wang pertaruhan ataupun deposit perlu diambil bagi permohonan yang berskala besar dan penjamin perlu diadakan.

Had umur 18 tahun, maksimum perlu 60 tahun supaya tidak perlu tua dan khuatir berlaku kejadian sakit jantung dan sebagainya. Orang OKU serta wanita hamil perlu disekat sama sekali.

Fasal 6 - jika penganjur menimbulkan huru-hara kesalahan, perlu digam pada masa hadapan. Ada seorang penganjur BERSIH telah beberapa kali membantah arahan polis malah berterusan membuat kenyataan akhbar dan memproteskan. Orang seperti ini perlu digam dan tidak lagi perlu diberi lesen dan permit untuk menganjur apa-apa jua perhimpunan.

Aspek lain seperti kebersihan, kerosakan alatan dan kemudahan awam perlu diganti dan dikenakan denda yang sepatutnya. Jika berlaku beberapa perhimpunan serentak, perlu diperhatikan ia tidak *overlap* dan mengganggu perhimpunan yang satu lagi. Contohnya, jarak perhimpunan antara perhimpunan tidak boleh dalam jarak yang dekat atau jarak yang nampak penglihatan biasa.

■1650

Fasal 6 - aktiviti keagamaan. Jika berlaku besar, perlu dipantau. Contohnya aktiviti ceramah, jika ia bertopengkan agama tetapi penceramah inilah ialah ahli politik dan diadakan di kawasan terbuka, perlu dipantau. Saya menyokong Jabatan Agama Islam Selangor yang bertindak tegas ke atas penceramah yang berceramah tanpa tauliah kerana kadangkala mereka ini bukan berceramah agama tetapi ceramah politik dan memburukkan kerajaan. Juga, serbuan Jabatan Agama Islam Selangor ke Damansara Utama Komuniti yang disyaki mengadakan perhimpunan dengan tujuan memurtadkan segolongan orang Islam. Walaupun tertutup, tetapi niat mereka terpesong.

Fasal 12 – saya mohon menjelaskan fasal ini dengan membuat cabutan jika berlaku permohonan dalam masa yang sama, bagaimanakah kaedah ataupun cabutan jika ada unsur-unsur penyalahgunaan kuasa dalam sektor ini?

Fasal 21 – saya mohon menjelaskan kuasa polis yang munasabah semasa menyuraikan perhimpunan kerana dalam keadaan kelam-kabut dikhuatiri berikutan tohmahan bahawa polis menyalahgunakan kuasa. Contohnya, kes tunjuk perasaan BERSIH 2.0 di Hospital Tong Shin, Jalan Bukit Bintang yang mana polis dituduh menyembur gas pemedih mata ke arah para penunjuk perasaan. Ini perlu diberikan perhatian. Walaupun sudah ada lapan ataupun laporan jawatankuasa kesihatan di Alam Damai Kementerian Kesihatan Malaysia yang mendapati tidak berlaku tembakan pemedih mata oleh anggota polis di dalam kawasan Hospital Tong Shin ketika perhimpunan di ibu negara pada 9 Julai yang lalu.

Fasal 24 – bagaimanakah pemantauan, bagaimana status media propembangkang dan media antarabangsa yang sering kali membuat laporan berat sebelah? Bagaimanakah jika ada disebarikan melalui YouTube dan blog pembangkang juga antarabangsa? Bagaimanakah jika berlaku perkara ini dalam negara? Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Seperti Tuan Yang di-Pertua telah maklum, ada yang membuat hujahan yang begitu hebat dan dengan begitu penuh perasaan dan juga yang begitu berhemah dan juga berkualiti.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui kementerian di bawah jagaan saya sentiasa mengambil berat pandangan, nasihat, teguran dan juga kritikan daripada semua pihak dalam perkara ini.

Walau bagaimanapun, saya akan hanya menjawab isu-isu ataupun soalan yang relevan yang telah dibangkitkan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin telah pun meminta penjelasan mengenai tempoh pemberitahuan perhimpunan iaitu mengapakah tempoh sepuluh hari ditetapkan bagi penganjur memberitahu mengenai perhimpunan yang akan diadakan. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah pun membandingkan negara-negara lain yang menetapkan tempoh yang agak kurang.

Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini telah pun dipinda dalam peringkat jawatankuasa semasa perbahasan bacaan kali kedua di Dewan Rakyat untuk menggantikan notis 30 hari kepada sepuluh hari. Pindaan itu adalah pindaan kerajaan dan telah pun disokong penuh oleh semua Ahli Parlimen di Dewan Rakyat.

Dalam menggubal rang undang-undang ini, kerajaan sedia maklum bahawa undang-undang sedia ada di negara-negara lain memperuntukkan tempoh masa yang berbeza-beza mengenai notis perhimpunan yang perlu diberikan kepada pihak berkuasa. Contohnya di negara United Kingdom, enam hari diberikan manakala di Malta, 48 jam, di Moldova, lima hari dan di Queensland, enam hari. Suka juga dimaklumkan bahawa di Northern Island, rang undang-undang *Public Assemblies Parade and Protest* menetapkan tempoh 37 hari untuk memberikan notis kepada pihak berkuasa.

Jadi, tohmahan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang berhujah tadi yang mengatakan tiada negara yang mengambil lebih daripada sepuluh hari adalah tidak benar dan tidak betul. *Research* yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Senator adalah tidak benar. Dengan meneliti tempoh-tempoh yang dinyatakan di atas...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan ya.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa saya tidak pernah menyatakan tidak ada negara yang lebih daripada sepuluh hari. Ini barangkali salah dengar ataupun hanya bayangan-bayangan sendiri sahaja. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, saya memang mendengar dengan jelas apa Yang Berhormat telah pun katakan dalam hujahan. Jadi, mungkin Yang Berhormat tidak mengikut teks tetapi itulah yang saya dengar yang mana Yang Berhormat telah pun mengatakan tiada negara yang menggunakan tempoh sepuluh hari. Walau bagaimanapun, saya rasa Hansard itu daripada Dewan ini akan menjadi bukti. Sekiranya saya ada kesilapan, saya minta maaf daripada Yang Berhormat Senator.

Akan tetapi dengan meneliti tempoh-tempoh yang dinyatakan tadi, tiada tempoh masa yang boleh dianggap munasabah atau ideal bagi pengemukaan notis perhimpunan. Malahan, garis panduan yang dirujuk iaitu *OSCE Guidelines on Freedom of Peaceful Assembly* dengan jelas memberikan budi bicara kepada sesuatu negara untuk menetapkan tempoh masa yang munasabah. Paragraf 4.1 telah pun mengatakan dengan izin, "*The period of notice should not be unnecessary lengthy, but should still allow adequate time for the relevant state authorities to make the necessary plans and preparations to satisfy the positive obligations*".

Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, fasal 9(1) hendaklah dibaca bersama dengan fasal 14 bahawa, "*Apabila polis menerima notis pemberitahuan perhimpunan daripada penganjur, polis perlu memberikan respons dalam masa lima hari sahaja dan sekiranya polis gagal untuk memberikan respons terhadap pemberitahuan, perhimpunan itu hendaklah diteruskan*". Dalam masa lima hari ini, perkara-perkara berikut hendaklah dilakukan:

- (i) perjumpaan pihak polis dengan penganjur sebaik sahaja diberitahu tentang perhimpunan yang akan diadakan seperti yang diperuntukkan dalam fasal 13;
- (ii) PDRM iaitu pihak polis untuk memaklumkan kepada orang yang mempunyai kepentingan dalam tempoh 24 jam;

- (iii) orang-orang yang mempunyai kepentingan memaklumkan sebarang kebimbangan atau bantahan terhadap perhimpunan kepada pihak polis dalam tempoh 48 jam; dan
- (iv) peluang kepada penganjur yang terkilan untuk merayu dalam tempoh 48 jam terhadap sebarang sekatan atau syarat yang diberikan oleh polis.

Sebab utama kita menetapkan sepuluh hari ialah hanya kerana ingin memberikan peluang kepada penganjur untuk membuat rayuan terhadap sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak polis.

Sehubungan dengan itu, kerajaan berpendapat tempoh masa sepuluh hari wajar kerana kerajaan mengambil kira beberapa perkara seperti elemen memohon kebenaran melalui lesen telah dikeluarkan daripada undang-undang ini. Tambahan lain, mana-mana orang yang berhimpun di tempat yang ditetapkan ataupun *designated place of assembly*, tidak memerlukan pemberitahuan dibuat kepada polis langsung.

Ini adalah penting Tuan Yang di-Pertua, yang mana sekiranya ada tempat yang telah pun ditetapkan *designated place of assembly*, pemberitahuan tidak perlu dibuat langsung oleh pihak yang ingin berhimpun. Oleh itu, sekiranya mana-mana orang yang tidak mahu menunggu sepuluh hari untuk membuat perhimpunan, bolehlah pergi ke *designated place of assembly*. Ahli-ahli Yang Berhormat telah dikaburi oleh tafsiran yang tidak tepat mengenai rang undang-undang ini sedangkan rang undang-undang ini memudahkan perhimpunan dibuat.

■1700

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat Yusop juga bertanya kuasa polis yang perlu diberikan sepenuhnya dalam menguatkuasakan akta ini dan agensi-agensi lain seperti RELA dan polis sukarelawan simpanan dan juga PVR perlu membantu pihak polis dalam melaksanakan akta ini. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak berkuasa yang akan menguatkuasakan akta ini ialah pihak polis. Polis mempunyai anggota yang mencukupi untuk menguatkuasakan akta ini. Cadangan ini boleh diambil perhatian oleh pihak polis yang memerlukan bantuan sekiranya memerlukan bantuan yang lain.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat Yusop juga menyoal supaya kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah tidak dibenarkan berhimpun bersama-sama dengan mereka kerana mereka bersama dengan orang dewasa kerana mereka yang di bawah umur ini masih lagi bersekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, sesiapa yang berumur di bawah 21 tahun tidak boleh menganjurkan perhimpunan. Had umur 21 tahun ditetapkan bagi penganjur perhimpunan kerana kerajaan dengan mengambil kira tanggungjawab yang besar yang ditetapkan terhadap penganjur. Had umur ini juga ditetapkan berdasarkan satu lagi hak yang diberikan kepada rakyat Malaysia iaitu hak untuk mengundi pada usia 21 tahun. Rang undang-undang ini memperuntukkan kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah tidak boleh berhimpun, melainkan untuk perkara yang dikecualikan di bawah Jadual Kedua rang undang-undang. Ketetapan ini dibuat selaras dengan prinsip, "*The best interest of the child and involving capacity of the child*" dan selaras dengan *Convention on the Rights of the Child*.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat Yusop juga bertanya bagaimanakah hak majoriti rakyat yang tidak ingin terlibat dalam perhimpunan dapat dilindungi dan perlukah masa perhimpunan dihadkan dan juga penyebaran poster, pamflet dan juga akhbar-akhbar perlu dipantau. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bahawa rang undang-undang ini menetapkan salah satu prinsip yang diambil kira ialah kebimbangan antara hak penganjur dan juga peserta perhimpunan dengan hak orang lain yang tidak terlibat. Prinsip ini selaras dengan patuhan Perlembagaan Persekutuan serta norma-norma yang ditetapkan di bawah undang-undang antarabangsa.

Tuan Haji Ahamat Yusop juga mencadangkan untuk menambahkan tempat larangan untuk berhimpun. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa sekarang kerajaan mendapati tempat larangan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama memadai.

Jika dilihat kepada takrif tempat larangan dalam rang undang-undang ini, tempat larangan termasuklah tempat atau kawasan larangan di bawah Akta 298, jadi senarai tempat larangan adalah amat luas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop dan juga Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanya rakaman di bawah fasal 23. Untuk makluman Yang Berhormat, rakaman yang dimaksudkan termasuklah mengambil video dan juga fotografi dan video termasuklah audio dan juga visual.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini adalah salah satu perkara yang dicadangkan dalam perenggan 169 Garis Panduan Perhimpunan Aman yang disediakan oleh *Organization on Security and Cooperation in the Europe* (OACA) yang memperuntukkan rakaman gambar dan video tidak boleh dilarang. Rakaman gambar serta video itu kelak dapat membantu dalam menentukan bahawa perhimpunan telah berjalan secara lancar dan teratur serta aman.

Akta Keterangan tiada yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mengenai Akta Keterangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Keterangan tiada kena mengena dengan rakaman di bawah rang undang-undang ini. Akta Keterangan mengawal selia penerimaan keterangan di dalam mahkamah ataupun dengan izin, *the admissibility of evidence in court*. Kita tidak dapat menafikan bahawa Tuan Yang di-Pertua, rakaman video ataupun seperti rakaman CCTV dapat membantu kita untuk melihat apa yang sebenarnya berlaku selepas kejadian berlaku mungkin sehari ataupun dua sebelum itu.

Di negara ataupun bandar besar seperti London ataupun Birmingham di United Kingdom, kita boleh lihat di situ banyak CCTV yang telah pun diletakkan di *underground*, di jalan raya dan di sekitar tempat untuk merakamkan kehidupan seharian rakyat dan sekiranya ada apa-apa yang berlaku, pihak berkenaan sepertinya polis boleh melihat daripada rakaman CCTV dan menentukan apa yang sebenarnya berlaku.

Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, Tuan Yang di-Pertua, telah pun mencadangkan supaya polis diberikan kuasa tangkap tanpa waran dalam undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, fasal 20 rang undang-undang telah memperuntukkan kuasa kepada pegawai polis tangkap tanpa waran sekiranya penganjur atau peserta enggan mematuhi mana-mana sekatan atau syarat-syarat di bawah seksyen 15, memiliki senjata ataupun membawa kanak-kanak ke suatu perhimpunan selain daripada perhimpunan yang telah pun dibenarkan dalam Jadual Kedua.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga menyoal adakah rang undang-undang ini mengatasi Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan? Untuk makluman Yang Berhormat, inti pati penting rang undang-undang ini ialah untuk memberi nafas '*breath life*' dengan izin kepada Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan elemen-elemen pelaksanaan berkaitan dengan kebebasan perhimpunan secara aman.

Hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata yang diperuntukkan oleh Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan bukanlah mutlak atau *absolute* dengan izin, kerana Perlembagaan Persekutuan *envisage* ataupun membenarkan sekatan dibuat.

Perkara 10 memperuntukkan, *subject to clauses (2), (3), (4)* dengan izin, "*all citizen have the right to assemble peacefully and without harm*", and Perkara 10(2) mengatakan, "*Parliament may by law enforce on the right confer by paragraph*". Article 10(2)(b) "*on the right conferred by paragraph (b) of Clause (1), such restriction is a deems necessary or experience in the interest of security of the federation or any part there of public order.*"

Jadi dengan izin Tuan Yang di-Pertua, keselamatan negara ataupun persekutuan adalah pertimbangan utama dalam perkara ini dan kerajaan tidak akan *compromise* keselamatan negara dengan apa-apa sahaja kerana ini melibatkan keselamatan semua warga yang tinggal di negara ini. Ada juga Yang Berhormat Senator telah pun mendedahkan bahawa ada kedai yang untung daripada tunjuk perasaan tadi dan ini saya rasa adalah tidak benar.

Ini kerana saya sendiri telah pun menerima aduan daripada pekedai-pekedai di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan daripada pihak SOGO di mana saya telah pun dimaklumkan bahawa telah pun menjadi tumpuan perhimpunan apabila ada demonstrasi ataupun tunjuk perasaan sejak tahun 1999.

■1710

Jadi Sogo dan juga pekedai-pekedai di situ telah pun rugi dengan wang jutaan ringgit dan juga mereka telahpun kehilangan keuntungan. Jadi siapa yang bertanggungjawab atas kerugian yang dialami oleh mereka. Itulah soalnya yang sering ditanya oleh pekedai-pekedai yang telah pun menutup kedai apabila berlakunya demonstrasi ataupun tunjuk perasan di tempat-tempat tertentu di Kuala Lumpur ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin juga bertanya mengenai persoalan bahawa rang undang-undang ini lebih teruk daripada Akta Polis 1967. Untuk makluman Yang Berhormat Senator perkara ini tidak benar sama sekali. Jika ini dilihat di bawah Akta Polis, seksyen 27 menghendaki lesen dipohon terlebih dahulu daripada pegawai yang menjaga daerah polis sebelum mengadakan perhimpunan. Polis mempunyai kuasa untuk enggan memberikan lesen dan mempunyai kuasa membatalkan lesen atas sebab keselamatan dan juga mengganggu keamanan, *the interest of the security of Malaysia and to excite a disturbance of the peace*, dengan izin.

Polis juga mempunyai kuasa untuk enggan memberikan lesen kepada organisasi yang tidak berdaftar atau diiktiraf selainnya di bawah mana-mana undang-undang di Malaysia. Permohonan untuk lesen perlu dibuat oleh organisasi atau secara bersama oleh tiga orang atau lebih. Polis juga mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan lesen sekiranya permohonan untuk perhimpunan dibuat oleh individu sedangkan perhimpunan itu adalah bagi pihak organisasi.

Di bawah seksyen 27, Akta Polis 1967 itu polis mempunyai kuasa untuk menghentikan perhimpunan jika tiada lesen dikeluarkan atau lesen telah dibatalkan atau jika penganjur telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan dalam lesen. Polis mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan untuk menyuraikan perhimpunan *to order for disposal of assembly*, dengan izin, yang tidak mempunyai lesen dan mempunyai kuasa untuk menahan tanpa waran.

Di bawah seksyen 27 ini terdapat hukuman pemenjaraan. Manakala di bawah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 tiada keperluan untuk memperoleh lesen sebelum mengadakan perhimpunan. Penganjur perhimpunan hanya perlu memaklumkan mengenai perhimpunan. Pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk mengatakan tidak terhadap mana-mana perhimpunan yang akan diadakan. Ia hanya boleh mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat. Terdapat juga pengecualian daripada memaklumkan iaitu apabila perhimpunan itu merupakan perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan *designated place of assembly* yang saya katakan tadi dan perhimpunan yang dinyatakan di dalam jadual ketiga iaitu perhimpunan keagamaan, perarakan pengebumian, majlis perkahwinan, perhimpunan keluarga dan selainnya. Ini semua tidak perlu notifikasi kepada pihak polis.

Di bawah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 pihak polis boleh menahan tanpa waran dan mengeluarkan arahan supaya perhimpunan itu bersurai dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja bukannya seperti di bawah seksyen 27 sedia ada iaitu menangkap tanpa waran atau mengarahkan penguraian perhimpunan yang diadakan tanpa lesen. Di bawah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman juga tiada hukuman pemenjaraan. Tidak boleh dipenjarakan hanya didenda dengan wang sekiranya terdapat kelonggaran ataupun tidak mematuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh pihak polis.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga menyatakan kenapakah akta ini memerlukan kuasa yang begitu luas kepada polis di bawah fasal 8 untuk mengambil apa-apa langkah yang difikirkan perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur. Untuk makluman Yang Berhormat Senator pihak polis mempunyai tanggungjawab utama untuk memudahkan perhimpunan diadakan selaras dengan matlamat rang undang-undang ini. Ini juga selaras dengan tugas polis untuk menguatkuasakan apa-apa Undang-undang Persekutuan untuk menjaga keselamatan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga menyoal bahawa rang undang-undang ini tidak demokratik seperti yang dikatakan oleh *United Nations* (UN). Untuk maklumat Yang Berhormat Senator dalam menggubal rang undang-undang ini kajian terperinci telah dibuat terhadap Perlembagaan Persekutuan, instrumen antarabangsa dan juga undang-undang negara lain yang terbaik ataupun dikenali dengan izin, *the best practices*. Jadi tuduhan rang undang-undang ini tidak demokratik adalah tidak berasas sama sekali. Perlu disebutkan bahawa pihak terbabit di *United Nations* telah membuat tuduhan yang didapati tidak tepat dan salah dari segi fakta.

Antara fakta yang salah ialah dikatakan mereka yang berumur 21 tahun ke bawah tidak dibenarkan menyertai perhimpunan. Tuduhan ini tidak benar sama sekali. Ini menunjukkan pihak terbabit *United Nations* ataupun PBB tidak membaca rang undang-undang ini dengan sepenuhnya dan hanya membuat tuduhan tanpa periksa. Juga dikatakan rang undang-undang ini tidak membenarkan media membuat akses. Ini sememangnya tidak betul kerana fasal 24 dengan jelasnya memberi media akses. Jelas pihak terbabit di PBB ini tidak membaca dengan teliti rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga menyatakan bahawa ada pihak polis yang kacau selepas perhimpunan tersebut dan ini telah pun menyebabkan sekatan jalan raya, polis kacau, tembak gas dan *water cannon* dan sebagainya. Ini adalah tindakan untuk maklumat Yang Berhormat Senator sekiranya kita lihat dengan tindakan Yang Berhormat daripada Yang Berhormat daripada Batu iaitu Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chiang @ Tian Chua di mana kita dapat lihat dengan jelasnya dalam rakaman video di mana Yang Berhormat dari Batu ini pula yang menyerang dan juga yang memprovokasi pihak polis dan kita tidaklah boleh mengatakan bahawa polis yang memprovokasi ataupun menyerang peserta-peserta pada perhimpunan BERSIH yang baru-baru ini.

Jadi saya rasa tuduhan yang dibuat oleh beberapa ahli Senator yang mengatakan polis tidak bertanggungjawab dan telah pun menyekat jalan raya semua itu adalah tidak betul. Itulah kebanyakannya rakaman Tuan Yang di-Pertua rakaman video di mana kita dapat lihat dengan jelas bukti Yang Berhormat mengatakan pihak-pihak tertentu yang telah pun mengambil tindakan yang mengganggu keselamatan pada masa perhimpunan dan yang telah memprovokasi pihak polis untuk bertindak, untuk menjaga bukan sahaja keselamatan anggota polis sendiri tetapi keselamatan rakyat yang tinggal di situ dan juga harta benda di situ daripada dibakar ataupun dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi kita janganlah memperkecilkan tanggungjawab pihak yang berkuasa terutamanya PDRM polis telah mengawal keselamatan negara kita ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Azian Osman juga telah pun membangkitkan dengan pematuhan secara sukarela sebelum polis melaksanakan kuasa menangkap di bawah fasal 20 ini. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, Yang Berhormat Senator, dalam menggubal undang-undang negara ini, *best practices* di negara-negara luar telah pun diambil kira.

Jadi peruntukan ini bermaksud pihak polis hendaklah menggunakan kuasa menangkap sebagai *the last resort*, dengan izin. Pihak polis hendaklah memberi amaran ataupun teguran terlebih dahulu sekiranya orang yang terlibat dalam perhimpunan membuat kacau ataupun membuatkan perhimpunan menjadi tidak aman. *Video clip* yang kita dapat lihat yang melibatkan Ahli Parlimen Batu itu Tuan Yang di-Pertua jelaslah menunjukkan bahawa merekalah yang membuatkan kekecohan dan juga menyebabkan perhimpunan menjadi tidak aman. Itu lah matlamat mereka hanya hendak menyebabkan perhimpunan itu tidak aman...

■1720

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Supaya mereka dapat publisiti dan terutama daripada antarabangsa *especially doors from the international media* yang suka mengamalkan semua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Tunggu sebentar ya Yang Berhormat saya hendak jelaskan dahulu.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya mohon penjelasan tentang video termasuk video yang ditayangkan di perbicaraan SUHAKAM kerana ini tuduhan terus tindak balas balik dengan fakta. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjelaskan tentang video yang ditayangkan semasa perbicaraan SUHAKAM yang jelas menunjukkan provokasi dan serangan pihak polis terhadap mereka yang berhimpun secara aman dan ketetapan yang dikeluarkan oleh SUHAKAM tentang sikap dan tindakan polis menyerang secara membabi buta tanpa menghiraukan keselamatan orang ramai.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya hanya menyentuh dengan kelakuan melibatkan Ahli Parlimen Batu yang menjelaskan menunjuk Ahli Parlimen tersebut telah pun menyerang dan juga memprovokasi pihak polis dan menyuruh mereka yang bersama-sama dengan dia menyerang pihak polis. Lain saya tidak akan sentuh kerana buat setakat ini fakta itu tidak yang mengenai perhimpunan yang dikatakan video rakaman itu saya ambil maklum, saya hanya menjawab apa yang telah pun dilakukan oleh pihak Yang Berhormat Batu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat peruntukan ini juga diambil daripada *First Amendment Assembly Acts* daripada *United States*. Selain itu satu garis panduan akan dirangka bagi membantu pihak polis melaksanakan tugasnya di bawah rang undang-undang ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah pun mencadangkan supaya larangan menyertai perhimpunan aman diluaskan kepada orang kelainan upaya, orang tua dan juga ibu mengandung. Untuk makluman Yang Berhormat kerajaan tidak ada cadangan untuk melarang orang kelainan upaya, orang tua dan juga ibu mengandung daripada menyertai perhimpunan. Sebagai warga negara mereka mempunyai hak di bawah perlembagaan untuk berhimpun. Jika mereka dilarang berhimpun akan timbul diskriminasi mengikut Perkara 8, Perlembagaan. *That is equality before the law.* Fasal 6(2)(g) rang undang-undang ini meletakkan tanggungjawab kepada penganjur untuk memastikan perhimpunan tidak membahayakan kesihatan, keselamatan golongan yang disebutkan ataupun yang mengikut perhimpunan tersebut.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan telah pun menyoal mengenai rasional bagi peruntukan mengenai tempat larangan di bawah rang undang-undang ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah rang undang-undang ini tempat larangan diiktiraf sebagai tempat atau kawasan yang diiktiraf sebagai kawasan atau tempat larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959, Akta 298 khususnya seksyen 4, dan seksyen 5, Akta 298. Tempat-tempat yang disenaraikan di bawah jadual pertama.

Berdasarkan peruntukan Akta 298 maka adalah wajar dimasukkan tempat larangan dan juga kawasan larangan ke dalam takrif tempat larangan sebagai perhimpunan. Pergerakan dan juga kelakuan seseorang di dalam tempat dan kawasan ini perlu di kawal agar tidak mengakibatkan perkara-perkara yang tidak diingini. Rasional peruntukan ini ialah bagi memastikan perhimpunan yang ingin diadakan tidak memberikan kesan mudarat kepada tempat larangan. Bagi tempat-tempat yang dinyatakan dalam jadual pertama, tempat-tempat tersebut dimasukkan dengan mengambil kira sensitiviti dan juga kepentingan tempat-tempat tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli telah pun membangkitkan mengenai rujukan ataupun konsentrasi yang tidak dibuat kepada Majlis Peguam dan juga SUHAKAM dalam menggubal rang undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dalam menggubal rang undang-undang ini kerajaan telah mengadakan *consultation* dengan pihak-pihak tertentu seperti SUHAKAM, pengamal undang-undang termasuklah Majlis Peguam serta ahli-ahli akademik.

Selain daripada itu bahawa Yang Berhormat Senator Tuan Saiful juga telah pun menuduh bahawa pandangan rakyat yang terbanyak ini tidak diambil kira.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa pandangan rakyat terbanyak ini boleh ditujukan kepada wakil rakyat yang mereka telah pilih untuk menjadi wakil rakyat mereka sebagai Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri. Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Rakyat terlebih dahulu masa rang undang-undang ini dibentangkan semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pakatan pembangkang telah pun mengambil keputusan tidak melibatkan dalam perbahasan rang undang-undang ini.

Jadi mereka telah pun membuat keputusan keluar beramai-ramai dan juga telah pun mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai Ahli Parlimen dengan tidak menjalankan tugas yang telah pun diamanahkan oleh rakyat kepada mereka. Jadi kelakuan ahli-ahli pakatan ini daripada pihak pakatan pembangkang hanya memuaskan nafsu politik mereka dan juga telah pun merugikan rakyat kerana mereka telah pun dipilih oleh rakyat. Mereka telah pun tidak mengambil peluang untuk memberi pandangan mereka melalui sidang Dewan yang ada di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa pembentangan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini dibentangkan di Dewan Rakyat, saya rasa mungkin kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri agak kurang tepat. Oleh kerana semasa dibentangkan di Dewan Rakyat pihak SUHAKAM dan pihak Majlis Peguam telah mengeluarkan kenyataan membantah dan menegur perkara-perkara yang berkenaan dengan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011.

Saya rasa mungkin pihak pejabat Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih arif tentang perkara itu. Oleh kerana jelas Pesuruhjaya SUHAKAM menegur tindakan kerajaan pertama tergesa-gesa membentangkan Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Kedua tidak melakukan rujukan yang lebih komprehensif berkenaan tentang peruntukan-peruntukan yang dibuat di bawah Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini. Begitu juga dengan *Bar Council* yang telah memberikan cadangan alternatif kepada Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pandangan tersebut. Akan tetapi fakta utama yang Senator sedia terima ialah pihak SUHAKAM dan juga pihak Majlis Peguam telah diberi peluang untuk bersama-sama dengan pihak AG *Chambers* di mana mereka telah pun berjumpa dan selama dua jam saya difahamkan dan mereka telah pun diberikan taklimat mengenai perkara ini.

Masalahnya sama ada mereka faham dengan berapa dalam isu-isu tertentu itu terpulung kepada mereka. *That is number one*. Akan tetapi yang kedua, Majlis Peguam dan juga SUHAKAM mereka bukan Ahli Parlimen. Jadi sekiranya mereka ada pandangan mengenai sesuatu akta yang mereka tidak puas hati mereka boleh memberikan pandangan mereka kepada Ahli-ahli Parlimen mereka di kawasan yang berkenaan.

■1730

Di sini saya telah pun diberikan satu memorandum daripada Majlis Peguam dan memorandum tersebut telah pun diberikan kepada semua Ahli-ahli Dewan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat agaknya belum selesai lagi bukan, *you* punya...

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir lepas ini Yang Berhormat, *you* jalan sahaja, teruskan secepat mungkin Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Okey, terima kasih tetapi kenyataannya ialah bahawa mereka, terutamanya rakyat yang boleh memberikan pandangan melalui Ahli-ahli Parlimen mereka.

Termasuk juga kumpulan seperti Majlis Peguam dan juga SUHAKAM. Itu sahajalah yang saya rasa kesal bahawa pihak Ahli Parlimen daripada pembangkang itu telah pun mengambil keputusan keluar daripada Dewan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī telah pun menyoal sekatan dan juga syarat oleh pihak polis yang ketat. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan adalah tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi keselamatan Persekutuan termasuk perlindungan hak dan juga kebebasan orang lain.

Sesuatu perhimpunan tidak akan disekat selagi mana pihak penganjur dan juga peserta menjalankan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di bawah rang undang-undang ini. Selain itu pihak polis hanya boleh mengenakan apa-apa sekatan-sekatan dan syarat-syarat jika terdapat ancaman terhadap keselamatan negara atau ketenteraman awam termasuk hak dan juga kebebasan orang lain. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Sekiranya ada isu-isu ataupun soalan yang tidak sempat dijawab oleh saya, saya pastikan bahawa isu-isu itu akan dimaklumkan kepada pihak kementerian dan pegawai akan memberikan jawapan kepada pihak yang berkenaan. Dengan itu saya ucapkan sekian terima kasih sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencelah sedikit. Saya mohon agar di bawah Peraturan 45, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara. Undian diadakan secara berbelah bahagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana kita ini demokrasi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua saya bantah, bangkang. Buang masa sahaja. Undi pun dia kalah! Buat apa kalah, buang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat. Kita ini, Dewan ada peraturan ya. Kita patuh pada...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tahulah tetapi buang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Masa itu emas!

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bahawa saya mengambil kira dan proses demokrasi dan peraturan ada tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, fikirkanlah konsep demokrasi dan *majority principle*. Tengoklah nanti, dengan itu saya – kerana sudah bangun ada dibangkitkan tadi maka Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab..., ada penyokong tidak?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Kalau begitu saya – Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab lebih daripada lapan orang, adakah semua bersetuju? Berapa orang yang hendak? Adakah Yang Berhormat mewakili lapan-lapan? Bangun, saya hendak tengok lapan-lapan orang ini.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya mewakili yang lapan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itu sebabnya tadi. Kalau semua lapan-lapan itu, Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab lebih daripada lapan orang bangun diminta diadakan Belah Bahagian. Maka mengikut Peraturan Mesyuarat 45(4), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Yang di-Pertua: Undian dijalankan sekarang.

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1740

5.42 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya mengumumkan keputusan.

Ahli-ahli yang bersetuju 39 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju 8 orang... *[Tepuk]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bercakap sedikit? Saya hendak rakamkan takziah kepada pembangkang... *[Ketawa]* Ini contoh buang masa, membazir. Takziah!

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 2) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.46 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang bernama Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 2011 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009. Rang undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah pencukaian yang diumumkan dalam Bajet 2012 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal di dalam rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai 39 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut-

Bab I – Permulaan. Dalam bab permulaan terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan (No. 2) 2011.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009.

Bab II – Pindaan Kepada Akta Cukai Pendapatan 1967

Bab II yang terdiri daripada 26 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 28 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Kesemua pindaan kepada akta mempunyai tarikh kuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 dan tahun-tahun taksiran berikutnya kecuali:

- (a) seksyen 5 mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016;
- (b) seksyen 8, 13, 14, 16, 17, 20 dan 22 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2012;
- (c) seksyen 10 mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021;
- (d) seksyen 21 berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2013;

■1750

- (e) seksyen 15, 18 dan 19 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasa akta ini;
- (f) seksyen 23 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya pindaan kepada seksyen 6A Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1955 (akta 533); dan
- (g) perenggan 26 (b) disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 seperti berikut:

- (a) meminda subseksyen 2(1) untuk memasukkan Skim Persaraan Swasta sebagai skim diluluskan dan seterusnya memasukkan definisi skim tersebut;
- (b) meminda subseksyen 2(8) untuk menggantikan perkataan *or the Labuan Offshore Financial Services Authority* kepada *Labuan Financial Services Authority Or The Malaysia Coorporative Society Commission*.

Pindaan ini bertujuan untuk memberi layanan cukai saksama dengan memperluaskan layanan cukai ke atas skim pembiayaan berasaskan prinsip syariah yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan kepada skim pembiayaan berasaskan prinsip syariah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperatif Malaysia.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 6 bagi melanjutkan tempoh kadar cukai 10 peratus ke atas pendapatan yang diagihkan oleh Amanah Pelaburan Hartanah atau *Real Estate Investment Trust (REIT's)* kepada pemegang unit amanah selain daripada syarikat pemastautin dan institusi pelabur asing untuk lima tahun lagi mulai tahun taksiran 2012.

Fasal 6 bertujuan meminda perenggan 6A(2)(c) bagi membenarkan rebat sebanyak RM400 ke atas individual yang diluluskan di bawah Program Kekurangan Pakar atau *Returning Expert Program* yang mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM35 ribu.

Fasal 7 bertujuan meminda perenggan 34B(4) untuk menetapkan kelayakan potongan cukai dua kali ke atas bayaran bagi kegiatan atau perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan di bawah seksyen 34B yang hanya diberi kepada kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan oleh mana-mana syarikat penyelidikan dan pembangunan yang diluluskan oleh agensi yang bertanggungjawab.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 39 bagi menetapkan bahawa pembayar cukai yang mana mendapat pengecualian cukai pendapatan yang sepenuhnya yang gagal membuat potongan cukai pegangan ke atas bayaran kepada bukan pemastautin adalah tidak tertakluk kepada peruntukan semasa yang menambahbaikkan amaun tuntutan perbelanjaan tersebut.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 45 bagi menjelaskan bahawa pembayar cukai individual yang memilih membuat tafsiran bersama dibenarkan mengemukakan borang penyata cukai pendapatan sebelum 30 April atau 30 Jun seperti mana diperuntukkan di bawah seksyen 77(1).

Fasal 10 yang meminda seksyen 49(1)(a)(b) serta 49(1A)(a)(b) dan memasukkan subseksyen baru 49(1D) dan 49(1E) bertujuan menyediakan pelepasan cukai baru sehingga RM3,000 ke atas bayaran premium anuiti tertunggak (*reference annuity*). Pelepasan cukai ini dikongsi bersama dengan caruman ke dalam skim persaraan swasta;

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 54A bagi mengecualikan 70 peratus pendapatan statutori perkapalan dan baki 30 peratus adalah jumlah pendapatan yang dikenakan cukai;

Fasal 12 bertujuan menggantikan subseksyen 60(10A) dengan peruntukan baru yang mengkhususkan kerugian semasa dana hayat atau kerugian yang tidak dapat diserap hanya boleh ditolak daripada pendapatan berkanun dana hayat sahaja. Peruntukan baru subseksyen 60(10D) juga dimasukkan bagi menyatakan bahawa kerugian dana hayat tidak boleh digunakan bagi mengurangkan pendapatan dana insurans yang lain dan sebaliknya;

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 67 dengan memasukkan subseksyen baru (4)(4A) untuk membenarkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri mengeluarkan arahan kepada pihak ketiga yang mempunyai sejumlah wang yang perlu dibayar kepada pembayar cukai supaya meremitkan wang tersebut kepada LHDN bagi menyelesaikan cukai tertunggak bagi pihak pembayar cukai.

Fasal 14 - dipotong.

Fasal 15 - dipotong dan digantikan dengan fasal 15 baru bertujuan meminda seksyen 81 bagi meluaskan maksud pemberian maklumat dan dokumen berkaitan cukai pendapatan yang berada dalam pegangan pembayar cukai termasuklah maklumat yang berada dalam kawalan.

Fasal 16 bertujuan memasukkan subseksyen baru 83A bagi mewajibkan syarikat yang membuat bayaran dalam bentuk tunai atau bukan tunai kepada ejen pengedar atau pembekal melaporkan jumlah barang tersebut di dalam borang yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Fasal 17 bertujuan meminda subseksyen 97A(1) untuk memberi ruang kepada pembayar cukai yang tidak mempunyai pendapatan bercukai daripada punca perniagaan tetapi mempunyai pendapatan bercukai daripada punca yang lain untuk mengemukakan rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan terhadap isu-isu yang berbangkit daripada punca perniagaan tersebut.

Fasal 18 - dipotong.

Fasal 19 - dipotong.

Fasal 20 bertujuan meminda subseksyen 109E(4) bagi membolehkan layanan cukai yang saksama kepada pengendali takaful di mana kenaikan bersamaan 10 peratus akan dikenakan atas jumlah cukai pegangan yang masih belum dibayar dan bukannya atas jumlah pendapatan yang tertakluk kepada cukai pegangan;

Fasal 21 bertujuan memasukkan subseksyen 111D baru bagi membolehkan pampasan dibayar kepada pembayar cukai ke atas kelewatan Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membuat pembayaran balik cukai terlebih dibayar dalam tempoh yang ditetapkan di mana BNCP dikemukakan kerap kali tempoh. Walau bagaimanapun, sekiranya jumlah bayaran pampasan dibayar secara salah atau tidak sepatutnya disebabkan oleh penyata yang tidak betul (*incorrect return*), bayaran pampasan yang dibayar akan dikutip semula bersama kenaikan sebanyak 10 peratus ke atas jumlah pampasan yang tidak sepatutnya dibayar;

Fasal 22 bertujuan meminda subseksyen 120 bagi mengenakan hukuman ke atas kegagalan pembayar cukai menyediakan dan mengemukakan salinan borang yang ditetapkan kepada ejen atau pengedar atau pengagihnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 83A(1);

Fasal 23 bertujuan meminda seksyen 134(1A),134(2) dan memasukkan subseksyen baru (1B). Pindaan ini bertujuan memperuntukkan bahawa Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif LHDN yang dilantik di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995 adalah juga Timbalan Ketua Pengarah LHDN bagi maksud Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 24 bertujuan memasukkan Bahagian XIV ke dalam Jadual kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana pendapatan pengajian individual bermastautin diluluskan di bawah Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Program* dikenakan cukai pada kadar 15 peratus.

Fasal 25 bertujuan meminda perenggan 5, Jadual 4B bagi memotong Perkara 4A yang telah dimansuhkan melalui Akta Kewangan 2005 mulai tahun taksiran 2006.

Fasal 26 adalah untuk jadual 7A seperti berikut:

- (a) meminda proviso kepada perenggan 3 iaitu untuk mengurangkan kadar potongan elaun pelaburan semula daripada 100 peratus kepada 70 peratus bagi kawasan yang digalakkan (Sabah, Sarawak, Labuan, Perlis dan koridor timur Semenanjung Malaysia);
- (b) meminda perenggan 7(d) dan (e) bagi menjelaskan bahawa syarikat yang telah diberikan kelulusan bagi elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan tempoh perlepasan cukai ini belum tamat di bawah apa galakan pelaburan 1968 atau layak mendapat kredit cukai pelaburan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 atau diberikan kelulusan untuk aktiviti pengilangan atau produk pembuatan tidak layak untuk menuntut elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 di dalam tempoh asal yang sama;

■1800

- (c) meminda perenggan sembilan dengan memasukkan tarikh *factory*, syarikat layak untuk menuntut elaun pelaburan semula di atas perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas bangunan atau perluasan kepada bangunan tersebut yang digunakan bagi tujuan projek yang layak jika digunakan untuk mendapatkan dan memasang loji atau jentera atau menyimpan apa-apa bahan mentah atau apa-apa bahan sebelum ia dijual. Walau bagaimanapun tiga bahagian bangunan atau perluasan untuk menyimpan bahan mentah, barang atau bahan bahagian bangunan atau perluasan yang dikenakan untuk penyimpanan mestilah tidak melebihi 1/10 daripada jumlah ruang lantai bangunan atau perluasan tersebut.

Fasal 27 dan 28 adalah peruntukan pengecualian dan pengalihan bagi memperjelaskan lain-lain cukai bagi kapal Malaysia berhubung mana-mana elaun dan kerugian dan dasar yang tidak dapat diserapkan dalam tahun taksiran 2011 akan diagihkan dalam tahun taksiran 2012 berdasarkan formula yang telah ditetapkan. Mana-mana elaun dan kerugian larasan yang tidak dapat diserap di dalam tahun taksiran 2012 hendaklah dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan larasan bagi tahun taksiran 2013 dan tahun-tahun taksiran berikutnya dari kapal yang sama.

Bab III, pindaan kepada Akta Setem 1949, bab ketiga yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 29 hingga 32 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949, pindaan-pindaan adalah seperti berikut:

- (i) fasal 29 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai rang undang-undang ini dikuatkuasakan;
- (ii) fasal 30 bertujuan meminda seksyen 9 bagi memberi kuasa kepada Bursa Malaysia untuk pengkompaunkan bayaran di atas duti setem ke atas surat cara borang, had layanan saham;
- (iii) fasal 31 bertujuan meminda jadual pertama untuk mengeluarkan semua perkataan '*Malayan Railway*' kerana telah diswastakan dan menjadikan Keretapi Tanah Melayu Berhad;
- (iv) fasal 32 bertujuan meminda jadual kedua untuk menjelaskan jenis-jenis dokumen di dalam Akta Setem 1949 dengan Akta Imigresen 1959 dan 63 dan memberikan kuasa kepada pegawai imigresen untuk membatalkan setem pelekat ke atas surat cara berhubung mana-mana bon yang dikeluarkan di bawah Akta Imigresen 1959 dan 63 dan juga surat cara kontrak pekerjaan yang dikeluarkan kepada jabatan imigresen.

Bab IV, pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab keempat yang terdiri daripada beberapa fasal iaitu fasal 33 dan 34 bertujuan meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) fasal 33 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai tahun tafsiran 2012; dan
- (ii) fasal 34 bertujuan meminda jadual kedua untuk memperluaskan layanan cukai bagi pelupusan dan harta tanah yang dibuat mengikut skim pembiayaan menepati prinsip syariah yang diluluskan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk meliputi juga pembiayaan seumpamanya yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Bab V pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab kelima mempunyai tiga fasal iaitu fasal 35, 35(a) dan 36 yang bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 atau LVATA. Pindaan-pindaan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) fasal 35 bertujuan menyatakan pindaan ke atas akta tersebut berkuat kuasa mulai 28 Januari 2011; dan
- (ii) fasal 35(a) dan Fasal 36 bertujuan untuk meminda seksyen 22 dan 22A LVATA bagi membolehkan Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri meminta maklumat daripada mana-mana orang dan untuk memberikan penzahiran maklumat berhubung dengan perjanjian pertukaran maklumat, pencukaian yang ingin dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan kerajaan lain.

Bab VI pindaan kepada Akta Kewangan 2009. Bab keenam mempunyai dua fasal yang bertujuan meminda Akta Kewangan 2009 untuk melanjutkan tempoh gerakan cukai sehingga lima tahun lagi ke atas pendapatan daripada REITs seperti berikut:

- (i) fasal 37 bertujuan menetapkan pindaan ke atas akta ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016; dan
- (ii) fasal 38 bertujuan meminda subseksyen 3(5) untuk menggantikan tempoh tamat gerakan cukai ke atas REITs iaitu 31 Disember 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Setem 1949, Akta Cukai Keuntungan Tanah 1976, Akta Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Kewangan 2009 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal 1 hingga 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat Bersidang semula

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2011**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011. Pindaan ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (Akta 533) untuk:

- (i) mewujudkan jawatan baru Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM di bawah seksyen 6(a); dan
- (ii) memasukkan seksyen baru 10(b) yang memberi fungsi tambahan kepada Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 memperuntukkan seperti berikut:

- (i) Fasal 2 untuk meminda seksyen 6(a) Akta 533 untuk mewujudkan jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Subseksyen baru 1(a) memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik dua atau lebih Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif selepas berunding dengan Ketua Pegawai Eksekutif. Dalam keadaan Ketua Pegawai Eksekutif buat sementara waktu tidak dapat menjalankan tugas, Menteri hendaklah atas soal Lembaga melantik salah seorang daripada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif untuk menjalankan tugas-tugas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dalam tempoh ketidakdayaan itu; dan
- (ii) Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10(b) untuk membenarkan Lembaga melaksanakan mana-mana fungsi tambahan sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Menteri termasuklah pengurusan wang dan pembayaran wang itu kepada mana-mana orang.

Saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2011 seperti yang dijelaskan sebentar tadi diluluskan oleh Dewan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

6.15 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk bahas dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, bil yang dicadangkan adalah pindaan kepada *Inland Revenue Board of Malaysia Act 1995* yang mana memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik dua atau lebih Timbalan Ketua Eksekutif sebagai Timbalan kepada Ketua Eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang rakyat sedia maklum sekarang, masalah yang dihadapi oleh kerajaan adalah satu *blotted civil service* dan isunya adalah sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri memerlukan dua atau lebih Timbalan Ketua Eksekutif.

Seperti kerajaan sedia maklum, nisbah atau ratio pegawai kerajaan berbanding dengan penduduk di Malaysia adalah tinggi dan nisbahnya ialah lebih kurang 4.68 di Malaysia berbanding dengan 1.5 di Singapura, 1.78 di Indonesia, 1.85 di Korea Selatan, dan 2.06 di Thailand.

Jadi ini satu perancangan yang harus dibuat supaya nisbah ini dapat dikurangkan dan tindakan positif perlu dibuat untuk mengurangkan penjawat awam di dalam perkhidmatan kerajaan, ini pun dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dengan itu, pandangan saya, *two or more Deputy Chief Executive Officers* adalah amat tidak diperlukan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa satu lagi pindaan kepada akta sedang dipohon dengan mengadakan satu seksyen baru 10(b) di mana ada satu seksyen yang baru yang memberi kuasa yang sangat-sangat luas kepada Menteri Kewangan untuk mengagihkan dana kepada sesiapa sahaja di atas budi bicara Menteri. Kuasa macam ini akan memberi '*unaffected discretion*' kepada Menteri Kewangan. Oleh itu, saya cadangkan bahawa maksud atau *purpose*, dengan izin, untuk kegunaan dana seharusnya diperjelaskan di dalam pindaan ini supaya pindaan ini tidak digunakan dengan sia-sia oleh sesiapa juga.

Dengan adanya maksud ternyata di dalam seksyen 10(b) ini, maka kesemua pihak adalah dilindungi termasuk Menteri Kewangan sendiri. *Discretion in the power* di tangan seorang tidak sihat di demokrasi yang bertanggungjawab, dengan itu saya mohon tidak menyokong pindaan kepada akta ini dengan memasukkan seksyen baru 10(b), kerana seksyen baru ini boleh digunakan sebagai satu alat yang *subject to abuse by the Minister*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah.

6.18 ptg.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pindaan ini kepada Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri ada menyentuh dua perkara. Pertama berhubung dengan pelantikan Timbalan Ketua Eksekutif. Saya kurang faham kerana hari ini, kalau mengikut struktur organisasi Lembaga Hasil Dalam Negeri sendiri, kita sudah empat *Deputy CEO* ataupun Timbalan Ketua Eksekutif, struktur yang sedia ada. Adakah pindaan hari ini bagi memudahkan pelantikan yang telah dibuat, itu yang pertamanya. Kedua, adakah pentingnya bagi kita mengukirkan bahawa lembaga boleh melantik sekurang-kurangnya dua dan tidak mensyaratkan berapa maksimumnya.

Ini macam *open ended clause* di situ, dengan izin. Untuk kepada seksyen baru 10(b), saya rasa pihak Menteri boleh terangkan dahulu, kerana ini satu klausa yang memberi kuasa yang besar kepada Lembaga, *too wide*. Jadi, elok bagi sebagai satu panduan kepada kami, sedikit garis panduan tentang apa maksud sebenarnya kepada mana-mana orang. Terima kasih.

■1820

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila jawab Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah dan juga Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah yang telah membangkitkan isu mengenai lantikan Timbalan Ketua Eksekutif. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri, kita ada seorang Ketua Pengarah dan tiga timbalan Ketua Pengarah. Untuk selaras dengan lembaga yang buat masa ini hanya ada seorang Ketua Eksekutif dan tidak ada timbalan. Kita hendak selaraskan dengan jawatan mereka. Oleh itu, kita lantik, kita membuat pindaan ini...

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Mohon mencelah.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Supaya Ketua Pengarah boleh jadikan... eksekutif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta laluan.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat bermaksud hari ini di Lembaga Hasil tidak ada Timbalan Ketua Eksekutif? Jadi, kalau saya tengok dalam struktur organisasi sekarang, empat orang ini apa dia? Satu untuk pengurusan, satu untuk dasar, satu untuk operasi dan satu lagi untuk peraturan. Ada empat orang itu, saya boleh namakan.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Kita mesti pinda akta ini supaya mereka boleh lantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif. Buat masa ini mereka hanya Timbalan Ketua Pengarah. Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah ada bangkitkan isu pegawai kerajaan adalah angkanya besar. Ini bukan di bawah Kementerian Kewangan dan di akta ini.

Kedua-dua Yang Berhormat pun ada bangkitkan isu pindaan 10(b) iaitu satu peruntukan yang memberi kuasa, kelebihan kepada Menteri.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pindaan 10(b) adalah satu peruntukan iaitu satu program yang dinyatakan dalam peruntukan dan juga ialah untuk merujuk kepada bantuan kewangan RM500. Peruntukan undang-undang memberi kuasa kepada Lembaga Hasil melaksanakan program tersebut dan ini memang adalah untuk spesifik yang saya telah jelaskan tadi iaitu peruntukan oleh kerajaan sahaja. Bukan oleh Menteri Kewangan. Sekian.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Pohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah: Sebab saya sebagai pembayar cukai kadang-kadang saya pun keliru sebab kita ada seorang Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah tetapi di samping itu kita ada empat Timbalan Ketua Pengarah tetapi kita tidak ada timbalan CEO ataupun Ketua Eksekutif. Jadi, sekiranya kalau tidak ada Ketua Pengarah, timbalan Ketua Pengarah boleh memangku. Bezanya hanya bila tiada CEO kita tidak ada *deputy* CEO. Jadi, dalam dua jawatan yang ada hari ini, dalam dua *position* yang ada hari ini dengan izin, apakah perbezaannya antara tanggungjawab seorang Ketua Pengarah dengan seorang CEO, apa yang membezakannya? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeed. Memang tanggungjawab seorang Ketua Pengarah untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri memang tanggungjawab adalah seorang CEO dalam organisasi. Buat masa ini seperti yang saya katakan tadi Timbalan Ketua Pengarah bukanlah Timbalan Ketua Eksekutif. Oleh itu kita membuat pindaan ini adalah untuk tujuan itu supaya kalau CEO yang tidak dapat menjalankan tugas, kita boleh lantik antara seorang timbalan CEO menjalankan tugas CEO.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit *confuse* dengan jawapan Timbalan Menteri. Minta maaf. Saya hendak penerangan, adakah tugas-tugas Timbalan CEO dengan Timbalan Pengarah ini berlainan. Setahu saya di dalam mana-mana pejabat kerajaan dia ada Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah. Jadi, di lembaga ini ada Ketua Pengarah, ada Ketua CEO atau CEO dan Timbalan CEO. Seolah-olah Yang Berhormat memberitahu kita bahawa tugasnya berlainan. Kalau berlainan apakah bezanya di antara tugas Timbalan Ketua Pengarah dengan tugas Timbalan CEO. Dengan izin, *is it duplicated?* Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim. Seperti yang saya katakan tadi buat masa ini di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri, cadangan bagi melantik Timbalan Ketua Pengarah sebab buat masa ini hanya ada Ketua Eksekutif sahaja. Tidak ada timbalan dalam Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Oleh itu, kita hendak lantik di bawah Akta Cukai Pendapatan 1997 berfungsi sebagai Timbalan Ketua Eksekutif dari Timbalan Ketua Pengarah bagi menjalankan tugas seharian dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1830

RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Datuk Heng Sei Kie: Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 iaitu suatu akta meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga Pindaan 2011 ini telah dibahaskan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 Oktober 2011. Seterusnya, rang undang-undang ini akan dibacakan untuk kali kedua di Dewan yang mulia ini.

Dengan pindaan akta ini, mangsa keganasan rumah tangga di negara ini terutama wanita tidak perlu lagi merasa takut untuk bertindak sekiranya mereka dikasari oleh pelaku keganasan rumah tangga sama ada oleh suami ataupun isteri atau pun ahli keluarga. Kerajaan telah bersetuju supaya Akta Keganasan Rumah Tangga (Akta 521) dipinda bagi memberikan perlindungan undang-undang yang lebih berkesan kepada mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita dan kanak-kanak.

Sebagai kementerian yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terus menggiatkan usaha untuk memastikan semua ahli keluarga dapat menikmati kehidupan yang harmoni dan tenteram. Ini kerana keluarga adalah merupakan tulang pembangunan negara.

Akta Keganasan Rumah Tangga (Akta 521) telah digubal untuk memberikan perlindungan undang-undang kepada mangsa keganasan rumah tangga melalui perintah perlindungan yang dikeluarkan oleh pihak mahkamah. Akta ini diwujudkan berdasarkan falsafah untuk membendung kecenderungan menggunakan keganasan rumah tangga sebagai cara untuk menyelesaikan masalah dalam keluarga dan sebagai medium untuk mangsa mendapatkan perlindungan apabila keganasan diperlakukan ke atas dirinya oleh mana-mana ahli keluarganya.

Walaupun semangat akta ini bertujuan memelihara hak dan menjaga maruah golongan wanita, namun, penggubalan Akta 521 tidak sekali-kali bertujuan untuk menggalakkan perceraian. Sebaliknya, perintah perlindungan yang diperuntukkan dalam akta ini dapat memberikan ruang untuk bertenang dengan izin, *cooling-off period* kepada pasangan semasa berlakunya pertelingkahan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dimensi keganasan rumah tangga masa kini semakin mencabar kerana ia tidak lagi terhad kepada keganasan fizikal. Kini, penderaan emosi dan psikologi mempunyai implikasi yang negatif terhadap mangsa. Ia harus dikategorikan sebagai sebahagian daripada keganasan.

Justeru, kementerian mengambil inisiatif untuk meminda akta ini bagi memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga supaya turut merangkumi penderaan emosi, mental dan psikologi. Selain itu, keganasan terhadap mangsa juga terjadi melalui pihak ketiga. Dengan itu, pindaan akta ini juga telah mengambil kira isu-isu keganasan yang dilakukan oleh pihak yang ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, pindaan akta ini meliputi 18 fasal utama. Fasal 3 pindaan akta menyatakan dengan khusus bahawa peruntukan Akta 521 hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan keganasan rumah tangga. Pada masa ini, akta ini hanya dibaca bersama dengan peruntukan Kanun Keseksaan sahaja. Keganasan rumah tangga yang berlaku pada masa ini bukan sahaja dilakukan oleh ahli keluarga tetapi turut melibatkan pihak ketiga.

Sehubungan itu, fasal 5 pindaan akta ini turut melarang pelaku keganasan rumah tangga yang menerima perintah mahkamah daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 juga memperuntukkan cara perintah perlindungan interim boleh diminta dan terhenti berkuat kuasa.

Dalam fasal 7 pula pindaan baru turut menjamin perlindungan menyeluruh kepada mangsa terutama dari aspek keselamatan dengan memasukkan larangan tambahan kepada pelaku keganasan rumah tangga daripada menghampiri atau memasuki tempat berlindung atau tempat selamat yang tidak dinyatakan dalam akta sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 8 bertujuan meminda seksyen 7 Akta 521 untuk mewajibkan mahkamah melampirkan waran tangkap bersama dengan perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan. Ia juga bertujuan untuk membolehkan seseorang pegawai polis menangkap tanpa waran pelaku keganasan rumah tangga.

Fasal 9 pula bertujuan untuk memperluaskan tuntutan pampasan kepada mangsa keganasan rumah tangga untuk membolehkan mangsa keganasan rumah tangga membuat tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi termasuklah kecederaan emosi yang dialami.

Fasal 12 telah memasukkan seksyen baru 12A dan 12B dalam akta. Peruntukan asal hanya membenarkan mangsa sendiri untuk membuat permohonan *Interim Protection Order*, dengan izin. Peruntukan baru ini diwujudkan bagi membolehkan permohonan untuk mendapatkan IPO iaitu *Interim Protection Order*, dengan izin, boleh dibuat melalui permohonan sebelah pihak sahaja, sama ada oleh pemohon, peguam pemohon atau seorang pegawai kebajikan bagi pihak pemohon.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pindaan baru ini melindungi mangsa keganasan rumah tangga, hak pelaku keganasan juga tidak dinafikan.

Seksyen 12B memperuntukkan sekiranya pelaku keganasan rumah tangga tidak berpuas hati, maka mereka boleh membuat rayuan memohon supaya IPO diketepikan oleh mahkamah dalam masa 14 hari daripada tarikh perintah itu disampaikan.

Fasal 13 pindaan yang baru ini pula turut memudahkan urusan mendapatkan perintah perlindungan sama ada IPO ataupun *Protection Order* (PO).

Seksyen 14 dipinda bagi membenarkan permohonan IPO atau PO difailkan di mana-mana mahkamah tanpa mengira wilayah bidang kuasa mahkamah itu berada. Ini memudahkan pemohon mendapatkan bantuan undang-undang-undang. Oleh yang demikian, mahkamah dikehendaki mendengar permohonan itu secepat mungkin.

Fasal 16 juga bertujuan untuk memudahkan proses penyampaian salinan perintah kepada pesalah. Pindaan seksyen 17 membenarkan mana-mana pegawai polis di mana pesalah tinggal tidak terhad kepada polis yang bertanggungjawab bagi daerah polis itu sahaja menyampaikan salinan perintah kepada pesalah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 17, Akta 521 juga bertujuan untuk membenarkan supaya mahkamah lebih fleksibel dalam menetapkan mana-mana pegawai mahkamah dan tidak semestinya pendaftar untuk mengeluarkan perintah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 17, Akta 521 sedia ada.

Pindaan ini memudahkan penyampaian perintah perlindungan dan pemfailan bukti penyampaian perintah itu dengan mahkamah oleh pihak polis.

■1840

Fasal 18 pindaan baru ini juga turut memperuntukkan bahawa kesalahan keganasan rumah tangga merupakan satu kesalahan yang boleh ditangkap.

Fasal-fasal lain yang tidak dinyatakan secara khusus adalah merupakan pindaan kecil dan berbangkit. Sehubungan itu, saya menyeru kepada orang ramai supaya tidak teragak-agak untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya menjadi mangsa atau mempunyai maklumat berkaitan kes keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta 521 diyakini memberi keadilan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Di samping itu, pindaan akta ini juga dapat memberi peluang kepada mangsa untuk mendapatkan pembelaan, perlindungan dan perhatian pihak berkuasa yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam memungkinkannya kepada pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ada tiga nama dengan saya sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Seterusnya Yang Berhormat Senator Doris Brodi. Silakan.

6.42 ptg.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah keganasan rumah tangga amat membimbangkan. Kos gejala keganasan rumah tangga adalah *expensive*. Ia bukan hanya membawa keperitan kepada mangsa dan anak-anaknya malah mempunyai implikasi ekonomi di mana mangsa keganasan mungkin kurang produktif di tempat kerja.

Kos sistem sokongan kerajaan akan meningkat seperti perkhidmatan di hospital, guaman, mahkamah, polis, kebajikan untuk menolong mangsa keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga di Malaysia semakin bertambah pada tahun 2008, terdapat 3,769 kes, 2009 – 3,643 kes dan pada 2010 – 3,173 kes.

Memandangkan masalah keganasan rumah tangga memberikan kesan yang tampak kepada masyarakat, maka saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Peguam Negara atas usaha meminda Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga 1994 ini demi menangani masalah keganasan rumah tangga di samping memastikan mangsa keganasan rumah tangga dapat dilindungi dengan lebih berkesan.

Saya ingin menegaskan bahawa meminda rang undang-undang ini adalah amat baik kerana ia meliputi pindaan yang positif dan kebanyakan pindaannya yang akan disenaraikan mencerminkan perubahan yang positif ke arah menolong mangsa keganasan rumah tangga supaya tidak terus dianiaya oleh orang yang melakukan keganasan terhadapnya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, kesalahan keganasan rumah tangga hendaklah disifatkan sebagai satu kesalahan boleh tangkap di tambahan Seksyen 18A. Dengan pindaan ini kesalahan rumah tangga akan dilihat sebagai satu jenayah yang serius dan tidak boleh dilihat secara ringan.

Definisi keganasan rumah tangga diperluaskan dalam seksyen 2(a) penderaan psikologi yang bermaksud kecederaan emosi kepada mangsa kini ditakrifkan sebagai keganasan rumah tangga. Pindaan ini adalah positif memandangkan keganasan rumah tangga turut merangkumi kecederaan bukan fizikal seperti psikologi, sosial, kewangan, seksual selain daripada kecederaan fizikal;

Manakala seksyen 2(b) satu perbuatan atau lebih. Takrif keganasan ini lebih luas dan boleh meliputi satu atau lebih daripada perbuatan yang disenaraikan. Di samping penderaan psikologi, perbuatan menyebabkan mangsa termasuk kanak-kanak mengalami delusi akibat bahan yang memabukkan turut dirangkumi dalam takrif keganasan rumah tangga yang telah diperluaskan.

Ketiga, melarang orang terhadap perintah perlindungan interim daripada menghasut mana-mana pihak lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap mangsa. Dalam tambahan seksyen 43, pindaan ini dapat melindungi mangsa daripada diganggu atau diugut oleh mana-mana pihak lain selain orang yang terhadap perintah perlindungan interim dibuat di mana gangguan atau ugutan oleh pihak ketiga akan turut menyebabkan trauma atau ketakutan ke atas mangsa.

Keempat, ruang lingkup perintah perlindungan diperluas untuk meliputi penyekatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada memasuki tempat selamat dan dilarang menghampiri mana-mana orang yang dilindungi pada jarak sekurang-kurangnya 50 meter atau jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah dalam seksyen 61B. Ruang lingkup perintah perlindungan ini yang telah diperluaskan amat menggalakkan sebagai peruntukan tambahan yang dapat menjamin keselamatan orang yang dilindungi supaya tidak diganggu.

Di samping peruntukan sedia ada dalam Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di mana orang yang terhadapnya perintah itu dibuat dilarang memasuki tempat kediaman sama ada kediaman bersama atau kediaman alternatif, tempat kerja atau sekolah. Institusi lain di mana orang dilindungi ditempatkan atau hubungan diri dengan orang yang dilindungi melainkan dengan kehadiran seorang pegawai penguat kuasa atau seorang lain yang dinyatakan.

Kelima, mangsa keganasan rumah tangga kini boleh memohon perintah perlindungan interim secara *as part* tambahan seksyen 12A. Dengan pindaan ini, proses permohonan untuk perintah perlindungan interim dapat dipermudahkan kerana mangsa keganasan rumah tangga boleh terus membuat permohonan berbanding dengan sebelum pindaan pemohon hendaklah memohon menerusi peguamnya atau pegawai kebajikan bagi pihaknya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak banyak permohonan IPO dibuat. Menurut laporan oleh Pertubuhan Pertolongan Wanita pada tahun 2002, hanya 478 permohonan untuk IPO difasilitasi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2000 berbanding dengan 3,468 laporan polis mengenai kegunaan rumah tangga dibuat untuk tahun yang sama.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, perintah perlindungan interim boleh dimohon di mana-mana setelah bidang kuasa mahkamah diperluaskan yang diganti baru dengan seksyen 14. Pindaan ini memberikan kemudahan kepada mangsa kegunaan rumah tangga memohon perintah perlindungan interim.

Ketujuh penyampai perintah perlindungan boleh dibuat oleh pegawai polis lain di daerah di mana pegawai polis bertanggungjawab menyampaikan perintah kepada pesalah yang gantian dalam seksyen 17(1) dan seksyen 17(2), pindaan ini memberi fleksibiliti kepada penyampaian perintah perlindungan yang boleh memastikan supaya penyampaian perintah perlindungan oleh polis dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Penyampaian perintah perlindungan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dengan penyampaian gantian seperti meninggalkan salinan di alamat terakhir pesalah, salinan perintah ditampal di mahkamah atau apa cara diarahkan oleh mahkamah setelah jumpaan tiga kali oleh pegawai polis yang bertanggungjawab atau mana-mana pegawai dari balai-balai daerah. Penyampaian ganti ini hendaklah dimaklumkan oleh mahkamah kepada pemohon dan dapat dilaksanakan tambahan seksyen 17A. Dengan pindaan ini, mangsa kegunaan juga boleh dapat lebih ketenangan dengan mengetahui status penyampaian dan penyampaian gantian dilaksanakan untuk memastikan bahawa orang terhadap perintah yang dibuat mengetahui bahawa beliau dilarang mengganggu atau melakukan kegunaan terhadap orang yang dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti aspek positif pindaan ini, saya ingin menghuraikan beberapa aspek pindaan yang boleh diperbaiki agar mangsa kegunaan rumah tangga dapat diberi perlindungan yang lebih efektif dan gejala kegunaan rumah tangga dapat dikurangkan.

■1850

Rang undang-undang ini tidak hanya dibaca bersama peruntukan Kanun Keseksaan tetapi dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dalam gantian seksyen 3 ya. Pindaan ini walaupun telah menambah rujukan kepada undang-undang lain tetapi untuk memastikan masalah kegunaan rumah tangga diberi perhatian secara serius, saya ingin mencadangkan Kanun Keseksaan meliputi satu peruntukan yang spesifik untuk mencerminkan isu kegunaan rumah tangga secara lebih komprehensif dan mengambil kira masalah kegunaan rumah tangga bukan hanya meliputi satu insiden kegunaan malahan insiden yang berterusan. Ini kerana rang undang-undang ini tidak menentukan kegunaan rumah tangga sebagai jenayah spesifik yang mempunyai hukumannya tersendiri. Buat masa ini mana-mana perbuatan yang terkandung dalam definisi kegunaan rumah tangga di bawah rang undang-undang ini adalah terikat dengan Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah dan mana-mana undang-undang yang bertulis yang lain.

Mahkamah wajib lampirkan waran tangkap bersama dengan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim jika mahkamah berpuas hati orang yang terhadapnya perintah itu berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal dalam gantian seksyen 7(2). Pindaan ini adalah satu yang positif namun saya mencadangkan supaya waran tangkap wajib dilampirkan sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa kecederaan psikologi akan berlaku pada orang yang dilindungi supaya selaras dengan penambahan definisi kegunaan yang kini meliputi kecederaan psikologi.

Rujukan kepada badan pendamai yang kemudiannya akan membentangkan laporan dalam masa satu bulan dengan cadangannya termasuk terapi, pemulihan psikoterapi atau apa-apa kaunseling pendamaian - gantian seksyen 11(1). Kes keganasan rumah tangga harus dilihat secara serius dan sebagai suatu jenayah. Unsur pendamaian harus diberi pertimbangan yang sewajarnya terutamanya untuk kes keganasan yang berterusan dan ugutan bunuh di mana mangsa mungkin berada dalam keadaan bahaya. Pindaan ini adalah suatu inisiatif yang baik ke arah memperbaiki perundangan sedia ada untuk terus memberi perlindungan kepada mangsa dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan kepada kes keganasan rumah tangga yang biasa dialami oleh seseorang mangsa keganasan rumah tangga. Kita mengetahui bahawa boleh dikatakan 95 peratus atau 97 peratus mangsa keganasan rumah tangga biasanya ialah kaum wanita. Mangsa biasanya kaum wanita kerana kelaziman persepsi bahawa lelaki mempunyai status yang tinggi daripada wanita.

Maka wujudlah persepsi ketidakseimbangan kuasa kerana gender. Kebanyakan mangsa keganasan telah mengalami keganasan secara berturut-turut, bertahun-tahun dan kebanyakan bersabar setahun demi setahun. Ada yang bertahan keganasan kerana faktor anak yang masih kecil, tidak tahu akan haknya, kadang-kadang janji manis suaminya, masih sayang suaminya, suami minta maaf dan janji tidak akan mengulangi perbuatan ganasnya, kes kebergantungan kewangan kerana tidak bekerja setelah berkahwin dan lain-lain.

Biasanya mangsa keganasan rumah tangga mengambil masa untuk keluar untuk mendapatkan bantuan hanya setelah tidak tahan lagi seksaan, sentiasa dipukul, dimaki atau dikurung, seseorang itu baru dia akan membuat keputusan untuk keluar daripada kitaran keganasan. Ada kalanya mangsa akan memberitahu kawan, ada kala ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan kecederaan atau ke polis untuk melaporkan keganasan rumah tangga.

Memandangkan peranan yang dimainkan oleh setiap agensi adalah penting walaupun berlainan, saya ingin mengutarakan soalan berikut untuk mengetahui lebih lanjut keberkesanan rang undang-undang ini sejak pelaksanaannya 15 tahun yang lalu dan keberkesanan agensi sokongan yang disenaraikan dalam rang undang-undang ini untuk memastikan mangsa keganasan diberi perlindungan yang sepatutnya untuk jangka masa yang panjang, gejala keganasan rumah tangga dapat diatasi.

Pertamanya sejak pelaksanaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga pada tahun 1996, berapa permohonan IPO dan perintah perlindungan IPO and PO untuk setiap tahun yang difasilitasikan oleh pegawai kebajikan atau peguam bagi pihak orang yang ingin dilindungi.

Keduanya sejak pelaksanaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga pada tahun 1996, berapakah kes yang dilaporkan kepada polis untuk setiap tahun adalah kesalahan yang tidak boleh tangkap dan dirujuk kepada mahkamah.

Ketiga, kes keganasan rumah tangga adalah amat kompleks. Pindaan untuk rang undang-undang adalah bertujuan untuk melindungi mangsa keganasan dengan lebih efektif dengan mengambil kira tindakan yang bakal diambil orang yang berkelakuan ganas, beberapa peruntukan dipinda atau ditambah termasuk kemungkinan orang yang berkelakuan ganas menghasut orang lain untuk mengganggu orang yang dilindungi IPO atau PO, lazimnya orang yang dituduh tidak akan membiarkan mangsanya terlepas daripada genggamannya begitu sahaja. Maka orang yang dituduh ini mungkin melakukan sesuatu untuk mengugut, menakutkan atau menggunakan kekerasan ke atas mangsanya atau ke atas anak-anaknya atau perbuatan lain seperti membuat tuduhan balasan bahawa orang yang melaporkan keganasan adalah dituduh melakukan keganasan ke atasnya atau anaknya untuk tujuan mengelirukan pihak penguat kuasa dan menunjukkan orang yang dituduh tidak takut akan tuduhan oleh orang yang dilindungi.

Dalam kes di mana orang yang dituduh membuat laporan polis balasan terhadap orang yang membuat laporan terdahulu, apakah prosedur polis sekiranya orang yang dituduh melakukan kesalahan menuduh balik mangsa bahawa mangsa turut berkelakuan ganas sama ada terhadapnya ataupun anak-anaknya.

Dari tahun 1996 sejak pelaksanaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga ini, sejauh manakah keberkesanan badan pendamai untuk kes keganasan rumah tangga untuk memastikan tiada kes ulangan. Untuk 15 tahun yang lepas, berapakah kes di mana mahkamah merujuk kepada badan pendamai. Berapakah kes dirujuk kepada terapi pemulihan, psikoterapi atau lain-lain kaunseling pendamaian yang sesuai. Berapa kes setelah dirujuk kepada badan pendamai orang yang dilindungi bersetuju untuk memberi satu lagi peluang kepada orang yang dituduh dan berapa yang tidak bersetuju. Berapakah kes setelah dirujuk untuk terapi pemulihan, psikoterapi atau lain-lain kaunseling pendamaian yang sesuai, orang yang dilindungi bersetuju untuk memberi satu lagi peluang kepada orang yang dituduh dan berapa yang tidak bersetuju.

Soalan terakhir, berapa kes keganasan rumah tangga yang dikesan melalui talian NUR sejak ia dilancarkan, dan apakah tindakan yang telah diambil?

Sekian, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

6.58 ptg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya sekali lagi untuk membahaskan satu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011. Tuan Yang di-Pertua, isu atau perkara berkenaan dengan keganasan rumah tangga memanglah isu yang begitu *close to my heart*, dengan izin. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon diberi lebih kurang 15 minit untuk berucap.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumah tangga kian meningkat dan ini merupakan masalah sosial. Ia juga adalah satu bentuk pencabulan hak asasi manusia dan bentuk diskriminasi berasaskan gender. Ia juga memberi implikasi yang negatif kepada perkembangan sosial dan ekonomi dan membawa kepada keruntuhan masyarakat sekiranya tidak dibendung. Isu ini juga kalau tidak ditangani dengan sewajarnya boleh melemahkan sumbangan wanita kepada pembangunan, keamanan, keselamatan dan hak asasi manusia.

Saya difahamkan bahawa Tuan Yang di-Pertua, insiden keganasan di Malaysia adalah tinggi. Dalam tahun 1995 terdapat 1,409 laporan polis mengenai kes keganasan rumah tangga. Dalam tahun 1997 iaitu tahun sepenuhnya di mana Akta Keganasan Rumah Tangga dikuatkuasakan, angka ini meningkat tinggi kepada 5,477 iaitu kadar kenaikan sebanyak 388 peratus. Ini betul-betul merunsingkan Tuan Yang di-Pertua.

■1900

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia pada 1 Jun 1996. Ini adalah satu undang-undang yang memberikan perhatian yang khusus dalam hal keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan beberapa cara penyelesaian bagi kes-kes sedemikian. Statistik untuk tahun ini sehingga bulan Julai 2010, menunjukkan jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia sebanyak 1,871 buah kes. Ini tidak termasuk kes-kes keganasan yang tidak dilaporkan.

Antara punca utama berlakunya keganasan rumah tangga ini adalah kerana tekanan hidup berkeluarga termasuk aspek ekonomi, budaya, sosial dan sebagainya. Justeru, bagi memantapkan serta menambah baik rang undang-undang ini, maka kerajaan telah mengambil langkah meminda undang-undang yang ada ini selaras dengan hasrat kerajaan dalam melaksanakan pelan transformasi dengan memperkasakan wanita di negara ini dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya merujuk pada pindaan seksyen 2(i) yang mentakrifkan tentang tempat selamat atau tempat berlindung dengan ertinya mana-mana rumah atau institusi yang diselenggarakan atau diuruskan oleh kementerian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud akta ini. Sebagai negara yang meratifikasikan Konvensyen Pencegahan Diskriminasi Terhadap Wanita atau CEDAW, maka isu terhadap keganasan rumah tangga ini menjadi salah satu agenda penting dalam program memperkasakan wanita. Isu ini telah ditangani melalui pelbagai rancangan, strategi program perundangan dan sebagainya oleh kedua-dua agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti NGO. Antara langkah yang diambil adalah:

- (i) menyediakan mekanisme sokongan bagi mangsa itu;
- (ii) pusat krisis bersepadu ataupun *one stop crisis center*, dengan izin;
- (iii) *shelter home* ataupun rumah perlindungan;
- (iv) kempen kesedaran; dan,
- (v) ekonomi memperkasakan wanita.

Di sini saya ingin bertanya, berapakah jumlah tempat perlindungan yang diwujudkan di bawah kementerian ini dan di bawah NGO serta organisasi sukarela? Adakah tempat perlindungan ini bersifat sementara atau untuk tempoh yang panjang? Apakah tindakan kementerian untuk memastikan tempat perlindungan ini didaftarkan di bawah kementerian bagi membolehkan tempat ini mendapat peruntukan tertentu?

Adakah tempat ini menyediakan kaunselor bagi membantu mangsa-mangsa keganasan rumah tangga dan adakah kaunselor itu mencukupi? Berapa ramai kaunselor yang ditugaskan untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga dan berapakah nisbah kaunselor yang ada sekarang dengan jumlah mangsa serta adakah ia mencukupi? Bagaimanakah dengan tempat selamat atau tempat berlindung yang diwujudkan oleh orang perseorangan atau individu tertentu yang menempatkan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga? Apakah tempat perlindungan ini mendapat peruntukan tertentu daripada pihak kementerian?

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk pada pindaan seksyen 11 akta ibu dipinda (a) dengan menggantikan subseksyen (i) yang mana mahkamah boleh dalam apa-apa permohonan yang perintah perlindungan diminta sebagai ganti atau sebagai tambahan pada mengeluarkan perintah perlindungan, membuat suatu perintah untuk merujuk pihak-pihak yang berkenaan kepada suatu badan pendamai. Isu pertama pindaan seksyen 11 Tuan Yang di-Pertua, memperuntukkan dengan bidang kuasa mahkamah untuk mengeluarkan perintah merujuk pihak-pihak yang berkenaan kepada satu badan pendamai, soalan saya Tuan Yang di-Pertua:

- (i) di mahkamah manakah permohonan ini patut dibuat, adakah kes-kes ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Rendah atau bidang kuasa Mahkamah Tinggi?;
- (ii) adakah perintah merujuk kepada badan pendamai ini dibuat oleh mahkamah atas dasar mahkamah fikir sesuai manfaat setelah atau atas permohonan dan persetujuan kedua-dua pihak berkenaan?;
- (iii) siapakah badan pendamai dan bagaimanakah badan pendamai ini dilantik, adakah badan ini dilantik oleh mahkamah atau kementerian atau oleh pihak yang berkenaan sendiri atas persetujuan mereka, berapa orang?; dan,
- (iv) di manakah sesi bertemu kedua-dua pihak dan badan pendamai ini diadakan, adakah pihak-pihak boleh memilih lokasi yang memudahkan akses pihak-pihak ke sana, apakah yang akan terjadi sekiranya satu pihak gagal hadir?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 11 memasukkan subseksyen (i)(a) yang memperuntukkan bahawa badan pendamai yang disebutkan dalam subseksyen (i)(a) hendaklah mengemukakan satu laporan berserta dengan syornya kepada mahkamah dalam tempoh satu bulan dari tarikh rujukan itu. Subseksyen (i)(b) mahkamah boleh setelah menimbang laporan dan syor yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (i)(a) memerintah satu pihak atau lebih dirujuk pada terapi pemulihan, psikoterapi atau apa-apa kaunseling pendamaian yang difikirkannya bersesuaian.

Sementara (c) dalam subseksyen (ii) dengan menggantikan perkataan perenggan (i)(a), (a) atau (b) dengan perkataan subseksyen (i) atau (i)(b) dan (d) dalam subseksyen (iii) dengan memasukkan selepas perkataan subseksyen (i) atau (i)(b).

Isu kedua Tuan Yang di-Pertua, pindaan subseksyen 11 memperuntukkan dengan bidang kuasa mahkamah untuk memerintah satu pihak atau lebih dirujuk pada terapi pemulihan, psikoterapi atau apa-apa kaunseling pendamaian yang difikirkannya bersesuaian. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, mengapakah tempoh yang ditetapkan hanya satu bulan? Kita maklum bahawa pelbagai perkara boleh berlaku dalam tempoh masa tersebut seperti berlakunya serangan pemangsa kepada mangsa keganasan rumah tangga dan sebagainya. Saya percaya mangsa pada keganasan rumah tangga pastinya memerlukan perintah segera daripada mahkamah untuk mengelakkan sebarang perkara buruk berlaku kepadanya.

Kedua, di manakah terapi pemulihan atau psikoterapi diadakan? Adakah di hospital-hospital atau di rumah perlindungan atau di lokasi-lokasi yang tertentu? Mengikut rekod kementerian, kes-kes yang dirujuk dan mendapat kaunseling daripada kementerian dari bulan Januari hingga bulan Disember tahun 2010, terdapat 82 kes penderaan rumah tangga dan sembilan kes penderaan kanak-kanak. Ini menunjukkan tidak ramai yang akan merujuk kepada kaunselor yang ada, apakah puncanya? Adakah kementerian pernah membuat kajian dalam hal ini, adakah tempat kaunseling itu susah diakses oleh pihak yang berkenaan atau adakah mangsa malu merujuk kes mereka, dan apakah cara untuk mengatasinya?

Kita maklum sekiranya kes yang melibatkan isteri yang mempunyai anak-anak kecil maka agak sukar untuk mereka ke pejabat-pejabat dan ini menggagalkan matlamat peruntukan ini. Jadi, disarankan agar kerajaan menyediakan mekanisme tertentu untuk memudahkan akses untuk menjalani terapi dan pemulihan terhadap mangsa. Di sini juga saya mengambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, untuk mencadangkan agar:

- (i) kerajaan memperkenalkan program latihan peka gender di sekolah-sekolah dan di tempat-tempat kerja untuk mengubah corak budaya dan perakuan sosial lelaki dan wanita supaya dapat membanteras semua amalan yang berasaskan idea *inferiority* atau *superiority* mana-mana seks serta membanteras peranan stereotaip wanita dan lelaki dalam masyarakat;
- (ii) selenggarakan pendidikan pencegahan untuk masyarakat supaya dapat membanteras keganasan rumah tangga; dan
- (iii) menimbulkan kesedaran kepada kanak-kanak tentang pencabulan hak mereka di dalam isu keganasan rumah tangga.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang silakan Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat.

■1910

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mengemukakan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta 521 ini sebagai bukti keprihatinan kerajaan bagi melindungi mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita dan kanak-kanak serta keluarga dan masyarakat keseluruhannya. Saya amat bersetuju bahawa pindaan Rang Undang-undang Keganasan Rumah tangga ini adalah merupakan sejarah perjuangan hak dan kepentingan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, kes keganasan rumah tangga semakin meningkat. Jumlah kes keganasan rumah tangga iaitu kes suami isteri yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meningkat daripada 860 kes pada tahun 2009 kepada 1,075 kes bagi tahun 2010. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, jumlah atau bilangan kes keganasan rumah tangga bagi tahun 2011 mengikut jenisnya. Apakah jenis penderaan secara fizikal yang sering kali dilaporkan kepada JKJ dan bagaimanakah kerajaan menangani dan melindungi mangsa kes keganasan rumah tangga ini?

Tuan Yang di-Pertua, kes keganasan rumah tangga yang terus meningkat ini akhirnya akan menjadi isu sosial yang boleh membawa kepada keruntuhan masyarakat jika tidak dibendung. Keganasan rumah tangga biasanya dikaitkan dengan pelbagai punca terutama masalah kewangan atau kesempitan duit tetapi banyak juga disebabkan sikap kurang hormat terhadap pasangan seperti meninggikan suara, menjatuhkan maruah pasangan di depan rakan atau ahli keluarga, masalah anak-anak dan campur tangan keluarga mertua. Rentetan pelbagai punca kecil ini akan merebak kepada keganasan fizikal.

Pindaan seksyen 2 memberikan takrifan yang lebih luas mengenai keganasan rumah tangga bukan sahaja skop keganasan rumah tangga melibatkan keganasan fizikal, malah merangkumi penderaan emosi dan psikologi serta mental. Ianya juga tidak terbatas kepada wanita atau isteri tetapi juga lelaki atau suami mahupun dari pihak ketiga. Dalam hubungan ini, ruang lingkup takrifan keganasan rumah tangga sewajarnya lebih luas iaitu selain menyebabkan kecederaan fizikal tetapi juga antaranya meletakkan mangsa dalam ketakutan kecederaan fizikal. Memaksa atau mengancam mangsa melakukan perbuatan seksual, mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan dan melakukan khianat atau kemusnahan harta dengan niat menyebabkan kesedihan pada mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan seksyen 3 berhubung dengan akta ini iaitu hendaklah dibacakan bersama dengan Kanun Keseksaan Akta 574 atau mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan kesalahan berhubung dengan keganasan rumah tangga seperti Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Kanak-kanak 2001. Pindaan seksyen ini memberi kelebihan untuk merujuk kepada lain-lain undang-undang bertulis bagi memastikan kes keganasan rumah tangga ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. Seterusnya, saya ingin menyentuh seksyen 7 mengenai kewajipan untuk melampirkan waran tangkap bersama dengan perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan bagi membolehkan pegawai polis untuk menangkap dengan waran atau tanpa waran pelaku keganasan rumah tangga.

Pindaan Akta 521 ini juga telah memasukkan peruntukkan bahawa kesalahan bagi keganasan rumah tangga adalah merupakan kesalahan yang boleh ditangkap. Adalah penting pelaku keganasan rumah tangga ini ditangkap bagi mengelakannya daripada memasuki premis atau tempat seperti rumah, pejabat dan sebagainya. Sering kali, pelaku keganasan rumah tangga ini akan mencari dan menyerang mangsa tanpa memilih tempat dan masa. Oleh itu, adalah wajar tindakan pencegahan diambil dengan menangkap pelaku keganasan rumah tangga ini.

Saya ingin mencadangkan agar pelaku keganasan ini tidak dibenarkan untuk dibebaskan dengan jaminan atau ikat jamin sehingga pasti pelaku keganasan rumah tangga ini tidak akan menimbulkan masalah dan membahayakan mangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong langkah kerajaan memasukkan seksyen baru 12A dan seksyen 12B dalam akta ini iaitu membenarkan orang lain selain mangsa sendiri seperti peguam dan pegawai kebajikan bagi pihak pemohon untuk memohon *Interim Protection Order* (IPO).

Peruntukkan ini adalah penting kerana mangsa mungkin dalam keadaan tidak mengizinkan dari segi fizikal, mental dan emosi untuk memohon IPO. Maka peguam dan pegawai kebajikan boleh mendapatkan IPO bagi mangsa.

Saya ingin mencadangkan selain daripada peguam dan pegawai kebajikan, adalah wajar peruntukkan ini memberikan peluang dan kebenaran orang perseorangan lain seperti keluarga atau waris terdekat seperti ibu bapa, adik-beradik ataupun anak-anak mahupun jiran. Keadaan mangsa yang mungkin tercedera teruk akibat dari penderaan fizikal dan mungkin terganggu dari segi emosi, mental dan psikologi serta tidak stabil dari segi pemikiran menyebabkan mangsa tidak mampu mendapatkan IPO bagi dirinya sendiri. Oleh itu, waris terdekat boleh membantu mendapatkan IPO demi menjaga keselamatan dan melindungi mangsa keganasan rumah tangga ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh bahagian tiga Akta Ibu berhubung dengan pampasan dan kaunseling dengan merujuk pada seksyen 10(1), telah memperuntukkan bagi mangsa keganasan rumah tangga untuk mendapat pampasan kerana kecederaan diri atau kerosakan harta.

Bagaimanapun, pindaan fasal 9 dengan menggantikan seksyen 10(2)(a) dengan memasukkan kecederaan fizikal atau penderaan psikologi termasuk kecederaan emosi yang dialami telah memperluaskan skop pampasan. Pindaan ini adalah selari dengan takrifan baru penderaan dalam kes keganasan rumah tangga.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk seksyen 11(1) Akta Ibu, Akta 521 yang bukan sahaja memperuntukkan keperluan kaunseling, pemulihan dan badan pendamai. Rang undang-undang ini bukan bertujuan untuk memecahbelahkan keluarga, jauh sekali menggalakkan penceraian tetapi sebagai langkah untuk menenteramkan keadaan bagi mewujudkan keharmonian keluarga. Sesungguhnya, cadangan pindaan rang undang-undang ini mampu membendung kecenderungan menggunakan kekerasan rumah tangga untuk menyelesaikan masalah dan konflik rumah tangga tetapi ia membawa keadilan, pembelaan dan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1920

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

7.20 mlm.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga yang telah dibentangkan baru sekejap tadi. Kita tahu akta ini merupakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dahulu yang perlu dipinda kepada kebaikan-kebaikan yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Dalam fasal-fasal yang telah diterangkan tadi ada 16 fasal semuanya, untuk memberi kebaikan-kebaikan kepada rang undang-undang yang tersedia ada. Tuan Yang di-Pertua, apabila rang undang-undang ini dipinda untuk memperkemas dan memperbaiki lagi, ini memberi kefahaman kepada kita bahawa sistem kehidupan keluarga dalam masyarakat kita di Malaysia ini semakin meruncing sehingga peruntukan-peruntukan yang sedia ada tidak lagi mampu diguna pakai di dalam menyekat keadaan-keadaan keganasan yang telah berlaku di dalam masyarakat kita.

Tadi kita telah mendengar statistik yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri meningkatnya keganasan rumah tangga daripada tahun ke tahun dan ini sangat membimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh kita imbas kembali hukuman yang dicadangkan atau digubal, merupakan destinasi yang terakhir di dalam kehidupan manusia. Ia merupakan satu cara pendidikan dan pencegahan kepada yang terlibat.

Namun begitu, saya melihat undang-undang sahaja belum cukup mampu untuk membendung kes-kes dan gejala-gejala seperti ini. Oleh kerana itu kita boleh tengok masyarakat kita secara keseluruhannya, secara global, di mana setiap orang mempunyai peranan dan tugas yang perlu diberi penjelasan. Masyarakat kita yang terlibat dengan keganasan rumah tangga ini ada yang berpelajaran dan ada yang tidak. Ada yang status ekonomi tinggi dan ada yang tidak. Oleh kerana itu, bagi kita hidup dalam masyarakat ini, pihak kerajaan dan juga swasta atau semua pihak perlu saling mengingatkan antara satu sama lain tentang tugas masing-masing di dalam hidup. Apa dia tugas isteri, apa dia tugas suami, apa pula tugas bapa dan apa dia tugas ibu.

Hal keganasan rumah tangga ini berlaku kerana ada pihak-pihak di dalam rumah tangga itu tidak memahami tugas. Ini perlu dipantau dan diberi penerangan, penjelasan melalui berbagai-bagai cara yang ada di dalam masyarakat kita. Saya merasakan ia perlu dimulakan daripada asas daripada sekolah, daripada masyarakat dan juga seterusnya di dalam negara.

Kalau kita lihat media, media kita banyak di dalam negara kita ini. Ada TV, ada akhbar, ada *internet* dan sebagainya. Semua media ini boleh digarap untuk memberi maklumat kepada seluruh masyarakat tentang tugas dan peranan masing-masing. Perkelahian, pertikaian yang berlaku di dalam masyarakat kita itu seperti mana yang saya cakapkan tadi ialah kerana setiap orang kadang-kadang tidak tahu peranan dan tugasnya dan kalau tahu peranan dan tugasnya, tetapi dia tidak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Kita kembali kepada keluarga ini, kadang-kadang penganiayaan itu berlaku banyak kepada isteri. Pun begitu, kita tidak menafikan ada laporan-laporan yang di mana suami juga dianiayai. Sama ada suami atau isteri yang dianiayai, tetapi yang sebenarnya ialah keadaan ini berlaku kerana mereka tidak mempunyai tanggungjawab yang jelas. Kita tidak menafikan bahawa sebab-sebab berlakunya keganasan ini ada berbagai-bagai keadaan seperti emosi.

Emosi tadi berpunca daripada bermacam-macam. Ada berpunca daripada keadaan ekonomi, dan masalah kewangan ini juga memberi impak yang berbagai-bagai di dalam kehidupan. Ada orang yang mungkin tidak stabil dari segi ekonominya boleh menyebabkan kekecohan rumah tangga dan hasilnya mereka akan berlaku pergaduhan dan kadang-kadang boleh membawa pukul-memukul.

Yang kedua juga, kadang-kadang keadaan ekonominya stabil, namun, mereka tidak mempunyai cukup tentang sebagai suami dan juga sebagai isteri dan juga sebagai ibu bapa. Ini sangat penting sebab kalau suami tidak mempunyai ilmu kesuamiannya – maaf kalau istilah saya ini tidak tepat. Kalau isterinya tidak tahu ilmu keisteriannya dan bapa tidak tahu ilmu kebapaan dan keibuannya kepada ibu dan anak juga tidak memahami, di sini berlaku konflik dan konflik-konflik ini lah yang perlu kita tangani bersama di dalam hal-hal ini.

Seterusnya, hal ini berlaku ialah kerana tujuan hidup. Apa sebenar tujuan hidup yang ingin dibangunkan di dalam keluarga tadi? Apabila seseorang itu tidak tahu apa tujuan hidup, apa tujuan berkahwin, apa tujuan dapat anak, maka di situlah dia tidak akan dapat harmoni di dalam hidupnya. Mungkin setiap orang hendakkan anak, hendakkan isteri atau suami tetapi apabila gagal memahami tujuan berumah tangga, tujuan berkeluarga, maka di situlah timbulnya pergaduhan apabila timbul sedikit sahaja kesilapan-kesilapan ataupun pandangan yang tidak serasi antara satu sama lain.

Seterusnya, ego yang berlebihan. Ego lebih. Kadang-kadang suami ego yang sangat lebih, begitulah juga mungkin di sebelah isteri juga egonya sangat lebih. Keegoan-keegoan ini kalau tidak di luntur dengan sebaiknya, ia akan menimbulkan buah yang tidak baik, berbeza dengan sebelum kahwin. Kalau belum kahwin itu, *alhamdulillah*, semuanya cantik belaka tetapi setelah kahwin, beranak-pinak, macam-macam timbul. Ini biasa dalam masyarakat. Akan tetapi tahniah kepada orang yang kahwin lama dan tidak ada masalah. Saya rasa tidak ada yang tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua, tetapi masalah itu biasa terjadi dan dapat diselesaikan dengan sebaiknya.

Begitulah juga saya ingin menekankan, sebab kekecohan ini berlaku ialah kerana keimanan. Bagi orang Islam, keimanan. Keimanan ini juga merupakan satu teras yang baik di dalam mencernakan kehidupan yang harmoni dalam rumah tangga. Oleh kerana itu bagi saya kursus-kursus ini kepada masyarakat perlu diteruskan dengan berbagai-bagai cara yang ada di dalam negara kita supaya masyarakat kita hidup lebih harmoni dan dapat dikurangkan masalah-masalah yang sedang berlaku.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang besar dalam hidup kita – kalau boleh pihak-pihak yang berkeinginan membuat kursus *management* kemarahan, bagaimana mengurus kemarahan. Orang yang tidak pandai mengurus marah ini yang bantai isteri ini. Kalau dia dapat mengurus marah dengan sebaik-baiknya, saya yakin dan percaya dia tidak hentam isterinya sehingga patah, bengkok, lebam dan sebagainya. Jadi pengurusan kemarahan ini mungkin ada pihak-pihak yang berminat boleh digarap sehingga jadi modul.

Seterusnya saya juga merasakan unsur ini adalah berkait dengan hasad dengki. Hasad dengki ini menebal di dalam diri manusia. Dalam diri kita manusia ini hasad dengki ini memang banyak dan apabila dia banyak, maka dia akan hasad marah kepada isteri atau marah kepada suami. Oleh kerana itulah hasad dengki ini akan meninggalkan dendam. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, perkara yang perlu diberi kepada kita semua ialah pendidikan itu di mula daripada awal, daripada sekolah, daripada rumah tangga dan kepada dalam masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang itu mengambil ruang yang terakhir. Namun, saya melihat keganasan ini juga – dalam saya sebut di sini perundingan di antara suami isteri kalau ada pihak tengah yang boleh berunding. Di sana...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih panjang lagiakah hujahan?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau macam itu boleh sambung esok.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menangguhkan mesyuarat Dewan hari ini, izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, kepada Yang Berbahagia Datuk Zamani, Setiausaha Dewan Negara, Ketua Pentadbir, Dato' Ngah Senik, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri dan Timbalan Menteri, pegawai kerajaan, warga Parlimen, pengawal keselamatan, kerani, bentara dan semua warga Parlimen yang selama ini telah membantu saya sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara mahupun sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Budi baik dan bantuan daripada rakan-rakan tidak akan saya lupakan dan kenangan manis sepanjang dua penggal, enam tahun berkhidmat di Dewan yang mulia ini akan tetap bersemadi di hati saya.

Sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini, saya telah banyak berkata-kata, berseloroh dan juga menegur, mengangkat suara besar dan kadang-kadang terlepas pandang tidak berkesempatan untuk memberi peluang soalan tambahan dan mungkin telah terlanjur kata terkasar bahasa yang boleh menyentuh perasan, maka ribuan maaf saya pinta.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih berkhidmat di Dewan yang mulia ini, saya pohon agar bantulah Yang Berhormat Tan Sri Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang baru untuk mentransformasikan Dewan Negara yang mulia ini dengan mengukuhkan kredibiliti, meningkatkan integriti dan memperkasakan serta memantapkan dan memartabatkan Dewan yang mulia ini, bolehkah?

Beberapa Ahli: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih...

*Celoteh Tuan Yang di-Pertua cukuplah panjang,
Nasihat untuk kebaikan diri.
Kaulah ada umur yang panjang,
Insya-Allah kita akan berjumpa lagi... [Tepuk]*

*Anak haruan berlima-lima,
Bermain-main di celah daun,
Budi semua saya terima,
Akan dikenang bertahun-tahun... [Tepuk]*

*Turun hujan perahu berlabuh,
Di malam gelap menangkap ikan,
Saya menyusun jari sepuluh,
Salah dan silap mohon maafkan... [Tepuk]*

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 21 Disember 2011. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.33 malam.